

**PENGGUNAAN BONEKA DALAM PENGAJARAN
DAN PEMBELAJARAN KEMAHIRAN
LITERASI DI TABIKA**

SITI NAZRIYAH BINTI MUHAMMAD NIZAM

**FAKULTI PENDIDIKAN
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2020

**PENGGUNAAN BONEKA DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
KEMAHIRAN LITERASI DI TABIKA**

SITI NAZRIYAH BINTI MUHAMMAD NIZAM

**DISERTASI DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI SEBAHAGIAN KEPERLUAN
BAGI SARJANA PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK**

**FAKULTI PENDIDIKAN
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2020

UNIVERSITI MALAYA

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama : Siti Nazriyah Binti Muhammad Nizam
No. Matrik: PGF 140013
Nama Ijazah: Ijazah Sarjana
Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis (“Hasil Kerja ini”): ‘**Penggunaan Boneka Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Kemahiran Literasi Di Tabika**’

Bidang Penyelidikan: Pendidikan Awal Kanak-Kanak

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon
Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tarikh: 7 September 2020

Tandatangan Saksi

Tarikh: 7 September 2020

Nama:
Jawatan:

ABSTRAK

Kajian ini merupakan kajian kes tunggal (*single case study*) secara kualitatif yang dijalankan bagi mengenalpasti berkaitan dengan penggunaan boneka dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran literasi. Kajian ini akan memfokuskan kepada kemahiran literasi kanak-kanak iaitu mendengar, bertutur dan membaca. Tujuan kajian adalah bagi melihat kesan pengajaran guru menggunakan boneka sebagai bahan bantu mengajar dalam kemahiran literasi kanak-kanak. Reka bentuk kajian merupakan kajian kes satu tempat yang dijalankan di tabika KEMAS Kuala Lumpur. Kajian ini melibatkan seorang guru dan seorang pembantu pengurusan murid (PPM) yang dipilih menjadi responden dalam kajian ini. Data kajian diperolehi secara kualitatif dengan menggunakan kaedah pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen. Keseluruhan data ini dianalisis secara manual dan tema yang dikeluarkan telah disemak serta disahkan oleh penyelia. Hasil daripada dapatan kajian mendapati pendekatan bermain sambil belajar menggunakan boneka yang digunakan oleh guru dapat membantu meningkatkan penguasaan kemahiran literasi kanak-kanak iaitu kanak-kanak boleh bercerita kepada guru dan rakan-rakan tanpa rasa malu serta yakin apabila menggunakan boneka, kanak-kanak boleh bersoal jawab dengan guru dan rakan dengan menggunakan boneka berbanding sebelum mereka menggunakan boneka. Kesimpulannya, dalam pengajaran menggunakan boneka adalah penting guru mempunyai pengetahuan, kefahaman dan kemahiran dalam mengendalikan boneka sebagai bahan bantu mengajar supaya dapat mencapai objektif dan matlamat pengajaran.

**USE OF PUPPETS IN TEACHING AND LEARNING LITERACY SKILLS
IN KEMAS PRESCHOOLS**

ABSTRACT

This study aims to identify the knowledge, understanding, and skills that teachers need in puppet teaching and learning. Besides, it is also to see the effectiveness of puppets in children's literacy skills in kindergartens. The design of this study is a case study involving a teacher and a student management assistant (PPM), who were selected to be the participants in this study. The data of this study were qualitatively obtained using observations, interview and document analysis. All the data were manually analysed, and the theme published was reviewed and verified by the supervisor. The study found that using puppets as teaching aids can help improve children's literacy skills in kindergartens. The results of the study found that the approach of playing while learning using puppets used by teachers can help improve the mastery of children's literacy skills that is children can talk to teachers and friends without shame and confidence when using puppets, children can question answer with teachers and friends using puppets as compared to before they used puppets. In conclusion, it is crucial that teachers need to have basic knowledge of puppet mastery so that the objectives and goals of teaching are met.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan izinnya dapat saya menyempurnakan disertasi sarjana ini dengan jayanya. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w berserta ahli keluarga dan sahabatnya. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kaih yang tidak terhingga kepada semua yang terlibat dalam menjayakan kajian ini secara langsung atau tidak langsung khususnya buat penyelia saya Professor Datin Dr. Mariani Md. Nor yang sentiasa memberi bimbingan, teguran, bantuan, cadangan, pandangan dan tunjuk ajar dari awal sehingga akhir dalam menjayakan kajian ini dengan baik dan sempurna.

Penghargaan terima kasih ini juga saya tujukan kepada Dr. Fonny Dameaty Hutagalung dan Dr. Siti Hajar Halili yang turut memudahkan segala urusan dalam menyiapkan kajian ini terutamanya dari segi teguran, pandangan dan cadangan. Tidak dilupakan juga ucapan terima kasih ini kepada pensyarah-pensyarah yang memberikan ilmu yang tidak ternilai kepada saya sepanjang tempoh pengajian saya di Universiti Malaya.

Terima kasih yang tidak terhingga juga kepada Puan Asma Laili binti Mohamad Nasir guru tabika KEMAS, Puan Nik Kartina pembantu pengurusan murid (PPM), yang telah banyak memberi kerjasama dan berkongsi ilmu kepada saya untuk saya menjalankan kajian ini. Terima kasih juga kepada anak-anak di tabika KEMAS yang terlibat dalam kajian ini.

Selain itu jutaan terima kasih juga diucapkan kepada En.Muhamat Yufpri, Puan Shahida Mahamud, En.Rizal dan En.Fendi dari kedai Fotostat kerana banyak membantu dan memudahkan urusan saya dalam menyiapkan kajian. Tidak dilupakan rakan seperjuangan saya Raudah Bt Sarip, kak Idayu Said dan Puan Jayamary kerana banyak membantu dan memberi sokongan kepada saya sepanjang saya menyiapkan kajian.

Akhir sekali, penghargaan istimewa kepada suami tercinta Saiful Taqiyuddin Bin Iskak yang banyak memberi sokongan, motivasi dan memahami tugas saya sepanjang kajian ini. Terima kasih juga kepada anak-anak tersayang Muhammad Adam, Ammar Yusuf dan Auni Khadijah kerana sentiasa menemani saya sepanjang tempoh pengajian saya. Begitu juga buat

bonda Che Jam Bt Morad dan ayahanda Muhammad Nizam Bin Abd. Hamid serta keluarga mertua, abang dan adik yang selalu memberi kekuatan, menjadi inspirasi dan juga banyak memberi sokongan, dorongan dan juga pencetus semangat bagi menjayakan penulisan ini. Jutaan terima kasih diucapkan. Semoga jasa dan budi baik yang diberikan oleh semua akan mendapat balasan daripada Allah S.W.T *Amin Ya Rab al-Alamin*.

Sekian terima kasih. Wassalam

Universiti Malaya

ISI KANDUNGAN

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN.....	ii
ABSTRAK	iii
<i>ABSTRACT</i>	iv
PENGHARGAAN	v
ISI KANDUNGAN.....	vii
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI JADUAL.....	xiii
SENARAI SINGKATAN.....	xiv

BAB 1 PENGENALAN

1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian.....	1
1.3 Rasional Kajian	10
1.4 Pernyataan Masalah	10
1.5 Objektif Kajian.....	14
1.6 Soalan Kajian	14
1.7 Kerangka Konseptual.....	15
1.8 Kepentingan Kajian.....	17
1.9 Batasan Kajian	17
1.10 Definisi Konsep Dan Operasional.....	18
1.10.1 Boneka	18
1.10.2 Pengajaran.....	19
1.10.3 Pembelajaran.....	20
1.10.4 Kemahiran Literasi.....	20
1.10.5 Guru	20
1.10.6 Tabika.....	21
1.10.7 Pengetahuan	21
1.10.8 Kefahaman	21
1.10.9 Kemahiran.....	22
1.11 Rumusan.....	22

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	23
2.2	Boneka	23
2.2.1	Jenis Boneka	26
2.2.2	Teknik Penggunaan Boneka.....	27
2.3	Boneka Dalam Kurikulum Prasekolah.....	29
2.4	Perkembangan Bahasa Dan Kemahiran Literasi.....	31
2.5	Kemahiran Literasi Dalam Dokumen Standard Kurikulum Dan Pentaksiran	33
2.6	Boneka Dalam Kemahiran Literasi.....	36
2.7	Kemahiran Asas Literasi	37
2.8	Kemahiran Literasi Dalam Perkembangan Kanak-Kanak	38
2.9	Teori-Teori Yang Berkaitan.....	40
2.9.1	Teori Perkembangan Kognitif Jean Piaget.....	40
2.9.2	Teori Pembelajaran Konstruktivis Vygotsky.....	43
2.9.3	Scaffolding	45
2.9.4	Model Gaya Pembelajaran VAK (visual, audio, kinestetik).....	46
2.9.4.1	Gaya Pembelajaran Visual.....	46
2.9.4.2	Gaya Pembelajaran Auditori	47
2.9.4.3	Gaya pembelajaran Kinestetik.....	47
2.9.4.4	Kerangka Teoritikal.....	48
2.10	Kajian Penggunaan Boneka Di Dalam Dan Luar Negara	55
2.10.1	Kajian di Malaysia	55
2.10.2	Kajian Luar negara.....	57
2.11	Rumusan.....	59

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	60
3.2	Reka Bentuk Kajian	60
3.3	Kaedah Kajian.....	63
3.4	Persampelan Kajian.....	65
3.4.1	Lokasi Kajian	66
3.4.2	Penentuan dan Kaedah Pemilihan Peserta	67

3.4.3	Kriteria Pemilihan Peserta	70
3.4.3.1	Deskripsi Peserta Kajian.....	72
3.4.4	Penentuan Dan Pemilihan Tempoh Kajian	75
3.5	Tatacara Pelaksanaan Kajian.....	77
3.5.1	Pra Pengutipan Data.....	79
3.5.2	Semasa Pengutipan Data.....	81
3.5.3	Selepas Pengutipan Data.....	81
3.6	Kaedah Pengutipan Data	82
3.6.1	Kaedah Pemerhatian	83
3.6.1.1	Justifikasi Pemilihan Kaedah Pemerhatian	83
3.6.1.2	Protokol Kaedah Pemerhatian	85
a.	Rakaman Video	87
b.	Catatan Jurnal	88
c.	Catatan Lapangan	88
3.7	Kaedah Temu Bual.....	89
3.7.1	Justifikasi Pemilihan Kaedah Temu Bual	89
3.7.1.1	Temu Bual Berstruktur.....	90
3.7.1.2	Temu Bual Semi Berstruktur.....	91
3.7.1.3	Protokol Soalan Temu Bual.....	92
3.8	Kaedah Analisis Dokumen.....	95
3.8.1	Justifikasi Pemilihan Kaedah Analisis Dokumen	95
3.9	Kesahan Dan Kebolehpercayaan.....	96
3.9.1	Kesahan.....	97
3.9.1.1	Kesahan Dalaman.....	97
3.9.1.2	Kesahan Luaran	100
3.9.1.3	Kebolehpercayaan	100
3.9.1.4	Kumpulan Pakar	101
3.9.1.5	Kajian Rintis	102
3.9.1.6	Triangulasi Data	103
a.	Triangulasi Antara Kaedah	104
b.	Triangulasi Dalam Kaedah	104
c.	Triangulasi Melalui Pelbagai Analisis	105

3.10	Prosedur Analisis Data.....	105
3.10.1	Analisis Semasa Pengutipan Data.....	106
3.10.1.1	Membuat Ringkasan.....	107
3.10.1.2	Membuat Catatan Memo.....	107
3.10.2	Analisis Selepas Pengutipan Data.....	107
3.10.2.1	Pengelompokan Data Dan Kesimpulan.....	108
3.10.2.2	Membuat Verifikasi.....	108
3.11	Prosedur Membentuk Koding Dan Kategori	109
3.12	Rumusan.....	110

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	111
4.2	Demografi Peserta Kajian	111
4.2.1	Latar Belakang Guru.....	111
4.2.2	Latar Belakang Pembantu Pengurusan Murid (PPM).....	114
4.3	Dapatan Kajian Pengetahuan Guru Tentang Penggunaan Boneka	115
4.4	Rumusan Kajian	121
4.5	Dapatan Kajian Kefahaman Penggunaan Boneka	122
4.6	Rumusan.....	131
4.7	Dapatan Kajian Kemahiran Dalam Penggunaan Boneka.....	132
4.8	Rumusan.....	137

BAB 5 PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI KAJIAN

5.1	Pendahuluan	138
5.2	Rumusan.....	138
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	139
5.3.1	Pengetahuan Tentang Penggunaan Boneka	140
5.3.1.1	Pengetahuan Tentang Definisi Dan Tujuan Penggunaan Boneka	141
5.3.1.2	Pengetahuan Tentang Asas Penggunaan Boneka	141
5.3.1.3	Pengetahuan Tentang Pengalaman Menggunakan Boneka	142
5.3.1.4	Pengetahuan Tentang Jenis-Jenis Boneka	143
5.3.1.5	Pengetahuan Tentang Kekerapan Menggunakan Boneka	144
5.3.1.6	Pengetahuan Tentang Cara Membuat Boneka.....	145

5.3.2 Kefahaman Dalam Aspek Pembuatan Boneka	146
5.3.2.1 Kefahaman Dalam Pendekatan Pengajaran Boneka.....	147
5.3.2.2 Kefahaman Dalam Strategi Pengajaran Boneka.....	148
5.3.2.3 Kefahaman Dalam Teknik Penggunaan Boneka.....	149
5.3.2.4 Kesan Penggunaan Boneka Dalam Kemahiran Literasi.....	149
5.3.2.5 Kemahiran-Kemahiran Yang Guru Perlu Kuasai.....	151
5.4 Rumusan Perbincangan Dapatan Kajian.....	152
5.5 Implikasi Kajian.....	153
5.5.1 Implikasi Pengetahuan Tentang Definisi dan Persepsi Penggunaan Boneka di Tabika.....	154
5.5.2 Implikas Kefahaman Penggunaan Boneka Terhadap Pendekatan Pengajaran Dan Kemahiran Penggunaan Boneka.....	156
5.6 Cadangan Kajian.....	158
5.6.1 Cadangan Tentang Kemahiran Guru.....	158
5.6.2 Cadangan Kajian Lanjutan.....	160
5.7 Kesimpulan Keseluruhan Data Kajian.....	162
5.7.1 Pengetahuan Tentang Boneka.....	162
5.7.2 Kefahaman Mengaplikasikan Penggunaan Boneka.....	162
5.7.3 Kemahiran Dalam Penggunaan Boneka	163
5.8 Rumusan Keseluruhan	163
RUJUKAN.....	164
LAMPIRAN	

SENARAI RAJAH

Rajah 1.1 Kerangka Konseptual Kajian	15
Rajah 2.1 Kerangka Teori Kajian.....	52
Rajah 3.1 Triangulasi Data Yang Dikutip.....	104

Universiti Malaya

SENARAI JADUAL

Jadual 2.1 Teknik Penggunaan Boneka.....	28
Jadual 2.2 Kemahiran Dalam Tunjang Komunikasi.....	36
Jadual 3.1 Latar Belakang Peserta Kajian.....	74
Jadual 3.2 Latar Belakang Peserta Kajian (PPM).....	75
Jadual 3.3 Kekerapan Pemerhatian Dan Temu Bual.....	77
Jadual 3.4 Tata Cara Pelaksanaan Kajian.....	79
Jadual 4.1 Latar Belakang Peserta Kajian.....	112
Jadual 4.2 Laporan Kursus Penggunaan Boneka.....	113
Jadual 4.3 Latar Belakang Peserta Kajian (PPM).....	114
Jadual 4.4 Jenis Boneka.....	117
Jadual 4.5 Langkah-Langkah Membina Boneka Dari Beg Kertas.....	120
Jadual 4.7 Laporan Perkembangan Murid.....	130

SENARAI SINGKATAN

CPB : Cara penggunaan boneka

DSKP : Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran

GB : Gambar Boneka

JKM : Jabatan Kebajikan Masyarakat

KMB : Kemahiran menggunakan boneka

KPB : Kefahaman penggunaan boneka

KPM : Kementerian Pendidikan Malaysia

LBG : Latar belakang guru

LBP : Latar belakang pembantu pengurusan murid

PKL : Perkembangan Kemahiran Literari

PPB : Pengetahuan penggunaan boneka

BAB 1 PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Bab ini menjelaskan tentang kajian yang dijalankan berkaitan penggunaan boneka bagi pengajaran dan pembelajaran kemahiran literasi di tabika. Kajian ini melibatkan seorang guru dan seorang pembantu pengurusan murid bagi menyokong dapatan kajian ini. Guru yang dipilih merupakan seorang guru yang berpengalaman dalam menggunakan boneka lebih daripada 10 tahun yang melibatkan pengajaran dan pembelajaran kemahiran literasi bagi kanak-kanak yang berumur empat dan lima tahun di tabika KEMAS. Bab ini membincangkan latar belakang kajian, rasional kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, soalan kajian, kerangka konseptual, kepentingan kajian, batasan kajian, definisi istilah dan operasional.

1.2 Latar Belakang Kajian

Kualiti seseorang guru itu banyak bergantung kepada mutu pendidikan. Seorang guru yang baik, mampu memberikan pengajaran dan pembelajaran yang menarik serta berkesan kepada kanak-kanak. Dalam usaha meningkatkan pencapaian pembelajaran, guru harus mempunyai pengetahuan, kefahaman, kemahiran serta sikap yang baik di dalam bilik darjah (Normazidah, 2012). Sesuatu proses pengajaran dan pembelajaran perlu mempunyai objektif yang tertentu untuk dicapai oleh setiap kanak-kanak. Guru dan kanak-kanak merupakan golongan yang terpenting bagi proses pengajaran dan pembelajaran. Setiap guru dan kanak-kanak memainkan peranan bagi mencapai hasil pengajaran dan pembelajaran yang diinginkan.

Oleh kerana itu guru perlu peka berkaitan dengan proses pengajaran dan pembelajaran dengan mengambil kira faktor penting yang dapat meningkatkan hasil pembelajaran. Guru juga perlu tahu menggunakan pelbagai strategi dan kaedah yang

sesuai dengan tahap perkembangan, kebolehan, keperluan, minat dan bakat supaya pembelajaran menjadi berkesan dan lebih bermakna.

Perancangan guru adalah penting dalam memilih dan merancang serta menggunakan pendekatan pengajaran yang sesuai dengan kebolehan kanak-kanak bagi mewujudkan keberkesanan dalam pengajaran mereka (Normazidah, 2012). Keberkesanan sesuatu pendekatan merupakan saling berkait antara kecekapan guru dengan keperluan kanak-kanak (Naimah Yusof, 2011 dalam Zuhaila, 2015). Salah satu pendekatan pengajaran yang boleh digunakan oleh guru iaitu belajar melalui bermain dengan menggunakan boneka dalam pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak. Guru juga boleh menarik minat kanak-kanak untuk belajar dan memberi tumpuan terhadap pengajaran dengan menggunakan boneka dalam aktiviti bercerita dan nyanyian.

Kejayaan setiap aktiviti pengajaran dan pembelajaran dapat dicapai melalui penggunaan bahan bantu mengajar yang lebih efektif dengan memilih kaedah pengajaran dan pembelajaran yang dapat meningkatkan interaksi antara guru dan kanak-kanak (Zuhaila, 2015). Penggunaan boneka sebagai bahan bantu mengajar merupakan salah satu cara yang efektif serta boleh membantu melancarkan proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Boneka juga dikatakan boleh menjadi alat bantu mengajar bagi pengajaran di peringkat prasekolah yang unik serta mempunyai kebaikan kepada kanak-kanak (Loy 2011). Aktiviti boneka sebagai alat pedagogi dalam pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak di peringkat tadika adalah sangat baik kerana dapat membantu perkembangan mereka dari aspek emosi, jasmani, intelek, rohani dan sosial. Balkis (2014) menyatakan penggunaan boneka sebagai alat bantu mengajar dapat membantu keseluruhan perkembangan kanak-kanak. Penggunaan boneka sebagai bahan bantu mengajar bukan sahaja dapat membantu

meningkatkan perkembangan kanak-kanak secara menyeluruh malah boleh diaplikasikan dalam pendekatan belajar melalui bermain.

Azizah dan Zainun (2001) menyatakan sangat penting dalam memupuk perkembangan dan penyuburan individu secara seimbang dan menyeluruh melalui aktiviti bermain sambil belajar. Melalui aktiviti bermain juga dapat meningkatkan perkembangan kemahiran bahasa kanak-kanak melalui penggunaan boneka dalam pengajaran dan pembelajaran. Manakala kanak-kanak yang banyak melibatkan diri dengan aktiviti seperti perbualan menggunakan boneka akan lebih mudah memahami jalan cerita dengan lebih baik berbanding dengan kanak-kanak yang kurang terlibat dalam aktiviti yang melibatkan boneka (Cristies dan Roskos, 2009 dalam Sharifah dan Aliza, 2011). Disamping itu penggunaan boneka juga dapat menarik perhatian dan minat kanak-kanak terhadap pengajaran yang disampaikan oleh guru dan dapat menjadikan suasana pembelajaran lebih menyeronokkan serta dapat meningkatkan motivasi dalam diri kanak-kanak. Melalui penggunaan boneka juga dapat memupuk kemahiran literasi kanak-kanak yang mana dapat membantu meningkatkan kemahiran berbahasa dan bertutur dengan sempurna. Bermain merupakan satu pengalaman pengajaran dan pembelajaran yang terbaik serta menjadi keutamaan dalam pendidikan awal kanak-kanak (Moyles, 2005)

Feldman (2010) menyatakan kanak-kanak belajar secara semula jadi. Mereka mempunyai semangat, sikap ingin tahu dan dapat memberi tumpuan terhadap pengajaran baru. Oleh itu melalui bermain dengan gaya pembelajaran yang semula jadi dengan menggunakan boneka merupakan cara yang terbaik untuk mengajar kanak-kanak.

Dalam pengajaran dan pembelajaran, guru perlu memainkan peranan yang sangat penting dalam membuat persediaan sebelum memulakan pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Guru perlu mempunyai pengetahuan berkaitan dengan bidang pendidikan awal kanak-kanak supaya memudahkan guru dalam membina bahan pengajaran yang bersesuaian dengan kanak-kanak. Jain (2008) menyatakan guru perlu mempunyai pengetahuan dalam pendidikan awal kanak-kanak supaya memudahkan proses pengajaran dilaksanakan dengan berkesan.

Normazidah (2012) menyatakan pengajaran dan pembelajaran merupakan satu proses yang melibatkan banyak langkah serta usaha yang merangkumi ilmu, pendekatan, kemahiran dan teknik yang perlu seorang guru tahu. Dalam masa yang sama ia menitikberatkan tentang faktor emosi, situasi, dan peranan kanak-kanak dalam satu-satu proses pembelajaran yang dijalankan. Hal ini kerana proses pengajaran dan pembelajaran yang terjadi dalam bilik darjah adalah dengan wujudnya interaksi antara kedua-dua pihak iaitu kanak-kanak dan guru. Oleh kerana itu, faktor yang mempengaruhi keadaan kanak-kanak dengan guru perlu diambil kira.

Dalam masa yang sama, ramai pihak telah membincangkan pelbagai isu dan masalah berkaitan pembelajaran kanak-kanak dan sebahagian besarnya mempunyai hubungkait dengan proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Keberkesanan sesuatu pengajaran dan pembelajaran bergantung kepada keupayaan dan peranan guru di dalam bilik darjah bagi mencapai objektif dan matlamat kurikulum (Mukhtar Hamidat, 2003).

Abdul Salam (2007) dalam Normazidah (2012) menyatakan seorang guru perlu mempunyai kemampuan untuk memilih strategi dan kaedah pengajaran yang mudah serta berkesan dalam pembelajaran supaya kanak-kanak lebih aktif dan seronok untuk

belajar. Keseronokan merupakan salah satu kunci kepada apa jua proses pembelajaran (Zuhaila, 2015). Pembelajaran yang berkesan iaitu sesuatu perkara yang berlaku dalam keadaan menggembirakan seperti pembelajaran menggunakan boneka (Piaget dan Frobel dalam Panduan Kurikulum Prasekolah, 2003). Kurangnya kemahiran dan pengetahuan serta kefahaman merupakan faktor yang kerap dilihat menjadi punca masalah yang mana boleh menghalang daripada tercapainya objektif pengajaran serta akan dianggap kurang berkesan (Normazidah, 2012). Kelemahan ini akan menyebabkan prestasi kerja guru kurang berkesan dan akan memberi kesan negatif terhadap pencapaian perkembangan kanak-kanak. Sekiranya masalah ini tidak ditangani, ia mungkin akan menjejaskan matlamat utama sistem pendidikan untuk melahirkan generasi yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial. Ini bertepatan dengan pendidikan di Malaysia yang berteraskan kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) iaitu:

“Suatu usaha yang berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian, kemakmuran keluarga, masyarakat dan Negara”

Kementerian Pelajaran Malaysia, (2016)

Dalam usaha kerajaan untuk melahirkan modal insan yang seimbang dan harmoni dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, guru adalah individu yang memainkan peranan penting dan bertanggungjawab dalam mencapai matlamat pendidikan.

Oleh itu, guru merupakan tonggak sistem pendidikan dan sebagai agen pembangunan dan perubahan (Normazidah, 2012). Pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah merupakan satu interaksi di antara tiga entiti penting iaitu kanak-kanak, guru dan isi pengajaran. Manakala kaedah pengajaran dan pembelajaran yang baik dan sesuai membolehkan guru mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran secara berkesan. Di samping itu juga, ia akan memberi keseronokan, menarik minat serta mendorong kanak-kanak untuk belajar dengan bersungguh-sungguh. Faktor utama dalam menentukan kejayaan pengajaran adalah guru kerana ia dianggap sebagai penentu dan paling berperanan bagi meningkatkan kejayaan sesuatu pembelajaran kanak-kanak. Oleh kerana itu adalah penting guru menggunakan kaedah pengajaran yang boleh membantu kanak-kanak belajar dalam suasana pembelajaran yang menyeronokkan di dalam bilik darjah (Zuhaila, 2015).

Guru perlu lebih kreatif dan mempunyai usaha dalam menyampaikan pengajaran kerana ianya adalah penting bagi mengukuhkan lagi kefahaman kanak-kanak terhadap pembelajaran yang ingin disampaikan. Guru boleh menggunakan pelbagai pendekatan pengajaran untuk mengajar kanak-kanak bagi menarik minat mereka terhadap setiap pembelajaran yang diajar. Oleh itu setiap guru perlu tahu apakah bentuk pendekatan yang perlu mereka gunakan semasa mereka mengajar dalam bilik darjah bagi memastikan minat dan motivasi kanak-kanak berada pada tahap yang optimum. Penggunaan kaedah pengajaran yang baik dalam pengajaran adalah sangat penting bagi mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif dan

seronok dalam kalangan kanak-kanak supaya dapat merangsang minat mereka untuk belajar secara berterusan (Normazidah, 2012). Disamping itu adalah penting mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan serta dapat merangsang minda dan fizikal kanak-kanak (Azizah Lebai Nordin, 2002 dalam Zuhaila, 2015).

Salah satu pendekatan yang boleh digunakan bagi membantu guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak iaitu belajar melalui bermain menggunakan boneka. Dalam masa yang sama penggunaan boneka boleh digunakan dalam aktiviti bercerita, yang mana dapat menarik minat kanak-kanak untuk belajar. Penggunaan boneka boleh membantu guru dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran secara berkesan. Penggunaan boneka dapat menjadi alat pedagogi untuk pengajaran di peringkat prasekolah yang mempunyai kebaikan untuk kanak-kanak (Loy 2011). Penggunaan boneka digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran bagi menarik minat kanak-kanak untuk belajar dan membantu perkembangan kanak-kanak secara menyeluruh dari semua aspek perkembangan. Loy (2011) menyatakan boneka sebagai alat bantu mengajar dalam pengajaran dapat membantu perkembangan kanak-kanak dari aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial melalui persekitaran pembelajaran yang selamat dan menyuburkan serta aktiviti pembelajaran yang menyeronokkan, kreatif selaras dengan matlamat dan objektif dalam KSPK yang boleh menjadi panduan bagi memulakan pembelajaran yang diperlukan oleh kanak-kanak. Berikut adalah matlamat KSPK:

“Pendidikan Prasekolah bertujuan memperkembangkan potensi murid berumur empat hingga enam tahun secara menyeluruh dan bersepadu dalam aspek perkembangan jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial melalui persekitaran pembelajaran yang selamat dan menyuburkan serta aktiviti pembelajaran yang menyeronokkan, kreatif dan bermakna bagi meningkatkan

kemahiran, menanam keyakinan dan membentuk konsep sendiri yang positif pada diri murid agar mereka bersedia menghadapi cabaran dan tanggungjawab di sekolah rendah kelak.”

KPM (2016)

Setiap objektif yang dikemukakan dalam KSPK berdasarkan tunjang-tunjang pembelajaran yang dapat membantu kanak-kanak menjadi insan yang seimbang dari aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial seperti berikut:

- Kanak-kanak boleh berkomunikasi menggunakan bahasa dengan berkesan.
- Kanak-kanak boleh mengamalkan nilai-nilai islam dalam kehidupan seharian untuk kanak-kanak beragama islam.
- Kanak-kanak boleh menghargai serta peka terhadap budaya masyarakat Malaysia.
- Menghargai dan menyayangi alam sekitar.
- Kanak-kanak dapat mempertingkatkan konsep sendiri yang positif dan berkeyakinan diri.

Oleh itu, penggunaan boneka sesuai digunakan dalam semua pembelajaran mengikut tunjang dalam KSPK bagi membantu melancarkan proses pengajaran guru. Korosec (2013) menyatakan aktiviti boneka adalah sesuai digunakan dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam Kurikulum Prasekolah. Disamping itu Loy (2011) menyatakan boneka sesuai di terapkan dalam kurikulum prasekolah berdasarkan pada ciri-ciri yang terdapat pada boneka.

Malah dalam kurikulum yang terkini iaitu dokumen standard kurikulum dan pentaksiran (DSKP, 2018) juga telah mengariskan supaya guru:

- Dapat menggunakan bahan maujud dalam pengajaran dan pembelajaran supaya dapat membantu murid menguasai sesuatu konsep dan pengetahuan.
- Memberi peluang kepada murid untuk menjalankan aktiviti penerokaan dengan menggunakan boneka.
- Mempelbagaikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran supaya pembelajaran murid lebih bermakna dan berkesan seperti pengajaran menggunakan boneka yang melibatkan aktiviti murid secara berkumpulan dan secara individu.

Di tabika KEMAS pengajaran dan pembelajaran diwajibkan menggunakan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan bermula dari tahun 2010 (Jabatan Kemajuan Masyarakat, 2016). Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan 2010 (KSPK) ini telah menjadi sumber rujukan dan digunapakai oleh semua tadika di seluruh negara. Ia merupakan satu dokumen standard yang mengandungi parameter dan kandungan pengajaran dan pembelajaran. Kurikulum ini digubal untuk kanak-kanak yang berumur empat hingga enam tahun. Tujuan Kurikulum ini diwujudkan bagi memupuk potensi murid secara bersepadu dan menyeluruh untuk meningkatkan perkembangan kreativiti dan minda, moral dan sahsiah rohani, pengukuhan kestabilan emosi serta kecerdasan fizikal (Balkis, 2014). Disamping itu sesuai dengan dokumen standard kurikulum dan pentaksiran (DSKP), kajian ini dijalankan untuk membantu perkembangan murid serta mengembangkan pontensi murid ke tahap yang optimum dan menggalakkan guru untuk menggunakan boneka sebagai bahan bantu mengajar dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran literasi.

1.3 Rasional Kajian

Rasional kajian dijalankan adalah kerana setakat ini di negara kita kajian berkaitan dengan penggunaan boneka dalam pengajaran dan pembelajaran adalah kurang. Disamping itu dalam kajian terdahulu juga menyatakan kajian berkaitan dengan penggunaan boneka sebagai alat pedagogi adalah agak kurang dijalankan di dalam negara dan kajian ini perlu dijalankan untuk melihat kebolehan guru prasekolah dalam mempraktikkan boneka sebagai alat bantu mengajar dalam pengajaran dan pembelajaran di prasekolah (Loy, 2011). Oleh kerana itu kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti kemahiran-kemahiran yang perlu dikuasai oleh guru dalam pengajaran dan pembelajaran menggunakan boneka sebagai bahan bantu mengajar di tabika.

Selain itu juga supaya dapat memberi gambaran yang lebih jelas kepada pendidik, pentadbir dan pengusaha prasekolah tentang kepentingan boneka sebagai bahan bantu mengajar yang dapat menarik minat dan memberi keseronokan dalam pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak. Disamping itu juga supaya dapat menggalakkan guru-guru menggunakan boneka dalam pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak bagi membantu meningkatkan kemahiran perkembangan kanak-kanak dalam semua aspek perkembangan iaitu jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial seperti dalam matlamat kurikulum pendidikan (KPM, 2016).

1.4 Pernyataan Masalah

Kejayaan sesuatu pembelajaran kanak-kanak amat bergantung kepada pengetahuan dan kefahaman guru dalam memilih pendekatan dan teknik pengajaran yang bersesuaian dengan tahap perkembangan kanak-kanak. Selain itu kejayaan sesuatu pengajaran dan pembelajaran itu bergantung kepada tiga elemen penting iaitu guru, kanak-kanak dan bahan pengajaran (Normazidah, 2012). Dalam menyampaikan isi pengajaran guru memainkan peranan yang penting kerana melalui kaedah pengajaran

yang baik dapat membantu kefahaman kanak-kanak untuk memahami pembelajaran dengan mudah dan berkesan. Disamping itu dapat menghasilkan kanak-kanak yang aktif dan boleh menguasai kemahiran berbahasa yang utama iaitu, kemahiran bertutur, membaca, mengira dan menulis. Kelemahan kanak-kanak dalam menguasai sesuatu kemahiran berpunca daripada ketiadakeberkesanan pengajaran guru (Normazidah, 2012).

Penggunaan boneka dalam pengajaran dan pembelajaran dapat membantu kanak-kanak untuk meningkatkan prestasi pembelajaran mereka. Menurut Zuljevic (2005) penggunaan boneka sebagai alat pedagogi dapat menggalakkan guru dalam melaksanakan pengajaran untuk membantu pembelajaran kanak-kanak dan seterusnya dapat mempertingkatkan pencapaian akademik kanak-kanak.

Terdapat beberapa kajian membuktikan penggunaan boneka boleh membantu kanak-kanak bagi meningkatkan perkembangan mereka. Halena (2013) menyatakan aktiviti penggunaan boneka dalam pengajaran dan pembelajaran dapat membantu meningkatkan perkembangan komunikasi dan sosialisasi kanak-kanak.

Manakala Balkis Omar (2014) dalam kajiannya penggunaan boneka dapat membantu perkembangan kognitif kanak-kanak. Melalui kajian tersebut aktiviti penggunaan boneka telah berjaya digunakan dalam mata pelajaran awal sains dan matematik untuk menarik perhatian, minat dan mengubah tingkah laku yang negatif menjadi positif. Hal ini membuktikan penggunaan boneka dapat membantu perkembangan kanak-kanak. Namun begitu kebanyakan guru kurang menggunakan boneka dalam pengajaran dan pembelajaran.

Disamping itu dalam kurikulum Prasekolah kebangsaan (2003) penggunaan boneka disenaraikan sebagai bahan bantu mengajar yang boleh membantu guru dalam

menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Aktiviti menggunakan boneka ini dapat membantu guru memberikan maklumat, memberikan arahan, memberikan penerangan, bercerita, bersoal jawab dan membuat rumusan pada akhir pembelajaran. Namun begitu dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (2017) penggunaan boneka tidak dinyatakan. Dalam KSPK (2017) guru digalakkan menggunakan kreativiti untuk menyusun, memilih, mengolah dan mempelbagaikan aktiviti berdasarkan kepada standard pembelajaran yang bersesuaian mengikut murid. Buat masa ini kebanyakan guru kurang memilih penggunaan boneka dalam pengajaran dan pembelajaran. Terdapat guru yang hanya bercakap seorang diri dengan sekali sekala menulis di papan hitam, dengan menggunakan kaedah '*chalk and talk*' semata-mata, yang mana boleh menyebabkan kanak-kanak berasa bosan, ini akan memberi kesan negatif terhadap perkembangan kanak-kanak (Rizuan Abd. Rasip, 2002). Selain itu tekanan daripada pelbagai pihak untuk melihat kanak-kanak cepat membaca mendorong guru menggunakan kaedah pengajaran berorientasikan akademik bagi memastikan kanak-kanak mampu menguasai kemahiran 4M dengan cepat. Maka kesannya kebanyakan dalam program pendidikan awal kanak-kanak menggunakan kaedah melatih tubi dan mengabaikan aktiviti yang menyeronokkan seperti yang terdapat dalam kurikulum pendidikan awal kanak-kanak (Miller & Almon, 2009).

Walaupun penggunaan boneka boleh membantu perkembangan kanak-kanak, namun begitu kebanyakan guru kurang memilih menggunakan boneka sebagai bahan bantu mengajar dalam pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak. Balkis (2014) menyatakan guru kurang menggunakan boneka sebagai bahan bantu mengajar kerana kurang pengetahuan dari segi teknik menggunakan boneka, cara membuat boneka. Pernyataan diatas turut disokong dalam kajian Loy (2007) yang mendapati 85% pendidik awal kanak-kanak mempunyai kurang pengetahuan dan kefahaman dalam

mengendalikan aktiviti boneka dalam pengajaran dan pembelajaran, walaupun mereka percaya bahawa penggunaan boneka dapat meningkatkan perkembangan kanak-kanak.

Bustam (1994) menyatakan sebahagian guru menganggap agak sukar untuk menggunakan kaedah pengajaran menggunakan boneka kerana mereka kurang kefahaman dan pengetahuan dalam menggunakan boneka terutamanya dari segi teknik dan kemahiran membuat boneka dengan betul. Pernyataan kajian Bustam di sokong dalam kajian Loy (2007) menyatakan guru kurang menggunakan boneka sebagai alat pedagogi kerana boneka agak sukar dibina dan teknik untuk mengendalikan pengajaran adalah sukar. Dalam proses pembelajaran dan pemudah cara pada masa ini, guru kurang memilih menggunakan boneka sebagai bahan bantu mengajar kerana mereka kurang pendedahan tentang kemahiran menggunakan boneka. Hal ini kerana guru yang kurang kemahiran dalam penggunaan boneka boleh menyebabkan kanak-kanak kurang memahami dan akan memberi implikasi kepada pencapaian terhadap pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak (H.Korosec, 2013).

Oleh kerana itu kajian ini dilaksanakan dengan melibatkan guru yang berpengalaman lebih daripada sepuluh tahun dalam mengendalikan aktiviti menggunakan boneka dalam pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak bagi mendapatkan gambaran yang lebih jelas apakah pengetahuan, kefahaman dan kemahiran yang perlu dikuasai dalam penggunaan boneka sebagai bahan bantu mengajar. Di samping itu juga dalam kajian ini akan memfokuskan penggunaan boneka dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran literasi kanak-kanak. Hal ini kerana boneka adalah salah satu cara yang lebih berkesan untuk meningkatkan kemahiran literasi kanak-kanak (Virkler, 2006).


1.5 Objektif Kajian

1. Meneroka pengetahuan guru tentang penggunaan boneka dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran literasi kanak-kanak.
2. Mengenalpasti kefahaman yang perlu guru faham dalam penggunaan boneka dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran literasi.
3. Mengenalpasti kemahiran yang guru perlu kuasai dalam pengajaran dan pembelajaran menggunakan boneka di tabika.

1.6 Soalan Kajian

1. Apakah pengetahuan guru tentang penggunaan boneka dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran literasi kanak-kanak?
2. Apakah kefahaman yang perlu guru faham dalam penggunaan boneka dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran literasi?
3. Apakah kemahiran yang guru perlu kuasai dalam pengajaran dan pembelajaran menggunakan boneka di tabika?

1.7 Kerangka Konseptual



Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual kajian ini (rajah 1.2) menjadi panduan kepada pengkaji untuk menjalankan kajian berkaitan dengan penggunaan boneka dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran literasi di tabika. Kajian bermula dengan pengetahuan guru berkaitan dengan boneka, yang mana pengkaji ingin mengetahui apa yang guru tahu tentang penggunaan boneka, yang mana merujuk kepada pengetahuan guru dalam boneka dari aspek definisi boneka, tujuan penggunaa boneka, jenis-jenis penggunaan boneka, cara penyediaan boneka dan pengetahuan lain tentang penggunaan boneka di dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran literasi.

Seterusnya akan dilihat apakah kefahaman yang guru faham tentang penggunaan boneka sebagai bahan bantu mengajar dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran literasi. Kefahaman dalam konteks kajian merujuk cara guru mengaplikasikan boneka dalam pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak dari aspek-aspek yang perlu ada dalam pembuatan boneka, pendekatan pengajaran yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran menggunakan boneka, strategi yang guru gunakan untuk menarik perhatian kanak-kanak dalam pengajaran menggunakan boneka, teknik pengajaran yang digunakan oleh guru semasa menggunakan boneka dalam pengajaran dan pembelajaran. Seterusnya kesan daripada penggunaan boneka dalam pengajaran dan pembelajaran terhadap perkembangan kanak-kanak dalam kemahiran literasi.

Dalam kajian ini juga akan dilihat kemahiran lain yang guru perlu kuasai dalam penggunaan boneka dari aspek gerak laku guru menggunakan boneka, intonasi suara ketika menggunakan boneka dan kemahiran guru dalam berkomunikasi dan berinteraksi dengan kanak-kanak semasa menggunakan boneka. Di samping itu juga pengkaji akan mengenalpasti kemahiran-kemahiran yang lain yang perlu guru tahu dan

faham supaya dapat memberi panduan kepada guru untuk menggunakan boneka sebagai bahan bantu mengajar dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran literasi.

1.8 Kepentingan Kajian

Dalam DSKP (2018) menyatakan guru perlu bijak menggunakan pelbagai teknik dan pendekatan untuk diaplikasikan di dalam bilik darjah mengikut tahap perkembangan kanak-kanak supaya proses pembelajaran lebih berkesan dan bermakna. Oleh kerana itu kajian ini dijalankan untuk meneroka pengetahuan, kefahaman dan kemahiran guru yang berpengalaman dalam menggunakan boneka sebagai bahan bantu mengajar dalam pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak khususnya dari aspek pemahaman guru terhadap boneka, cara pembuatan boneka dan cara mengendalikan boneka yang boleh dijadikan panduan dan rujukan kepada pendidik awal kanak-kanak. Disamping itu kajian ini juga berguna dalam membuat perancangan bengkel, kursus atau seminar tentang penggunaan boneka sebagai bahan bantu mengajar untuk pendidik, pentadbir dan pengusaha prasekolah. Selain itu penggunaan boneka juga boleh diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran di rumah oleh ibu bapa bagi meningkatkan kesediaan belajar dalam kalangan anak-anak mereka. Seterusnya supaya dapat menggalakkan guru menggunakan boneka dalam pengajaran dan pembelajaran. Guru juga dapat merancang langkah-langkah terbaik bagi memperbaiki dan meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran supaya hasil pembelajaran tercapai dan lebih bermakna.

1.9 Batasan Kajian

Kajian yang dijalankan ini hanya terbatas pada satu kelas tabika KEMAS yang melibatkan seorang guru tabika KEMAS dan seorang pembantu pengurusan murid (PPM) di kawasan Kuala Lumpur. Peserta kajian yang dipilih adalah guru yang berpengalaman dalam penggunaan boneka kerana keperluan kajian, kekangan masa

dan kesesuaian dengan metodologi kajian yang digunakan. Dalam kajian ini hanya memfokuskan kepada boneka sarung tangan dan boneka jari, yang mana penggunaan boneka ini sahaja yang sering digunakan di dalam bilik darjah mengikut kesesuaian umur kanak-kanak yang berumur 4 tahun dan 5 tahun. Selain itu kajian ini hanya terbatas kepada pengajaran dan pembelajaran kemahiran literasi iaitu mendengar, bertutur dan menulis. Namun begitu kajian ini boleh diguna pakai di tempat-tempat lain berdasarkan persamaan kurikulum yang digunakan di prasekolah swasta ataupun kerajaan.

Dokumen utama yang digunakan oleh peserta kajian dalam kajian ini ialah KSPK dan kajian ini tidak memfokus kepada satu tunjang pembelajaran sahaja kerana pengajaran dan pembelajaran guru menggunakan pendekatan belajar sambil bermain, bertema, bersepadu, teknologi maklumat dan komunikasi yang merentas tunjang-tunjang pembelajaran selaras dengan cadangan yang dikemukakan dalam KSPK (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2010).

1.10 Definisi Konsep Dan Operasional

Pelbagai konsep dan istilah yang digunakan dalam kajian ini. Oleh itu, definisi operasional dan penerangan istilah berkaitan dinyatakan dibawah untuk menjelaskan makna dan mengelakkan sebarang kekeliruan dalam lingkungan dan konteks kajian adalah berdasarkan definisi seperti berikut:

1.10.1 Boneka

Definisi konsep bagi boneka ialah objek atau bahan yang digerakan secara serentak dengan menggunakan skrip yang dibaca mengikut cerita yang bersesuaian. Kamus Dewan Edisi Keempat (2007) boneka didefinisikan sebagai anak patung seperti binatang atau orang yang boleh digerakan dengan cara menarik tali yang telah

dilekatkan pada boneka atau dengan memasukkan tangan ke dalam badan boneka dan menggerakannya. Terdapat tiga jenis boneka yang sering digunakan oleh guru antaranya boneka sarung tangan, boneka jari dan boneka rantai. Boneka sarung tangan bermaksud boneka yang boleh digerakkan dengan menggunakan keseluruhan tangan. Manakala boneka jari ialah boneka yang digunakan dengan menggerakkan jari-jari tangan sahaja. Boneka rantai ialah boneka yang menggunakan kostum berbentuk watak-watak binatang (Asma, 2018)

Definisi operasional boneka dalam konteks kajian ini ialah boneka sarung tangan yang di perbuat daripada kain dan kotak yang mulutnya boleh digerakan. Imej boneka yang digunakan dalam kajian ini ialah watak-watak binatang yang dibina oleh guru sendiri dan ada juga dibina oleh kanak-kanak dengan menggunakan kotak bersama dengan guru. Dalam kajian ini boneka berfungsi sebagai bahan bantu mengajar dalam pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak.

1.10.2 Pengajaran

Definisi konsep pengajaran ialah merangkumi segala strategi, kaedah dan pendekatan yang digunakan bagi menyampaikan isi pembelajaran yang terdapat dalam kurikulum (Noraini dan Shuki 2009). Kamus Dewan (2005) pengajaran didefinisikan sebagai mengajar segala sesuatu yang berkaitan tentang pengajaran seperti cara atau sistem mengajar dalam aspek yang penting. Pengajaran ialah satu proses perancangan yang dilakukan oleh guru di sekolah atau di luar dengan bertujuan bagi membantu kanak-kanak mencapai objektif tertentu (Muktar Hamidat, 2003).

Definisi operasional pengajaran merujuk kepada aktiviti penggunaan boneka mengikut pengetahuan dan kefahaman guru dalam mengaplikasikan penggunaan

boneka dalam menyampaikan isi kandungan pembelajaran yang terdapat dalam kurikulum.

1.10.3 Pembelajaran

Definisi konsep pembelajaran adalah aktiviti fizikal, mental, atau rohani kepada diri kanak-kanak itu sendiri. Ia merupakan satu proses dimana individu dapat mengubah tingkah laku dan sikap mereka supaya berkembang secara berterusan dan mampu menggunakan ilmu serta kemahiran yang disampaikan untuk kemajuan diri sendiri (Shahabuddin, Rohizan & Zohir 2007). Dalam kajian ini definisi operasional pembelajaran merujuk kepada proses pembelajaran kanak-kanak menggunakan boneka bersama dengan guru di tabika.

1.10.4 Kemahiran Literasi

Definisi konsep kemahiran literasi ialah kemahiran bertutur, mendengar, membaca dan menulis dalam sesuatu sistem bahasa. Kesemua kemahiran literasi ini adalah kemahiran yang penting dan perlu ada bagi kanak-kanak agar mereka bersedia dan dapat menjalani alam persekolah yang formal dengan lebih berkesan (KBSM, 1992 dalam Fadzilah & Norhashima, 2009). Manakala definisi operasional kemahiran literasi dalam kajian merujuk kepada kemahiran mendengar dan bertutur dan membaca bagi kanak-kanak berumur 4 tahun dan 5 tahun di tabika KEMAS.

1.10.5 Guru

Definisi guru adalah pengajar, pendidik atau pengasuh yang bertanggungjawab memberi bimbingan kepada anak didik (Ibrahim, 2003). Rolida Kadir (2002) menyatakan guru sebagai pemudah cara dan pengurus pelajaran. Mereka juga perlu mengenal pasti dan mengetahui pendekatan pengajaran yang sesuai serta merancang aktiviti yang berkaitan dengan kebolehan murid. Oleh itu guru dianggap

sebagai penentu serta berperanan dalam menentukan kejayaan dalam pembelajaran. Manakala definisi operasional guru dalam konteks kajian merujuk kepada guru tabika KEMAS yang menggunakan boneka dalam pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah.

1.10.6 Tabika

Definisi konsep tabika ialah taman bimbingan kanak-kanak yang merupakan program yang memberi peluang pendidikan awal kanak-kanak dari umur 4 tahun sehingga 5 tahun (Miza, 2015). Definisi operasional tabika dalam kajian merujuk kepada tabika KEMAS dibawah Jabatan Kemajuan Masyarakat (JKM) yang terletak di Kuala Lumpur.

1.10.7 Pengetahuan

Abdul Hamid (2004) mendefinisikan pengetahuan merupakan suatu peringkat dalam bentuk maklumat iaitu daripada pengalaman lampau dan pengalaman baru sama ada diketahui secara sendiri ataupun melalui sumber lain dan digunakan bagi mencapai matlamat yang belum terlaksana. Oleh itu dalam kajian ini memfokuskan pengetahuan guru yang sedia ada dalam diri guru terhadap pengalaman menggunakan boneka dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran literasi.

1.10.8 Kefahaman

Dalam kamus Dewan (2005) Kefahaman ialah cara dan proses perbuatan untuk memahami serta memahamkan. Kefahaman ialah kemampuan bagi menjelaskan makna dari sesuatu yang telah dipelajari seperti kemampuan seseorang mentafsirkan maklumat dan meramalkan akibat sesuatu fenomena. Dalam kajian ini kefahaman merujuk kepada pemahaman guru dalam menggunakan boneka sebagai bahan bantu mengajar dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran literasi.

1.10.9 Kemahiran

Kamus Dewan (2002) mentakrifkan kemahiran ialah kebolehan dalam sesuatu perkara. Kemahiran dalam kajian ini adalah merujuk kepada kebolehan guru mengendalikan boneka sebagai bahan bantu mengajar dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran literasi di tabika.

1.11 Rumusan

Secara keseluruhannya, keberkesanan pengajaran boleh diwujudkan melalui beberapa cara iaitu perancangan dan persediaan yang baik. Dalam masa yang sama pengetahuan dan kefahaman serta kemahiran adalah penting dalam penggunaan boneka dalam pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak supaya hasil pengajaran yang disampaikan akan tercapai dan lebih berkesan.

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan

Bahagian ini menjelaskan tentang kajian literatur dan kajian berkaitan dengan boneka, jenis-jenis boneka, teknik penggunaan boneka, boneka dalam kurikulum prasekolah, boneka dalam kemahiran literasi, kemahiran literasi dalam DSKP, perkembangan bahasa dan kemahiran literasi, kemahiran asas literasi dan kemahiran literasi dalam perkembangan kanak-kanak. Maklumat dan fakta ini dapat membantu penyelidik membuktikan serta melaksanakan kajian yang akan dijalankan. Bab ini juga akan menghuraikan teori yang mendasari kajian ini. Selain teori, bab ini juga akan menerangkan kajian-kajian berkaitan dengan penggunaan boneka dalam negara dan luar negara dengan lebih jelas.

2.2 Boneka

Boneka didefinisikan sebagai anak patung contohnya orang atau binatang yang boleh digerakkan dengan tarik tali yang dilekatkan padanya atau dengan memasukkan tangan ke dalam badannya dan menggerakannya (kamus Dewan Edisi Keempat, 2007). Aktiviti boneka mempunyai unsur-unsur hiburan dan didikan yang dapat menarik perhatian kanak-kanak untuk belajar melalui bermain. Boneka ialah satu objek ataupun bahan yang mana boleh dimanipulasikan secara serentak mengikut skrip yang dibacakan ataupun skrip secara bebas yang sesuai mengikut bahan yang digunakan. (Kamarudin & Siti, 1998)

Manakala Bustam (2005) dalam Loy (2011) menyatakan boneka boleh dihasilkan dalam bentuk haiwan, manusia dan lain-lain yang digunakan bagi menyampaikan maklumat. Jackman (2001) menyatakan bahawa boneka menjadi hidup apabila ia dimainkan oleh pemain boneka. Beliau juga menjelaskan bagi kanak-

kanak di peringkat pendidikan awal kanak-kanak, boneka merupakan sesuatu objek yang boleh digunakan untuk berdialog. Christie (2013) menyatakan boneka didefinisikan sebagai objek yang tidak bergerak dan yang bergerak yang dikawal oleh pemain iaitu boneka yang menggunakan rod atau meletakkan tangan seseorang di dalam tubuhnya. Selain itu boneka juga mempunyai bentuk yang berbeza dengan anak patung. Anak patung kadang kala dipanggil anak-anakan. Patung juga berpotensi menjadi sebarang objek tetapi dalam keadaan kaku (Bustam, 2005 dalam Loy, 2011). Manakala boneka dalam kajian ini mempunyai pelbagai bentuk dan rupa yang digunakan sebagai alat bantu mengajar dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran literasi.

Di Malaysia aktiviti boneka bagi pendidikan bermula sejak 80-an di perpustakaan. Penggunaan boneka juga telah digiatkan dalam program yang ditaja oleh Pusat Bimbingan Kanak-Kanak. Melalui program tersebut maka terdapat beberapa kumpulan turut aktif dalam kegiatan boneka yang bermula dari tahun 1984 sehingga kini (Loy, 2011). Menurut Loy (2004) menyatakan terdapat beberapa kumpulan yang terlibat dalam kegiatan boneka iaitu Kumpulan Perpustakaan Awam Kedah, kumpulan Perpustakaan Awam Selangor dan kumpulan perpustakaan Awam Melaka,

Penggunaan boneka di Malaysia lebih kepada bentuk pemujaan, tetapi tidak dapat dinafikan bahawa penggunaan boneka merupakan satu alat mainan yang terkenal dalam kalangan kanak-kanak. Selain itu penggunaan boneka juga digunakan sebagai bahan bantu mengajar bagi menarik minat kanak-kanak untuk belajar dan membantu perkembangan kanak-kanak secara menyeluruh dari semua aspek perkembangan. Loy (2011) menyatakan boneka sebagai bahan bantu mengajar dalam pengajaran dapat membantu perkembangan kognitif, bahasa, moral dan kerohanian, fizikal, kreativiti

serta sosioemosi kanak-kanak. Boneka juga dikatakan sebagai barang permainan kepada kanak-kanak dan terdapat banyak boneka yang dijual di kedai alat permainan dalam pelbagai bentuk. Boneka juga menjadi alat hiburan pada masa dahulu dalam kalangan masyarakat sebagai contoh boneka wayang kulit yang sering di mainkan di beberapa buah Negeri iaitu Terengganu dan Kelantan.

Manakala penggunaan boneka di luar Negara digunakan sebagai satu terapi untuk kanak-kanak. Disamping itu boneka juga dikatakan dapat memotivasikan dan membantu pemahaman kanak-kanak dalam pembelajaran dengan lebih berkesan. Salmon & Sainato (2005) menyatakan penggunaan mampu membantu memotivasikan diri kanak-kanak untuk belajar. Seterusnya dapat mendisplinkan kanak-kanak kerana mereka lebih berminat mendengar arahan dengan menggunakan boneka.

Selain itu melalui penggunaan boneka juga dapat membantu guru bagi menyampaikan sesuatu pengajaran dengan mudah dan berkesan sebagai contoh guru menggunakan boneka dalam pengajaran matematik untuk menerangkan konsep pranombor kepada kanak-kanak supaya kanak-kanak lebih mudah untuk memahami serta dapat menarik tumpuan kanak-kanak terhadap pembelajaran yang disampaikan oleh guru. Keogh & Naylor (2009) menjelaskan penggunaan boneka dalam pengajaran matematik dapat memberi kefahaman kepada kanak-kanak dan menggalakkan kanak-kanak untuk bertanya soalan kepada guru. Maka dapat membantu meningkatkan kemahiran berfikiran dan kemahiran berbahasa kanak-kanak.

Di samping itu penggunaan boneka merupakan satu pendekatan yang berkesan untuk menyampaikan sesuatu maklumat kepada kanak-kanak. Boneka juga dikatakan mempunyai pelbagai fungsi yang dapat membantu perkembangan kanak-kanak dari aspek kemahiran berfikir, kemahiran kreativiti, kemahiran berbahasa (Keogh &

Naylor, 2009). Manakala dalam kajian ini memfokuskan kepada kemahiran literasi kanak-kanak tabika menggunakan boneka.

2.2.1 Jenis Boneka

Terdapat pelbagai jenis boneka dan cara untuk membuat boneka. Menurut Esch dan Long (2002) terdapat beberapa jenis boneka serta cara menghasilkan boneka yang sesuai mengikut peringkat umur kanak-kanak. Kieff dan Casberguen (2000) menjelaskan apabila kanak-kanak yang pertama kali didedahkan dengan penggunaan boneka, guru perlu memperkenalkan pelbagaikan jenis boneka kepada kanak-kanak supaya kanak-kanak mempunyai lebih pengetahuan tentang boneka.

Terdapat pelbagai jenis boneka yang selalu digunakan dalam pengajaran iaitu boneka berbentuk tangan, boneka berbentuk lidi, boneka berbentuk jari, boneka berbentuk pinggan kertas, boneka berbentuk beg kertas, boneka berbentuk sudu, dan boneka berbentuk wayang kulit (Zaida, 2014). Manakala menurut Bustam (1994) dalam Loy (2011) menyatakan terdapat 4 jenis bentuk boneka yang utama yang sering digunakan iaitu boneka tongkat, boneka sarung tangan, boneka bertali dan boneka wayang kulit.

Boneka sarung tangan juga boleh kenali sebagai *hand puppet* yang mana lebih mudah dibina dan lebih praktikal digunakan oleh kanak-kanak. Disamping itu boneka sarung tangan terbahagi kepada jenis yang boleh i) digerakkan tangan, ii) boleh digerakkan kepala iii) boleh digerakkan mulut (Loy, 2004). Manakala boneka jari disebut sebagai *finger puppet* yang mana merupakan boneka yang boleh dimainkan oleh kanak-kanak secara sendiri (Zaida, 2014). Menurut Mayesky (2004) telah mencipta 35 jenis boneka yang sesuai mengikut tahap umur kanak-kanak pada peringkat prasekolah dan jenis-jenis boneka ini adalah sesuai digunakan oleh guru

sebagai bahan bantu mengajar di dalam bilik darjah. Dengan itu guru mempunyai pelbagai pilihan untuk memilih menggunakan boneka semasa mengendalikan boneka sebagai bahan bantu mengajar dalam pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah di tabika.

Selain itu guru juga perlu mempunyai pengetahuan tentang pentas boneka bagi kanak-kanak prasekolah yang mana boleh disediakan dengan menggunakan kaedah atau cara yang mudah untuk dibina. Pentas boneka boleh dikategorikan kepada pentas sementara dan pentas tetap. Stoodt-Hill (2001) dalam Loy (2011) menyatakan meja dalam bilik darjah boleh dijadikan pentas boneka sebagai contoh kanak-kanak boleh melutut dibelakang meja dan boleh menggerakkan boneka mengikut jenis boneka yang digunakan, kebiasaannya boneka yang digunakan bersama pentas boneka adalah boneka sarung tangan. Manakala Kamariah dan Bustam (1990) menyatakan jenis-jenis pentas boneka boleh terdiri daripada pentas pentas, kerusi, pentas me, tingkap ja, pentas papan tulis atau pentas pintu. Maka penggunaan pentas boneka boleh dibuat sendiri tanpa perlu mengeluarkan kos yang banyak untuk membeli pentas.

2.2.2 Teknik Penggunaan Boneka

Teknik dalam penggunaan boneka menurut Sawyer (2004) tidak terdapat peraturan dan teknik penggunaan boneka. Namun begitu penggunaan boneka sebagai bahan bantu mengajar dalam pengajaran perlulah sesuai dengan isi pengajaran yang telah dirancang (Bustam & kamariah, 1992 dalam Loy, 2011). Bagi menarik minat kanak-kanak dan perhatian kanak-kanak dalam set induksi, guru boleh menggunakan boneka mengikut langkah-langkah berikut iaitu guru telah menentukan objektif pengajaran, guru memulakan pengajaran dengan mengendalikan boneka tanpa menggunakan pentas boneka, guru boleh meminta kanak-kanak untuk kehadiran kelas dan berlakon secara spontan dengan menggunakan boneka, guru perlu mengaitkan

aktiviti set induksi dengan aktiviti pengajaran yang akan disampaikan setelah tamat aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

Selain itu Zaida (2014) menerangkan teknik menggunakan boneka mengikut jenis boneka seperti Jadual dibawah:

Jadual 2.1

Teknik Penggunaan Boneka

Jenis boneka	Teknik menggunakan boneka
Boneka berbentuk sarung tangan	Guru atau kanak-kanak perlu memasukkan keseluruhan pergelangan tangan mereka ke dalam watak yang dilukis atau dibentuk.
Boneka bebentuk jari	Boneka jari dimainkan dengan memasukkan jari ke dalam badan boneka. Jari yang telah dimasukkan akan digerakkan mengikut watak dalam jalan cerita.
Boneka berbentuk lidi	Boneka ini dimainkan dengan mengerakkan lidi-lidi dengan menggunakan tangan. Boneka lidi dimainkan seakan sama dengan boneka wayang kulit.

Sebelum menggunakan boneka guru perlu mempunyai kemahiran dalam mengendalikan boneka kerana kemahiran dalam mengendalikan boneka adalah penting bagi seseorang guru pendidikan awal kanak-kanak. Maka guru perlulah fokus semasa mengendalikan boneka terutamanya mata guru perlu memberi tumpuan kepada boneka yang dimainkan serta menggunakan suara dan intonasi yang sesuai berdasarkan kepada watak dalam cerita (Machado, 2003). Namun begitu sekiranya guru terlalu banyak membuat pergerakan tangan, ianya akan menyebabkan hilang tumpuan daripada percakapan boneka tersebut (Loy, 2011).

Selain itu aktiviti yang boleh dilakukan bersama dengan kanak-kanak dengan menggunakan boneka iaitu aktiviti bercerita, nyanyian, berdialog, perbualan dan soal jawab (Bustam & Kamariah, 1990). Aktiviti penggunaan boneka juga dapat digunakan

dalam aktiviti seperti nyanyian dan lakonan. Selain itu juga guru boleh menggunakan boneka untuk memberikan arahan kepada kanak-kanak. Pada masa yang sama penggunaan boneka dapat membantu perkembangan kanak-kanak dari aspek kelancaran lisan dan penambahan tatabahasa kanak-kanak di tadika (Eliason & Jenkis, 2003). Guru perlu menunjukkan cara menggunakan boneka terlebih dahulu sebelum guru memberikan boneka kepada kanak-kanak (Loy, 2011). Dengan itu kanak-kanak akan mudah memahami aktiviti boneka yang akan dijalankan dengan bimbingan guru. Sekiranya kanak-kanak tidak mendapat bimbingan dan panduan daripada guru tentang cara mengendalikan boneka dengan betul, akan memberi kesan kepada pengajaran guru dan penggunaan boneka hanya akan menjadi seperti barang mainan yang hanya akan menjadi rebutan kanak-kanak (Shamsuddin, 1997 dalam Loy 2011).

Selain daripada aktiviti menggunakan boneka, guru boleh juga melaksanakan aktiviti membuat boneka bersama kanak-kanak dengan menggunakan bahan terpakai yang mudah didapati seperti sarung kaki, beg kertas, sampul surat, sarung tangan, lidi, kotak minuman, senduk kayu, serta sudu (Zaida, 2014). Dalam kajian ini guru juga menggunakan bahan-bahan terpakai untuk membina boneka. Boneka dicipta mengikut kreativiti individu yang menghasilkannya. Maka proses membuat dan menghasilkan boneka adalah bergantung kepada ciri dan jenis boneka yang hendak dihasilkan mengikut jenis cerita dan mesej yang hendak disampaikan. Oleh itu penggunaan boneka boleh dihasilkan dengan hanya menggunakan bahan terpakai dan proses membentuk boneka bergantung kepada jenis jalan cerita dalam pengajaran.

2.3 Boneka Dalam Kurikulum Prasekolah

Kurikulum merupakan satu garis panduan pengajaran dan pembelajaran bagi mencapai matlamat dan objektif dalam pendidikan. Dalam mencapai matlamat dan objektif dalam pendidikan, penggunaan boneka boleh digunapakai dan boleh membentuk

personaliti kanak-kanak melalui pendekatan belajar sambil bermain dalam bilik darjah di tabika. Antara aktiviti yang dapat dilakukan dengan pendekatan belajar sambil bermain dengan menggunakan boneka iaitu melalui bercerita, berlakon dan menyanyi (kementerian pendidikan, 2010 dalam Loy, 2011). Melalui pendekatan belajar sambil bermain dapat memberikan pendedahan kepada kanak-kanak untuk belajar dalam suasana yang menggembirakan, bebas, selamat dan bermakna. Dalam kajian ini guru memilih menggunakan pendekatan belajar sambil bermain dengan menggunakan boneka sebagai bahan bantu mengajar dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran literasi. Oleh itu penggunaan boneka sebagai bahan bantu mengajar dapat membantu perkembangan emosi, fizikal, bahasa dan kognitif serta dapat meningkatkan potensi kanak-kanakke tahap yang tinggi. Fhyrus (2012) menyatakan penggunaan boneka yang betul dan berkesan dapat membantu meningkatkan perkembangan emosi, bahasa, komunikasi, fizikal, sosial dan pengetahuan kanak-kanak. Biegler (2003) menyatakan penggunaan boneka dapat meningkatkan kreativiti dan kefahaman dalam perkembangan kemahiran literasi.

Penggunaan boneka juga boleh memberi peluang kepada kanak-kanak untuk memperbanyakkan perkembangan tatabahasa di tadika (Zaharatulaili, 2006 dalam Fhyrus, 2012). Fisler (2003) mencadangkan penggunaan boneka menjadi amalan dalam proses pengajaran supaya dapat membantu mempertingkatkan perkembangan kemahiran literasi kanak-kanak. Kanak-kanak dikatakan dapat menguasai bahasa apabila mereka mempunyai kemahiran 4M iaitu mendengar, membaca, menulis dan menaakul (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Loy (2011) menyatakan boneka adalah sesuai diterapkan dalam kurikulum prasekolah berdasarkan kepada ciri-ciri yang terdapat pada boneka.

2.4 Perkembangan Bahasa Dan Kemahiran Literasi

Vygotsky dalam Roopnarine dan Johnson (2005) menjelaskan apabila proses mental lebih tinggi berkembang, maka kanak-kanak akan membentuk pertuturan mereka semasa melakukan aktiviti pratikal. Selain itu sebelum kanak-kanak belum bertutur, mereka akan menggunakan bahan bantu bagi melaksanakan tugas, namun begitu setelah mereka bertutur, mereka akan menggunakan bahasa dalam aktiviti. Tingkah laku kanak-kanak akan berubah melalui penggunaan bahasa dalam aktiviti. Vygotsky menegaskan kanak-kanak mempunyai pilihan sendiri dalam memilih permainan mereka serta akan dibantu oleh orang dewasa dan guru melalui sesi soal jawab dan perbincangan. Oleh kerana itu penggunaan boneka dapat membantu kanak-kanak secara tidak langsung untuk meningkatkan kemahiran literasi dari aspek bertutur dan mendengar.

Manakala berdasarkan teori Piaget mengikut peringkat praoperasional iaitu pada umur kanak-kanak 2 tahun sehingga 7 tahun kemahiran bahasa mereka berkembang dengan cepat dan dapat diasah melalui pelbagai aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Kanak-kanak pada peringkat praoperasional, mereka belajar bagaimana menggunakan gambaran dan perkataan untuk mewakili sesuatu objek yang mereka lihat. Pada peringkat ini proses pembelajaran adalah secara mental terhadap objek ataupun perkara yang berlaku. Kemahiran literasi dan bahasa boleh dipupuk dengan menggunakan boneka melalui aktiviti permainan simbol-simbol, konsep bahan bercetak dan bunyi bahasa (Neuman & Copple, 2004). Oleh itu pengajaran dan pembelajaran bahasa menggunakan boneka melalui pendekatan belajar sambil bermain menunjukkan bahawa kemahiran literasi dan kemahiran berbahasa kanak-kanak dapat dipertingkatkan.

Abdullah (2005) menjelaskan bahasa mengandungi beberapa aspek yang terdiri daripada sintaksis, semantik, fonologi dan pragmatik, dan setiap aspek ini mempunyai peraturan yang tersendiri. Jelas beliau lagi bahasa merupakan satu sistem perlambangan yang kompleks. Pembelajaran bahasa bagi kanak-kanak ialah satu proses secara berterusan yang mana berlaku pada setiap hari melalui aktiviti yang dijalankan.

Sintaksis merupakan satu rumus tatabahasa yang merangkumi kaedah penyusunan perkataan dan penggabungan ataupun kelompok perkataan bagi membentuk sesuatu ayat dalam bahasa (Nik Safiah, 1997 dalam Sharifah dan Aliza, 2011). Guru dan orang dewasa memainkan peranan penting bagi memastikan kanak-kanak bertutur dengan menggunakan ayat bahasa yang disusun dengan betul. Hal ini kerana mereka masih belajar menyusun perkataan dalam ayat dengan betul walaupun mereka belum mengetahui peraturan tatabahasa. Oleh itu penggunaan bahasa yang betul semasa berkomunikasi dapat membantu meningkatkan penguasaan pembelajaran tatabahasa kanak-kanak dengan baik. Di samping itu juga pada peringkat awal kanak-kanak mampu menyusun kata-kata yang dibentuk dalam ayat yang mudah.

Semantik pula adalah berkaitan dengan makna ayat serta perkataan yang digunakan (Abdullah, 2005). Selain itu semantik juga mempunyai perkaitan dengan cara bagaimana untuk menerangkan makna sesuatu perkataan dan maksud sesuatu perkataan yang terbentuk dalam bentuk gambar. Dalam peringkat awal kanak-kanak pembelajaran bahasa kanak-kanak adalah melalui objek dan gambar bagi menggambarkan makna sesuatu perkataan. Penggunaan objek seperti boneka melalui aktiviti permainan bahasa dapat membantu memberikan kefahaman kepada kanak-kanak untuk memahami pengalaman baru dengan mengaitkan pengalaman sedia ada melalui aktiviti menyentuh, melihat dan merasa objek tersebut dengan sendiri. Dalam

kajian ini kanak-kanak diberi peluang untuk menggunakan boneka dengan sendiri, maka di situ kanak-kanak akan mendapat pengalaman dan pengetahuan menggunakan boneka dengan sendiri.

Fonologi merupakan bunyi bahasa yang mana sesuatu bunyi dalam sesuatu bahasa itu berfungsi. Dari aspek bunyi-bunyi bahasa, fonetik berkaitan dengan fonologi. Abdullah (2005) menjelaskan fonetik ialah mengkaji penyebutan bunyi manusia terutamanya bunyi yang digunakan dalam pertuturan. Dalam pembelajaran bahasa, penggunaan kaedah fonetik dapat membantu kanak-kanak membunyikan suku kata serta menggabungkan bunyi bahasa menjadi perkataan. Oleh itu aktiviti pembelajaran menggunakan boneka dengan kaedah fonetik adalah sangat sesuai digunakan untuk kanak-kanak yang baru mula belajar membaca.

Pragmatik adalah peraturan yang mengawal perlakuan semasa berkomunikasi seperti cara bertutur dan bahasa badan mengikut konteks sosial (Sharifah dan Aliza, 2011). Semasa bermain kanak-kanak akan menggunakan cara bertutur dan cara berkomunikasi yang sesuai mengikut konteks persekitaran. Maka melalui penggunaan boneka boleh membantu melatih kanak-kanak untuk bertutur dengan mengikut situasi pembelajaran di dalam bilik darjah.

2.5 Kemahiran Literasi Dalam Dokumen Standard Kurikulum Dan Pentaksiran

Berdasarkan DSKP (2016), kemahiran bahasa dalam tunjang komunikasi yang mana lebih mengutamakan kepada kemahiran berbahasa secara lisan dan bukan lisan semasa berkomunikasi. Murid perlu mempertingkatkan penguasaan bahasa sebagai persiapan mereka untuk menghadapi alam persekolahan dan pendidikan pada masa hadapan apabila mereka mulai dewasa.

Di samping itu, aspek seni bahasa juga telah diterapkan dalam tunjang komunikasi iaitu keupayaan murid mengungkap, memahami dan menghargai bahasa yang indah iaitu dengan melalui pembelajaran yang menyeronokkan dan secara didik hibur melalui pelbagai aktiviti serta permainan bahasa seperti bercerita, nyanyian, berlakon dan berpuisi. Maka penggunaan boneka boleh menjadi bahan bantu mengajar yang dapat membantu guru untuk mengatasi masalah kanak-kanak dalam menguasai kemahiran literasi.

Terdapat empat kemahiran yang perlu di kuasai oleh murid iaitu kemahiran membaca, kemahiran mendengar dan bertutur, serta kemahiran menulis. Keempat-empat kemahiran ini sangat penting untuk memperkembangkan komunikasi lisan serta asas literasi kanak-kanak dalam pembelajaran mereka yang seterusnya. Kemahiran mendengar merupakan kemahiran literasi yang paling awal dapat dikuasai oleh manusia. Oleh kerana itu kanak-kanak mempunyai kemahiran mendengar yang baik dan berkesan secara semula jadi. Kanak-kanak mampu membezakan antara suara orang yang berada di sekitar mereka seawal usia beberapa hari dilahirkan. Apabila usia mereka meningkat, mereka akan belajar banyak perkara melalui pendengaran berkaitan kehidupan. Kemahiran mendengar boleh ditingkatkan dengan pelbagai latihan mendengar dan mengikut arahan daripada bahan yang didengari.

Kemahiran bertutur adalah kemahiran kedua yang dapat dikuasai oleh kanak-kanak normal pada usia yang awal. Kebiasaanya seseorang kanak-kanak dapat menunjukkan keupayaan berkomunikasi secara pertuturan dengan orang dewasa apabila mereka mencapai umur satu tahun. Kemahiran bertutur boleh ditingkatkan dengan menjalankan pelbagai aktiviti supaya kanak-kanak dapat memperkayakan gaya pertuturan mereka.

Kemahiran membaca merupakan salah satu kemahiran yang perlu dikuasai oleh manusia. Kemahiran membaca merupakan satu keperluan bagi semua manusia pada masa kini. Kurikulum prasekolah pada peringkat awal telah menjadikan kemahiran membaca sebagai satu objektif utama dalam sistem pendidikan dan kemahiran ini perlu diterapkan di dalam kalangan kanak-kanak dari peringkat awal supaya mereka mempunyai pengalaman dalam aktiviti membaca di usia yang awal.

Menulis merupakan satu kemahiran yang mampu dikuasai oleh kanak-kanak secara semula jadi. Aktiviti menulis merupakan aktiviti yang boleh diperkembangkan pada usia awal kanak-kanak agar mereka sedar bahawa menulis merupakan satu cara untuk menyampaikan hasrat dan kehendak orang lain. Kanak-kanak perlu diberi didedahkan dengan aktiviti menulis supaya mereka akan membiasakan diri mereka untuk menulis. Jadual 2.2 di bawah menunjukkan beberapa kemahiran dalam tunjang komunikasi yang dikemukakan dalam DSKP yang perlu dikuasai oleh setiap murid semasa mengikuti pengajaran Bahasa Melayu. Kemahiran dalam tunjang komunikasi

Jadual 2.2

Kemahiran Dalam Tunjang Komunikasi

Jenis Kemahiran	Keupayaan Kemahiran Literasi
Kemahiran mendengar dan bertutur	Mendengar serta memberi respons kepada pelbagai bunyi dipersekitaran Mendengar, memahami dan memberi respons secara gerak laku dan lisan Mendengar dan mengecam bunyi Berinteraksi menggunakan bahasa yang ayat mudah Bertutur bagi menyampaikan idea
Kemahiran membaca	Menguasai kemahiran prabacaan Mengenal huruf abjad Mengenalpasti dan menyebut huruf kecil dan besar Membunyikan huruf vokal dan enyebut huruf Membaca dan membina suku kata dan perkataan iaitu : suku kata terbuka dan tertutup kvk v+kv v+ kvk kv+kvk kvk+kv kvk+kvk suku kata terbuka kv+kv kv+kv+kv Memahami dan membaca frasa dan ayat Memahami dan membaca bahan bacaan Memupuk bacaan yang lebih meluas
Kemahiran menulis	Dapat menguasai kemahiran pratulis, Dapat menguasai kemahiran menulis

Dalam kajian ini pengkaji akan memfokuskan penggunaan boneka dalam kemahiran bertutur dan mendengar untuk kanak-kanak berumur 4 tahun dan 5 tahun di tabika KEMAS.

2.6 Boneka Dalam Kemahiran Literasi

Dalam sesuatu sistem bahasa kemahiran literasi ialah kemahiran bertutur, mendengar, menulis dan membaca. Penggunaan boneka dapat membantu meningkatkan kemahiran berbahasa kanak-kanak dalam proses pengajaran. Fisler (2003) dalam Loy (2011) mengamalkan penggunaan boneka dalam proses pengajaran dapat membantu guru

meningkatkan kemahiran membaca kanak-kanak. Christie (2013) menyatakan boneka dapat meningkatkan kreativiti dan imaginasi kanak-kanak untuk meneroka dengan bebas. Boneka merupakan cara yang berkesan untuk meningkatkan kemahiran literasi kanak-kanak (Virkler, 2006). Oleh itu kanak-kanak dapat mempertingkatkan pengetahuan yang lebih mudah untuk difaham. Di samping itu penggunaan boneka dalam pengajaran dapat meningkatkan minat kanak-kanak untuk membaca dan menarik perhatian mereka (Wallace & Mishina, 2004).

2.7 Kemahiran Asas Literasi

Kemahiran asas adalah kemahiran untuk mengenal huruf iaitu kemampuan minimum bagi menulis dan membaca sesuatu bahasa (Mahzan Arshad, 2012). Beliau juga menyatakan kemahiran mengenal, menulis dan membaca merupakan satu proses bagi membina makna yang mana ia sangat penting dalam kehidupan manusia. Antara 4 kemahiran yang penting iaitu kemahiran bertutur, mendengar, menulis dan membaca yang terdapat dalam komponen bahasa dan komunikasi (KSPK, 2001).

Pernyataan ini juga turut di sokong oleh Abd. Aziz, Ramlah, Md. Nasir, Suppiah & Roslinda (2010) menyatakan bahawa kanak-kanak perlu menguasai kemahiran membaca kerana apabila mereka telah menguasai kemahiran membaca, maka mereka mampu untuk memahami dan membaca setiap ayat yang diperlihatkan kepada mereka. Di samping itu juga, literasi merupakan keupayaan menulis, membaca dan memahami ayat tunggal dan ayat majmuk seperti menggunakan kata hubung “dan” dalam Bahasa Malaysia yang mana digunakan dalam komunikasi harian kanak-kanak (Pendidikan Guru Malaysia, 2012).

Membaca merupakan satu proses berfikir iaitu tindakan komunikasi yang melibatkan kenyataan, idea, dan perasaan yang ingin disampaikan penulis kepada

pembaca melalui perantaraan lambang-lambang bahasa. Mashudi (2012) menyatakan kemahiran memahami dan mentafsir teks yang bercetak merupakan satu kemahiran membaca. Penguasaan kemahiran membaca dalam kalangan kanak-kanak sangat penting kerana ia memudah mereka untuk memahami dan membaca setiap ayat yang di lihat oleh mereka. Hal ini kerana apabila seseorang kanak-kanak telah boleh membaca, maka mereka juga boleh menguasai kemahiran menulis dengan lebih mudah. Oleh kerana itu, apabila kanak-kanak boleh menguasai sesuatu kemahiran, ia akan memudahkan pemindahan maklumat ke dalam otak dengan lebih cepat.

Kajian Abdul Jalil Othman, Normarini Norzan, Ghazali Darulsalam & Saedah Siraj (2011) menyatakan proses dalam pengajaran dan pembelajaran bukan hanya tertumpu kepada kemahiran dan teknik bacaan sahaja. Bagi mencapai matlamat dalam pengajaran, pelbagai aspek perlu dalam bacaan iaitu dengan memahami bacaan yang dibaca. Dalam masa yang sama perlu diambil perhatian terhadap senario pembelajaran bacaan dalam Bahasa Melayu supaya kanak-kanak sistem pendidikan di Malaysia merupakan kanak-kanak yang celik bahasa dan mampu menguasai ilmu lain secara optimum. Pernyataan ini turut disokong oleh Mahzan Arshad (2012) menyatakan dalam memupuk kemahiran membaca dan menulis penampilan literasi diperlukan tanpa titik permulaan dan pengakhiran. Manakala dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak, ia memberi makna bahawa kanak-kanak telah menunjukkan kebolehan mereka dalam kemahiran menulis dan kemahiran membaca yang mana merupakan aktiviti yang sering dilakukan dalam pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah.

2.8 Kemahiran Literasi Dalam Perkembangan Kanak-Kanak

Pengalaman kanak-kanak di dalam literasi akan membawa kepada perkembangan pembelajaran yang awal (Tomlinson, 2013). Berdasarkan kajian yang dijalankan di

negara Nepal menunjukkan literasi adalah penting untuk mendokumentasikan pengalaman melalui kepelbagaian idea yang disampaikan (Robinson-pant, 1995). Menurut McGee & Purcell-Gates (1997) menyatakan literasi bermula sejak kanak-kanak mula memperoleh pengetahuan dan konsep berkaitan cetakan. Mereka mula membaca dan menulis secara sendiri bagi pelbagai tujuan pembelajaran.

Berdasarkan kepada kajian-kajian yang telah dilakukan, ia jelas menunjukkan bahawa kemahiran literasi mudah dibentuk dari awal kanak-kanak lagi. Namun begitu, sekiranya kanak-kanak mengalami kesukaran ketika kecil dan tidak diperbaiki sejak awal, perkara ini akan memberi kesan kepada kanak-kanak iaitu mereka akan mengalami kesukaran hingga ke alam dewasa. Perkara ini jelas menunjukkan bahawa kemahiran literasi harus dibina bermula dari seawal usia dengan cara yang bersesuaian iaitu dengan mengambil kira perbezaan tahap umur dan jenis bacaan. Maka dengan itu, pengetahuan terhadap tahap literasi awal kanak-kanak perlulah menjadi asas kepada objektif dalam sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas.

Menurut Purpura, et.al. (2011), walaupun kebanyakan kanak-kanak kurang kerap menerima kemahiran membaca secara formal sehingga mereka memasuki tadika atau prasekolah, kemahiran yang diterima sebelum itu telah membuktikan kemahiran membaca sangat penting. Tiga kemahiran utama literasi awal adalah bahasa lisan, kemahiran pemrosesan fonologi dan pengetahuan dari segi penulisan. Kemahiran lisan termasuk ilmu perkataan, perbendaharaan kata, kefahaman tatabahasa (Storch & Whitehurst, 2002).

Pernyataan tersebut menjelaskan pada usia awal kanak-kanak, kemahiran literasi boleh dibentuk mengikut tahap umur kanak-kanak. Kajian Clay (1967), menyatakan sekiranya pada tahap sekolah rendah seseorang murid masih belum dapat menguasai kemahiran literasi, maka kebanyakan mereka akan terus tercicir dalam pelajarannya

pada tahap yang lebih tinggi. Kajian ini jelas membuktikan bahawa pentingnya kemahiran literasi dipupuk dari peringkat awal agar dapat mengatasi masalah pembelajaran mereka.

2.9 Teori-Teori Yang Berkaitan

Dalam kajian ini terdapat satu model dan dua teori yang mendasari kajian ini. Kewujudan model dan teori adalah perlu dalam kajian bagi menghuraikan dan menghubungkan peraturan, gagasan, konsep dan idea supaya kerangka konseptual kajian lebih bermakna dan dapat dibuktikan secara deskriptif. Antara teori dan model yang digunakan adalah seperti berikut:

2.9.1 Teori Perkembangan Kognitif Jean Piaget

Teori pertama yang dipilih ialah teori perkembangan Piaget iaitu teori kognitif. Peringkat pertama dalam teori kognitif adalah peringkat sensorimotor iaitu kanak-kanak yang berumur 0 tahun sehingga 2 tahun. Kanak-kanak pada peringkat ini mula belajar dengan menggunakan lima deria iaitu deria objek yang konkrit, kekal dan melalui pergerakan (Barbara Blake & Tandra Pope, 2008). Kanak-kanak dalam tahap ini telah mula membentuk tingkah laku simbolik yang asas. Menurut Barbara Blake & Tandra Pope (2008), kanak-kanak berpengalaman egosentrik iaitu mereka tidak dapat memahami bagaimana pandangan seseorang mungkin adalah berbeza dengan apa yang mereka fikirkan.

Peringkat kedua adalah praoperasi (2-7 tahun). Menurut Barnabas Otaala (1973) berkata dengan adanya kemunculan fungsi simbolik, kanak-kanak ini dapat menggunakan objek dengan baik walaupun tidak wujud, menyusun semula peristiwa lepas serta melakukan sesuatu projek. Semasa menjawab soalan, kanak-kanak lebih bergantung kepada persepsi pada masa itu berbanding dengan mengambil tindakan

operasi misalnya kanak-kanak akan membuat keputusan bahawa isi padu dalam bekas yang sempit adalah lebih banyak berbanding dengan isi padu dalam bekas yang luas.

Pada peringkat ini kanak-kanak banyak mengalami perubahan ketika melalui peringkat pra operasi seperti mencapai kemajuan dalam perkembangan bahasa, berkeupayaan dalam menggunakan simbol tetapi mereka tidak boleh membezakan sifat-sifat benda bukan hidup dengan benda hidup. Sebagai contoh kanak-kanak berimajinasi bahawa botol air adalah benda hidup. Walau bagaimanapun, kanak-kanak akan mula berfikir secara logik namun mereka masih belum mampu untuk memproses pemikiran mengikut peraturan-peraturan yang logik. Kanak-kanak mula mengenal sesuatu simbol dengan mengaitkan sesuatu objek dalam pelbagai aspek persekitaran sebagai contohnya kanak-kanak menggunakan kertas sebagai kapal terbang apabila dibaling ke udara. Pada peringkat ini mereka mula belajar dengan menganggap sesuatu simbol mental, iaitu dengan bahasa, isyarat dan gambar (izzati, 2012).

Peringkat ketiga dalam kajian ini adalah peringkat operasi konkrit yang melibatkan kanak-kanak berumur 7 tahun sehingga 11 tahun. Pada tahap ini kanak-kanak tidak berfikir secara egosentrik lagi berbanding dengan cara berfikir mereka pada tahap praoperasi. Pada peringkat ini kanak-kanak mempunyai perasaan ingin tahu dan suka bertanya sesuatu yang menarik perhatian mereka kepada orang dewasa. Oleh kerana perubahan perkembangan pada peringkat ini, menyebabkan mereka mula menerima pandangan atau pendapat orang lain. Selain itu juga kanak-kanak pada peringkat ini akan mula belajar bergaul dan bermain dengan rakan-rakan sebaya kerana pada peringkat ini mereka akan mula memasuki alam persekolahan.

Pada peringkat ini juga merupakan tahap permulaan pemikiran secara logik yang lebih terhad kepada objek berbentuk maujud iaitu kanak-kanak dapat mengetahui bilangan alat permainan telah bertambah sekiranya kanak-kanak menambah satu alat permainan ke dalam alat permainan asal. Piaget menerangkan konsep ini dengan memberi contoh bahawa seseorang kanak-kanak akan melakukan operasi tambah dengan menggunakan jari pada kali pertama. Sekiranya kanak-kanak tersebut kerap melakukan operasi pengiraan ini maka lama-kelamaan kanak-kanak dapat mengira dengan cepat tanpa menggunakan jari.

Dengan pemikiran logik yang diterangkan oleh Piaget (Eggen & Kauchak, 2010) maka beliau beranggapan bahawa terdapat operasi logik yang akan dikembangkan pada peringkat ini iaitu klasifikasi dan seriasi dan kedua-dua adalah penting untuk memahami konsep nombor. Kanak-kanak berumur 7 tahun boleh membentuk subkelas dalam mengumpulkan masalah dalam sistem klasifikasi yang lebih kompleks. Menurut Scheinholtz (2012) bahawa kanak-kanak pada peringkat ini mendapat kefahaman simbolik. Perkara ini membolehkan mereka menggambarkan jumlah bilangan bagi satu set objek dengan nombor bertulis. Bagi tahap ini, guru boleh memperbanyakkan penggunaan bahan simbolik seperti penggunaan boneka bagi membantu memberi kefahaman kepada kanak-kanak dalam memahami nombor, membilang objek serta operasi yang asas.

Peringkat perkembangan kognitif yang terakhir adalah operasi formal yang melibatkan kanak-kanak berumur 12 tahun ke atas. Kanak-kanak dalam peringkat ini mampu membentuk hipotesis dan orang dewasa harus membenarkan kanak-kanak untuk membina konsep matematik dengan sendiri (Ojose, B. 2008). Di peringkat ini, kanak-kanak boleh berfikir sesuatu yang abstrak, yang mungkin akan berlaku atau

terjadi. Konsep logik kanak-kanak menjadi lebih matang berbanding dengan tahap operasi konkrit yang sebelum ini.

Dalam kajian ini menfokuskan kepada peringkat perkembangan praoperasi iaitu 2 tahun sehingga 7 tahun. Kanak-kanak pada peringkat praoperasi lebih mudah belajar menggunakan objek untuk memahami sesuatu isi pengajaran. Ia juga dapat memberi gambaran yang sebenar serta menunjukkan kefahaman kanak-kanak secara menyeluruh (Piaget, 1966).

Di samping itu, Piaget (1962) menyatakan kanak-kanak pada peringkat praoperasi mampu berfikir dan boleh menggunakan simbol atau perkataan yang mewakili objek dalam peristiwa yang ada di persekitaran mereka. Kanak-kanak perlu diberikan objek-objek yang berbentuk konkrit supaya mereka boleh melakukan aktiviti sendiri dengan objek tersebut. Objek-objek berbentuk konkrit dalam kajian ini adalah merujuk kepada boneka. Penggunaan boneka dalam pengajaran dan pembelajaran dapat mengembangkan kognitif dan bahasa kanak-kanak.

2.9.2 Teori Pembelajaran Konstruktivis Vygotsky

Teori pembelajaran konstruktivis Vygotsky (1978) pula dipilih kerana menjadi landasan kepada kajian. Terdapat beberapa konsep dalam teori Vygotsky iaitu *scaffolding* dan zon perkembangan proksimal (ZPP).

Konsep *ZPP* iaitu zon perkembangan proksimal adalah berkaitan dengan kemahiran yang sukar dilaksanakan oleh kanak-kanak yang mana boleh dilakukan dengan bimbingan dan bantuan oleh orang yang lebih dewasa atau rakan sebaya yang lebih mahir. Melalui teori ini juga dapat membantu kanak-kanak untuk mempertingkatkan tahap sosial kepada tahap peribadi. Melalui konsep zon perkembangan proksimal (ZPP) pencapaian perkembangan kanak-kanak adalah

bergantung kepada pengetahuan orang dewasa yang lebih berpengalaman dan berkemahiran. Selain itu tahap pencapaian pengetahuan orang dewasa adalah berbeza daripada pencapaian oleh seseorang kanak-kanak. Oleh kerana itu kanak-kanak memerlukan bimbingan daripada orang yang lebih dewasa. Dalam kajian ini guru sebagai pembimbing dalam menyampaikan pengajaran menggunakan boneka.

Teori ini juga menekankan kepentingan zon perkembangan proksimal (ZPP) yang mana dapat membantu proses perkembangan bahasa dan membantu kognitif kanak-kanak. Di samping itu juga proses sosialisasi kanak-kanak dengan persekitaran boleh mempengaruhi penguasaan bahasa kanak-kanak. Vygotsky menyatakan beliau percaya bahawa sesuatu proses pengajaran dan pembelajaran boleh berlaku apabila terdapat interaksi diantara pembelajaran luaran, pembelajaran dalaman dan persekitaran sosial. Kanak-kanak akan membina pengetahuan baru melalui interaksi di persekitaran mereka. Dalam kajian ini penggunaan boneka merupakan alat pedagogi dalam membentuk proses pengajaran dan pembelajaran.

Melalui penggunaan boneka kanak-kanak akan berkomunikasi dengan guru dan rakan di dalam bilik darjah. Seterusnya kanak-kanak dapat mempertingkatkan lagi kemahiran literasi seperti, kemahiran membaca, kemahiran mendengar dan bertutur dengan sempurna.

Disamping itu melalui zon perkembangan proksimal, seseorang kanak-kanak boleh membezakan sesuatu yang mereka telah tahu dengan apa yang perlu mereka tahu (Vygotsky, 1978). Perkara ini merupakan perbezaan atau jarak yang berlaku diantara tahap perkembangan kognitif semasa dengan tahap perkembangan kognitif yang mereka mampu untuk capai dengan bantuan guru dan kerjasama bersama rakan. Sekiranya mereka berada dalam zon perkembangan proksimal bermaksud

pembelajaran kanak-kanak akan menjadi lebih berkesan. Manakala sekiranya mereka berada di luar zon perkembangan proksimal mereka mungkin akan menghadapi kesulitan mempelajari elemen baru dengan tahap yang sedia ada.

2.9.3 Scaffolding

Proses *scaffolding* dalam zon perkembangan proksimal merupakan salah satu konsep penting dalam teori pembelajaran konstruktivis. Vygotsky menyatakan proses bagi membantu kanak-kanak mencapai perkembangan mereka kepada tahap yang optimum *scaffolding* yang diberikan kepada seseorang kanak-kanak adalah penting bagi membantu mereka mencapai perkembangan mereka pada tahap yang optimum dalam pembelajaran. Vygotsky (1978) menyatakan proses *scaffolding* merupakan proses peringkat bimbingan atau sokongan yang dilakukan mengikut keperluan murid.

Pada awal pembelajaran bimbingan akan diberikan adalah lebih besar serta semakin berkurangan dan akhirnya tiada langsung kerana kanak-kanak yang kurang mahir dapat menguasai serta memperolehi ilmu pengetahuan dan kemahiran yang hendak disampaikan. Santrock (2007) menyatakan apabila kanak-kanak mempelajari kemahiran baru atau kemahiran yang sukar, guru perlu memberi bimbingan penuh tetapi apabila kanak-kanak sudah mula memahami, bimbingan yang diberikan hendaklah dikurangkan sehingga mereka boleh menguasai kemahiran tersebut.

Forrester (1999) dalam Loy (2011) menyatakan *scaffolding* berhubungkait dengan main imaginasi, yang mana kanak-kanak yang mahir akan membimbing kanak-kanak yang lain bermain dengan cara bermain bersama-sama serta memberi cadangan tentang permainan tersebut, memberi arahan dalam permainan dan berkongsi permainan dengan kanak-kanak lain. Melalui kaedah *scaffolding*, perbualan

dan interaksi merupakan alat terpenting bagi membolehkan kanak-kanak menyusun konsep-konsep baru secara lebih sistematik.

2.9.4 Model Gaya Pembelajaran VAK (visual, audio, kinestetik)

Selain daripada teori terdapat model yang dipilih untuk mendasari kajian ini iaitu model gaya pembelajaran visual. Teori gaya pembelajaran visual ini telah dibina daripada model gaya pembelajaran Inventori Neil Fleming VAK (2001). Menurut Fleming (2001) dalam Seri (2015) gaya pembelajaran merujuk kepada ciri-ciri dan pilihan cara individu untuk mengumpul, menyusun, dan berfikir mengenai sesuatu maklumat.

Menurut Seri (2015) visual dalam pendidikan adalah pendekatan yang mampu melatih keupayaan murid untuk memahami sesuatu konsep pembelajaran yang baru dengan mudah dan dapat meningkatkan tahap pemahaman murid.

Model gaya pembelajaran VAK (visual, auditori, kinestetik) merupakan gaya belajar secara langsung dengan cara melihat, mendengar dan bertindak. Terdapat tiga gaya pembelajaran di dalam model gaya pembelajaran VAK iaitu gaya pembelajaran visual, gaya pembelajaran auditori dan gaya pembelajaran kinestetik.

2.9.4.1 Gaya Pembelajaran Visual

Kanak-kanak belajar dengan lebih baik dengan melihat sesuatu teks berbentuk perkataan dalam buku, papan hitam atau komputer. Dalam konteks kajian kanak-kanak belajar dengan menggunakan boneka. Di samping itu mereka lebih mengingati dan memahami arahan dan penerangan menerusi pembacaan teks atau ayat. Dalam kajian ini kanak-kanak lebih mudah memahami isi pengajaran yang disampaikan guru dengan menggunakan boneka berbanding dengan guru tidak menggunakan boneka (Asma 2018).

2.9.4.2 Gaya Pembelajaran Auditori

Kanak-kanak lebih cenderung kepada belajar melalui mendengar seperti bunyi, muzik, nada, irama, suara, arahan atau penerangan secara lisan. Kanak-kanak juga boleh mengingat penerangan melalui bacaan kuat atau menggerakkan bibir ketika membaca terutamanya apabila mempelajari sesuatu yang baru. Di samping itu juga kanak-kanak dapat mengukuhkan ingatan dengan mendengar semula rakaman secara mengulang pita audio, mengajar kanak-kanak lain dan berbincang dengan guru.

2.9.4.3 Gaya pembelajaran Kinestetik

Gaya pembelajaran kinestetik iaitu murid cenderung belajar dengan baik melalui pengalaman dan mengambil bahagian secara praktikal dalam aktiviti pembelajaran seperti gerakan, emosi dan tindakan fizikal. Murid dapat mengingat sesuatu pengajaran dan pembelajaran dengan baik apabila mencuba terus aktiviti secara praktikal (Musliza & Mokmin, 2016).

Dalam pengajaran dan pembelajaran menggunakan boneka dalam kajian ini memberi peluang kepada kanak-kanak untuk belajar secara bebas mengikut kemampuan yang dimiliki untuk mencapai pemahaman dan pembelajaran yang efektif. Pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan model gaya pembelajaran VAK melibatkan penglihatan, pendengaran dan gerakan dapat membantu kanak-kanak mempratikkan pengalaman secara langsung dan kanak-kanak lebih mengingat dan memahami apa yang di lihat, didengar dan dilakukannya.

Oleh itu hasil pembelajaran yang lebih baik mampu dicapai oleh kanak-kanak. Christie (2013) menyatakan boneka merupakan alat bantu visual untuk kanak-kanak yang dapat mengekalkan perhatian serta memberi semangat untuk kanak-kanak mengambil bahagian di dalam kelas. Di samping itu kanak-kanak akan lebih bersedia

untuk belajar apabila menggunakan boneka dan dapat meningkatkan daya berfikir dan kreativiti kanak-kanak.

2.9.4.4 Kerangka Teoritikal

Kerangka teoritikal adalah satu konstruk, konsep, definisi dan tujuan yang saling berhubung dalam memberi pandangan yang sistematik bagi mengenal pasti hubungan antara pemboleh ubah serta menganalisis tujuan pandangan tersebut (Kerlinger, F.N, 2000). Teori merupakan satu set konstruk, cadangan yang saling berhubung untuk memberikan pandangan yang lebih sistematik berkaitan sesuatu keadaan yang logik (Sabatier, 2007).

Kajian ini menggunakan teori perkembangan kognitif Jean Piaget (1962), teori pembelajaran konstruktivis Vygotsky (1978) dan teori gaya pembelajaran VAK (visual, audio, kinestetik) Neil D. Fleming (2001). Teori ini dapat membantu mencapai objektif, tujuan, dan menjawab soalan kajian yang telah dibina (Van Bruggen, 2005). Teori Kognitif Jean Piaget adalah bersesuaian dengan kajian ini kerana teori Piaget merujuk kepada tahap perkembangan kognitif kanak-kanak mengikut peringkat yang sepatutnya dicapai oleh kanak-kanak iaitu pada peringkat praoperasional (2tahun-7tahun). Pada peringkat umur ini kemahiran berbahasa kanak-kanak berkembang dengan cepat dan dapat ditingkatkan dengan pelbagai aktiviti. Kanak-kanak yang belajar di prasekolah menurut teori perkembangan piaget mereka berada pada peringkat praoperasional dan konkrit operasi. Peringkat ini merupakan proses pembelajaran secara tindakan dan secara mental terhadap sesuatu perkara ataupun objek yang berlaku (Sufean, 2005 dalam Sharifah & Aliza, 2011). Ketika proses ini berlaku, kanak-kanak belajar bagaimana menggunakan gambaran dan perkataan mewakili objek.

Jean Piaget (1962) menyatakan dalam proses perkembangan kemampuan kognitif manusia akan muncul pada tahap tertentu. Apabila kanak-kanak mencapai tahap kematangan yang sesuai mereka akan terdedah kepada pengalaman yang relevan mengikut perubahan secara berperingkat.

Piaget menekankan keupayaan kanak-kanak berlaku mengikut pada tahap yang berlainan. Maka tahap perkembangan kanak-kanak dapat dipertingkatkan melalui keperluan kanak-kanak. Teori kognitif menunjukkan terdapat 4 peringkat utama dalam perkembangan kognitif kanak-kanak. Piaget mendapati perkembangan kognitif kanak-kanak ialah berbeza dan akan berubah melalui 4 peringkat berdasarkan perubahan umur kanak-kanak iaitu pada peringkat Sensori Motor (0-2 tahun), Peringkat Pra Operasi (2-7 tahun), Peringkat Konkrit (7-12 tahun) dan Peringkat Operasi Formal (selepas 12 tahun), tetapi dalam kajian ini akan memfokuskan kepada peringkat praoperasi. Kanak-kanak pada peringkat praoperasi (2-7 tahun), memerlukan peneguhan dari aspek membentuk idea serta memahami konsep-konsep asas melalui aktiviti praktikal, permainan, berinteraksi dengan rakan dan persekitaran yang dirangsang dengan penggunaan bahan-bahan konkrit seperti penggunaan boneka untuk membekalkan mereka dengan pengalaman berguna.

Eliason dan Jenkis (2002) menyatakan proses pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak pada tahap praoperasi perlu dirancang dengan teliti supaya dapat menjadikan suasana belajar yang menyeronokkan, dapat merangsang daya pemikiran serta kreatif, dapat menarik penglibatan murid serta menyuburkan sikap positif terhadap suasana pembelajaran yang menyeronokkan. Oleh itu dapat menarik minat kanak-kanak supaya dapat belajar dan juga dapat memupuk kemahiran literasi kanak-kanak.

Manakala teori pembelajaran konstruktivis yang menekankan kepentingan *zone of proximal development* (ZPD) dalam proses perkembangan bahasa kanak-kanak. Vygotsky (1962) menekankan permulaan pembelajaran kanak-kanak adalah sebagai zon perkembangan proksimal (ZPP) merujuk kepada jarak diantara tahap perkembangan yang sebenar dengan tahap perkembangan potensi kanak-kanak.

Berdasarkan teori ini, terdapat satu istilah yang berkaitan dengan ZPD iaitu *scaffolding* yang merujuk kepada bimbingan orang yang lebih dewasa, yang mana lebih berpengaruh dalam menguasai sesuatu kemahiran ataupun pengetahuan. Dalam konteks kajian ini guru sebagai pembimbing dalam menggunakan boneka dalam pengajaran dan pembelajaran. Manakala kanak-kanak menerima maklumat daripada penyampaian guru. Oleh kerana itu mereka akan lebih mudah memahami pengajaran yang disampaikan.

Melalui teori pembelajaran konstruktivis juga kepentingan zon perkembangan proksimal (ZPP) dapat membantu proses perkembangan bahasa dan membantu perkembangan kognitif kanak-kanak. Selain itu dalam proses sosialisasi kanak-kanak, penguasaan bahasa mereka boleh dipengaruhi melalui persekitaran. Malah interaksi sosial diantara kanak-kanak dengan ibu bapa, guru dan rakan dapat membantu meningkatkan kemahiran bertutur dan mendengar supaya dapat membantu memperbanyakkan perbendaharaan kata kanak-kanak.

Melalui konsep yang diperkenalkan oleh Vygotsky menunjukkan proses pembelajaran adalah dipengaruhi oleh interaksi secara persekitaran. Peranan guru, rakan dalam proses pembelajaran adalah penting bagi membantu kanak-kanak mencapai prestasi yang lebih baik berbanding kanak-kanak yang belajar secara berseorangan. Selain itu, kanak-kanak memperolehi pengalaman sosial melalui

interaksi bersama rakan, guru dan ibu bapa, apabila mereka berinteraksi akan mewujudkan komunikasi mereka sendiri dan dapat meningkatkan kemahiran berbahasa dengan sempurna.


Selain daripada teori, terdapat model yang mendasari kajian ini iaitu model gaya pembelajaran VAK (visual, audio, kinestetik) telah diperkenalkan oleh Neil D. Fleming pada tahun 2001. Model ini diwujudkan selepas Neil D. Fleming mendapati terdapat masalah penyampaian guru dan penerimaan murid kurang berkesan. Gaya pembelajaran VAK terdiri daripada tiga elemen asas iaitu visual, audio dan kinestetik.

Gaya pembelajaran visual ialah murid akan cenderung kepada kaedah ilustrasi atau gambar. Dalam kajian ini memfokuskan kepada gaya pembelajaran visual, yang mana kanak-kanak lebih suka melihat bahan-bahan pembelajaran. Model ini dipilih kerana berkaitan dengan penggunaan boneka. Kanak-kanak lebih mudah belajar dengan cepat melalui visualisasi iaitu melalui penggunaan boneka.

Melalui Model gaya pembelajaran visual kanak-kanak belajar melalui melihat imej, gambar rajah, carta dan animasi. Dalam kajian ini kanak-kanak belajar dengan melihat guru menggunakan boneka dalam pengajaran dan pembelajaran. Mereka lebih mudah memahami dan tertarik dengan pengajaran yang disampaikan dengan menggunakan boneka kerana kanak-kanak mudah belajar dengan melihat dan faham apa yang disampaikan oleh guru melalui penggunaan boneka.

Maka dalam kajian ini teori kognitif, teori pembelajaran konstruktivis dan model gaya pembelajaran visual menjadi landasan kepada kajian penggunaan boneka dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran literasi kanak-kanak di tabika. Melalui teori dan model gaya pembelajaran ini dapat membantu mencapai objektif

serta tujuan dan menjawab soalan kajian yang telah dibina (Mowrer 1973) seperti dalam Rajah 2.1



Rajah 2.1. Kerangka Teori Kajian

Rajah 2.1 menunjukkan kerangka teori yang digunakan dalam kajian ini iaitu Teori Perkembangan Kognitif Jean Piaget dan Teori Pembelajaran Konstruktivis Vygotsky dan Model gaya pembelajaran VAK (visual, audio dan kinestetik) Neil D.Fleming.

Dalam teori kognitif merujuk kepada peringkat praoperasi (2 - 7 tahun) dipilih dalam kajian ini kerana kanak-kanak pada peringkat ini belajar melalui penggunaan bahan-bahan konkrit sebagai contoh penggunaan boneka. Disamping itu juga kanak-kanak pada peringkat praoperasi boleh berfikir dengan menggunakan perkataan ataupun simbol yang mewakili objek serta peristiwa di sekeliling mereka.

Oleh kerana itu kanak-kanak pada peringkat praoperasi perlu diberikan objek yang konkrit supaya mereka dapat memahami isi pengajaran dan menarik minat mereka. Objek konkrit dalam kajian ini merujuk kepada boneka.

Penggunaan boneka dapat membantu kanak-kanak mengembangkan kognitif mereka (Loy, 2011). Disamping itu melalui penggunaan boneka pada peringkat ini juga kanak-kanak banyak mengalami perubahan seperti mencapai kemajuan dalam perkembangan bahasa, berkeupayaan dalam menggunakan simbol dan mereka juga belajar konsep nombor.

Dalam konteks kajian penggunaan boneka dalam pembelajaran kanak-kanak adalah sesuai digunakan kerana kanak-kanak akan mudah memahami dan menarik perhatian mereka. Kanak-kanak pada peringkat praoperasi lebih mudah belajar menggunakan objek untuk memahami sesuatu isi pengajaran. Ia juga dapat memberikan gambaran yang sebenar dan menunjukkan kefahaman kanak-kanak secara menyeluruh (Piaget, 1966) sebagai contoh guru menggunakan boneka dalam tema hidupan di air, guru menggunakan boneka sarung tangan berbentuk haiwan di air sambil bercerita kepada kanak-kanak. Kanak-kanak akan lebih mudah tertarik apabila guru menggunakan boneka dalam pengajaran dan pembelajaran dan dapat menggalakkan kanak-kanak untuk bersoal jawab dengan guru (Asma, 2018).

Manakala teori pembelajaran konstruktivis merupakan satu proses kanak-kanak membina kefahaman mereka terhadap sesuatu ilmu yang di perolehi. Di samping itu juga melalui pengetahuan dan pengalaman yang diperolehi, mereka akan mengaplikasikannya. Proses pembelajaran akan berlaku apabila terdapat interaksi antara guru, rakan dan ibu bapa dan seterusnya dapat meningkatkan kemahiran berbahasa kanak-kanak. Dalam kajian ini penggunaan boneka digunakan sebagai

banhan bantu mengajar bagi mempertingkatkan perkembangan kemahiran literasi kanak-kanak, kanak-kanak akan belajar dengan menggunakan boneka. Kanak-kanak akan berinteraksi melalui boneka bersama guru dan seterusnya membina pengetahuan baru bagi mempertingkatkan perkembangan kemahiran literasi kanak-kanak.

Salah satu proses dalam teori konstruktivis ialah *scaffolding* dalam zon perkembangan proksimal (ZPD). Proses *scaffolding* adalah bantuan daripada orang rakan atau orang yang lebih dewasa mahir dalam menguasai sesuatu ilmu pengetahuan dan kemahiran. Dalam konteks kajian ini guru menggunakan boneka sebagai alat bantu mengajar bagi meningkatkan penguasaan kemahiran literasi kanak-kanak. Forrester (1999) dalam Loy (2011) menyatakan *scaffolding* berhubungkait dengan main imaginasi, yang mana kanak-kanak yang mempunyai kemahiran akan membimbing kanak-kanak yang kurang mahir dengan cara bermain bersama-sama serta memberi cadangan tentang permainan dan memberi arahan dalam permainan serta berkongsi permainan dengan kanak-kanak lain.

Sepanjang aktiviti menggunakan boneka dalam kajian ini, kanak-kanak yang mempunyai masalah dalam perkembangan literasi akan dibimbing dan dibantu oleh guru untuk menggunakan boneka dalam pengajaran dan pembelajaran melalui aktiviti menggunakan boneka. Kanak-kanak akan belajar berkomunikasi, menyesuaikan diri dengan persekitaran, berinteraksi dengan rakan sebaya dan mengenali benda-benda di persekitaran mereka. Di samping itu mereka juga akan bersoal jawab diantara kanak-kanak dan guru. Maka ini dapat membantu mempertingkatkan kemahiran berbahasa dengan lebih sempurna.

Model gaya pembelajaran VAK oleh Neil D. Fleming (2001) terdiri daripada tiga elemen asas iaitu visual, audio dan kinestetik. Gaya pembelajaran VAK

merupakan kombinasi tiga gaya pembelajaran iaitu melihat, mendengar dan bergerak. Gaya pembelajaran ini memudahkan kanak-kanak untuk belajar dan dapat menarik minat kanak-kanak. Nurhasanah (2010) menyatakan gaya pembelajaran visual, audio, kinestetik merupakan satu pembelajaran yang dapat membantu gaya pembelajaran kanak-kanak dengan lebih berkesan.

Gaya pembelajaran VAK merupakan gaya pembelajaran secara langsung iaitu kanak-kanak belajar dengan melihat guru menggunakan bahan bantu mengajar seperti menggunakan boneka dalam pengajaran. Kanak-kanak akan tertarik dengan melihat pergerakan boneka yang dimainkan oleh guru. Disamping itu kanak-kanak akan memerhatikan cara boneka bergerak dan dari situ kanak-kanak akan mula tertarik dan akan bersoal jawab dengan guru tentang apa yang mereka lihat. Dalam masa yang sama melalui aktiviti penggunaan boneka ini dapat meningkatkan kemahiran literasi kanak-kanak.

2.10 Kajian Penggunaan Boneka Di Dalam Dan Luar Negara

Banyak kajian tentang penggunaan boneka dalam membantu pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak dalam bilik darjah yang dilakukan oleh pengkaji yang lalu. Bahagian ini akan membincangkan beberapa kajian berkaitan dengan penggunaan boneka di dalam negara dan luar negara.

2.10.1 Kajian di Malaysia

Kajian yang telah dijalankan oleh Julaizah, Harun, Chee Luen, Loy (2011) ke atas enam orang kanak-kanak pendidikan khas dari sekolah rendah kerajaan di Selangor. Kajian ini merupakan kajian tindakan yang melibatkan kanak-kanak dalam lingkungan umur lima tahun dan enam tahun yang terdiri daripada tiga orang lelaki dan tiga orang perempuan.

Kajian ini mengkaji penggunaan boneka dalam pengajaran dan pembelajaran bagi meningkatkan kemahiran komunikasi murid pendidikan khas sekolah rendah. Hasil kajian mendapati terdapat peningkatan dan perubahan dalam kemahiran komunikasi kanak-kanak dengan menggunakan boneka. Perubahan dari segi peningkatan bilangan perbendaharaan kata kanak-kanak selepas menggunakan boneka.

Dapatan kajian Julizah, et al., (2011) disokong dengan dapatan kajian Fhyrus (2012) yang menyatakan bilangan perbendaharaan kata kanak-kanak akan bertambah selepas menggunakan boneka berbanding sebelum menggunakan boneka. Penggunaan boneka dalam pengajaran dan pembelajaran dapat meningkatkan kemampuan komunikasi kanak-kanak di samping dapat meningkatkan bilangan perbendaharaan kata yang dikuasai mereka.

Kajian yang dijalankan oleh Fhyrus (2012) yang bertajuk *penggunaan boneka bagi meningkatkan komunikasi kanak-kanak di Prasekolah*. Kajian ini merupakan kajian tindakan yang dijalankan bagi meningkatkan komunikasi kanak-kanak di prasekolah. Kajian ini melibatkan enam orang kanak-kanak prasekolah. Kajian ini menggunakan kaedah soal selidik, temu bual dan pemerhatian sebagai instrumen dalam kajian. Hasil refleksi menunjukkan bahawa masalah komunikasi yang di hadapi oleh kanak-kanak ini adalah berpunca daripada kekurangan penguasaan bilangan perbendaharaan kata dan tidak mempunyai kemahiran berkomunikasi. Oleh kerana itu boneka digunakan untuk membantu kanak-kanak mengatasi masalah yang dihadapi iaitu meningkatkan kemampuan komunikasi dan menambahkan bilangan perbendaharaan kata kanak-kanak. Dalam kajian ini kanak-kanak diberikan kebebasan memilih boneka sendiri. Kanak-kanak dan guru menggunakan boneka semasa aktiviti bercerita. Selain itu boneka juga digunakan untuk bersoal jawab dan boneka juga

digunakan oleh kanak-kanak untuk bermain bersama rakan. Kesan daripada penggunaan boneka kanak-kanak boleh bercerita kepada guru dan rakan dengan yakin dan berani. Hasil dapatan kajian juga menunjukkan terdapat peningkatan bilangan perbendaharaan kata dan keupayaan berkomunikasi kanak-kanak selepas menggunakan boneka berbanding sebelum menggunakan boneka.

2.10.2 Kajian Luar negara

Kajian Halena Korsec (2012) terhadap 47 orang guru yang menghadiri seminar berkaitan dengan penggunaan boneka dalam pengajaran dan pembelajaran. Kajian ini dijalankan untuk melihat maklum balas daripada guru selepas menggunakan boneka dalam pengajaran. Kajian ini berbentuk kajian kualitatif dan hasil kajian menunjukkan penggunaan boneka dapat meningkatkan komunikasi antara guru dan kanak-kanak. Selain itu terdapat perbezaan sebelum menggunakan boneka dan selepas menggunakan boneka.

Pengajaran selepas menggunakan boneka, guru mendapati penggunaan boneka dapat membantu meningkatkan komunikasi antara guru dan kanak-kanak dan juga dapat mengatasi masalah pertuturan kanak-kanak. Di samping itu penggunaan boneka merupakan bahan bantu mengajar yang dapat menarik perhatian dan dapat memberi kefahaman kepada kanak-kanak.

Kajian Halena korosec (2013) terhadap 249 orang guru yang terdiri daripada guru prasekolah dan guru sekolah rendah. Kajian ini di jalankan untuk melihat pandangan guru terhadap penggunaan boneka dalam pendidikan terutamanya dalam meningkatkan kemahiran komunikasi, kreativiti dan sosialisasi kanak-kanak. Hasil kajian menunjukkan (2.8 %) guru tidak pernah menggunakan boneka, (20.48%) guru

menggunakan boneka tiga kali dalam setahun, (23.29%) guru menggunakan boneka sebulan sekali dan (22.09%) guru menggunakan boneka dalam seminggu.

Hasil kajian menunjukkan terdapat perbezaan antara guru yang berpengalaman menggunakan boneka dalam meningkatkan kemahiran komunikasi dengan guru yang kurang menggunakan atau tidak pernah menggunakan boneka.

Guru yang menggunakan boneka dikatakan mempunyai sikap yang positif terhadap pengajaran menggunakan boneka dalam meningkatkan kemahiran komunikasi kanak-kanak berbanding dengan guru yang tidak menggunakan boneka, mereka mempunyai sikap yang kurang positif terhadap penggunaan boneka. M.Bredikyte (2000), I.Hamre (2004), H.Ivon (2010) menyatakan kesan positif terhadap penggunaan boneka dapat meningkatkan kemahiran komunikasi serta mencapai matlamat dalam kurikulum.

Dalam kajian Ronit Remer dan David Tzuriel (2015) berkaitan dengan keberkesanan penggunaan boneka sebagai alat bantu mengajar yang dapat membantu dalam pengajaran dan pembelajaran. Kajian ini memfokuskan untuk meneroka strategi guru dalam pengajaran dan pembelajaran boneka, motivasi kanak-kanak dalam pembelajaran, pencapaian kemahiran literasi kanak-kanak dan menilai pandangan guru berkaitan dengan penggunaan boneka sebagai alat bantu.

Kajian ini melibatkan seramai 145 orang kanak-kanak dari 15 tadika (68 dari pendidikan khas dan 77 dari tadika biasa). Kaedah kajian yang digunakan ialah menggunakan kaedah kuantitatif dan kualitatif. Hasil kajian menunjukkan penggunaan boneka dapat memberi kesan positif terhadap pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak di tadika biasa dan kanak-kanak berkeperluan khas. Penggunaan boneka dapat memudahkan proses pengajaran guru, dapat menarik perhatian kanak-kanak,

meningkatkan kemahiran berbahasa kanak-kanak dan penglibatan aktif kanak-kanak semasa aktiviti pembelajaran.

2.11 Rumusan

Sebagai rumusannya, penggunaan boneka dalam pengajaran dan pembelajaran berdasarkan kajian-kajian yang terdahulu menunjukkan boneka dapat membantu meningkatkan perkembangan kanak-kanak dan membantu proses pengajaran dan pembelajaran guru. Di samping itu juga dapat mencapai matlamat dalam kurikulum.

Universiti Malaysia

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pendahuluan

Bab 3 ini akan membincangkan kaedah yang digunakan untuk mengumpul data bagi menjawab soalan kajian yang dikemukakan. Terdapat tujuh perkara yang dibincangkan dalam metodologi kajian ini. Bahagian pertama, menjelaskan reka bentuk kajian dan kaedah kajian. Dalam bahagian kedua, memberi penjelasan tentang kaedah pengutipan data. Berikutnya bahagian ke tiga menjelaskan persampelan kajian seterusnya bahagian keempat tentang kesahan dan kebolehpercayaan. Bahagian kelima tentang tatacara pelaksanaan kajian. Dalam bahagian keenam menerangkan prosedur analisis data. Akhir sekali dalam bahagian ketujuh menerangkan tentang protokol yang membentuk kategori dan koding.

3.2 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini akan menggunakan reka bentuk kajian kualitatif melalui teknik kajian kes. Reka bentuk kajian ini merujuk kepada perancangan sebelum melaksanakan kajian sebagai panduan dan hala tuju sesuatu kajian. Pelaksanaan sesuatu perancangan kajian melibatkan pemilihan kaedah kajian, persampelan, pengumpulan data, menganalisis data dan menulis laporan kajian (Othman Lebar, 2009).

Penyelidikan kualitatif merujuk kepada kajian yang dihasilkan daripada data deskriptif yang diperoleh berdasarkan catatan atau pengucapan dan pemerhatian terhadap tingkah laku seseorang (Taylor & Bogdan, 1984). Othman Lebar (2009) menyatakan, pendekatan kualitatif adalah satu proses inkuiri untuk meneroka permasalahan sosial terhadap sesuatu peristiwa atau fenomena yang kompleks.

Pada umumnya penyelidikan kualitatif merupakan satu reka bentuk kajian yang berasaskan kepada perkataan dan gambar seperti yang dinyatakan oleh Miles dan Huberman (1994) iaitu satu kajian yang dibuat menggunakan huraian dan pelaporan secara verbatim (ayat demi ayat atau frasa demi frasa) tanpa sebarang cerapan statistik. Penyelidikan kualitatif yang menggunakan ungkapan verbatim seperti sedikit sahaja, sangat kurang, jumlah yang kecil, secara minimumnya atau secara majoritinya, kebanyakannya dan kesemuanya.

Terdapat pelbagai kaedah dalam penyelidikan kualitatif. Patton (1990) menyatakan penyelidikan kualitatif sebagai satu proses yang bersifat orientasi melalui pelbagai jenis atau bentuk kajian yang menggunakan pendekatan etnografi, kajian kes, fenomenologi dan sebagainya. Creswell (1998) menyenaraikan lima kaedah dalam penyelidikan kualitatif iaitu kajian kes, etnografi, fenomenologi, *grounded theory* dan biografi. Dalam kajian ini pengkaji memilih kaedah kajian kes untuk menjalankan kajian. Kaedah kajian kes yang dipilih adalah secara tunggal (*single case study*) kerana kajian ini hanya melibatkan jumlah responden yang sedikit dan melibatkan satu tempat sahaja. Selain itu untuk mendapatkan maklumat dengan lebih terperinci terhadap persoalan kajian dan dapat menghasilkan pemahaman yang lebih jelas (Bryman, 2008). Rasional pemilihan kajian kes secara tunggal adalah untuk mendapatkan maklumat yang lebih tepat dan menyakinkan berkaitan dengan kajian yang dijalankan (Siggelkow, 2007).

Berdasarkan kajian lepas, Yin (2009) berpendapat bahawa pemilihan reka bentuk kajian boleh dibentuk kepada empat faktor iaitu tujuan kajian, masalah kajian, peserta kajian dan pengalaman pengkaji. Dalam kajian ini semua faktor diatas membantu pengkaji untuk meneroka tentang maklumat profil, kaedah, teknik

pengajaran dan kemahiran yang diperlukan guru dalam penggunaan boneka sebagai bahan bantu mengajar.

Oleh kerana itu rasionalnya pemilihan penyelidikan kualitatif dalam kajian ini adalah untuk menambahkan pengetahuan, untuk lebih memahami tingkah laku manusia dan memahami pengalaman mereka terhadap sesuatu fenomena sebagai contoh boneka. Kajian ini juga tidak bertujuan untuk membuat justifikasi terhadap sesuatu situasi, sebaliknya untuk memahami proses tentang bagaimana seseorang memberi makna terhadap kes yang dikaji.

Kaedah kajian kes merupakan kaedah kajian yang holistik menggunakan bukti daripada pelbagai sumber untuk dianalisis atau dinilai secara *specific phenomenon* atau seumpamanya (Yin, 2003 dalam Jain, 2017). Penyelidikan kualitatif menggunakan kaedah kajian kes membolehkan pengkaji menyelidik, memerhati dan meneliti sesuatu peristiwa serta proses pengajaran dan pembelajaran yang berlaku di persekitaran sebenar, iaitu di darjah tabika KEMAS dalam konteks kajian ini.

Kes yang dipilih dalam kajian ini adalah berkaitan dengan meneroka pengetahuan dan kefahaman serta kemahiran guru dalam menggunakan boneka sebagai alat pedagogi dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Pemilihan kes dalam kajian ini ialah guru tabika KEMAS yang menggunakan boneka sebagai alat pedagogi mengikut tunjang-tunjang dalam kurikulum standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) yang telah digunakan mulai 2010. Kajian ini meliputi aspek-aspek yang berkaitan dengan pengetahuan dan kefahaman serta kemahiran yang melibatkan proses pengajaran dan pembelajaran dalam membantu kemahiran literasi kanak-kanak. Rasional pemilihan peserta kajian diterangkan dalam bab 3.

Sebagaimana yang telah dinyatakan dalam bab 1, tujuan kajian adalah untuk meneroka pengajaran guru yang berpengalaman lebih daripada 10 tahun menggunakan boneka dari aspek pengetahuan, kefahaman dan kemahiran dalam mengaplikasikan penggunaan boneka sebagai alat pedagogi dalam pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak daripada tabika KEMAS Kuala Lumpur dan implikasinya terhadap perkembangan literasi kanak-kanak.

Berdasarkan tujuan tersebut, kajian ini hanya memilih seorang guru tabika KEMAS dan seorang pembantu pengurusan murid (PPM) sebagai peserta kajian. Guru tabika yang dipilih merupakan guru yang berpengalaman mengajar lebih daripada 10 tahun dan pembantu pengurusan murid dipilih supaya pengakaji mendapat maklumat yang lebih tepat dan mengelakkan *bias* semasa pemerolehan data. Manakala proses pengajaran dan pembelajaran hanya berlaku di dalam bilik darjah di tabika KEMAS sahaja. Kajian ini akan meneroka penggunaan boneka dalam proses pengajaran dan pembelajaran kemahiran literasi di tabika.

Disamping itu juga memberi peluang kepada pengkaji untuk meneliti dan memerhatikan serta berinteraksi dengan guru dengan lebih selesa bagi memudahkan pengumpulan data kajian. Dengan kaedah ini, pengetahuan, kefahaman serta kemahiran guru dalam penggunaan boneka dalam pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak di tabika KEMAS dapat dikaji dalam konteks ia berlaku supaya dapat memberi gambaran sebenar terhadap fenomena yang berlaku secara holistik.

3.3 Kaedah Kajian

Creswell (2002) menjelaskan penyelidikan kualitatif dapat memberi kefahaman terperinci tentang fenomena yang dikaji, untuk meneroka proses dan bentuk amalan atau praktik, dapat menyediakan perspektif yang kaya dan terperinci, membantu

penyelidik memahami lebih mendalam tentang proses dan bentuk-bentuk sesuatu amalan. Dalam konteks penulisan dalam kajian ini, aspek yang menjadi fokus utama adalah kemahiran guru dalam penggunaan boneka. Kaedah kajian kes ini dipilih kerana pengkaji ingin meneroka secara mendalam dan terperinci berkenaan pengetahuan guru tentang boneka, kefahaman guru dalam mengaplikasikan boneka dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran literasi, kemahiran yang perlu dikuasai oleh guru dalam penggunaan boneka supaya hasil pengajaran tercapai. Peserta dalam kajian ini hanya melibatkan seorang guru yang berpengalaman mengajar selama 32 tahun menggunakan boneka sebagai bahan bantu mengajar dan lokasi kajian adalah di tabika KEMAS Kuala Lumpur. Pendekatan kajian kualitatif secara kajian kes, dilihat mempunyai kelebihan untuk memahami pengetahuan dan kefahaman serta kemahiran guru dalam pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak dengan menggunakan boneka sebagai bahan bantu mengajar berbanding dengan kajian kuantitatif.

Pemilihan kajian kes ini adalah kerana kajian kes secara kualitatif telah lama wujud dalam peraturan penyelidikan dan lebih memfokuskan kepada peristiwa, peserta dan tempat kajian yang sebenar (Merriam, 2009). Melalui kajian ini, pengkaji dapat meneroka pengetahuan dan kefahaman serta kemahiran yang diperlukan dalam mengendalikan boneka dalam pengajaran guru dengan lebih mendalam. Pengkaji juga dapat menterjemahkan kajian melalui penulisan naratif tentang peristiwa yang sebenar berlaku, dilihat dan dialami dalam peserkitaran yang dikaji (Yin, 2009). Pendekatan kualitatif juga membantu pengkaji melakukan kajian secara terperinci dan dapat memberi kefahaman tentang fenomena yang dikaji, membantu penyelidik memahami dengan lebih mendalam tentang proses dan bentuk sesuatu amalan (Creswell, 2002).

Oleh kerana itu pendekatan kualitatif diguna pakai untuk membolehkan pengkaji mendekati diri dan menyelami perasaan, tingkah laku guru serta kanak-

kanak tabika. Pengkaji berharap dengan pemilihan kaedah kajian kes secara kualitatif dapat mencungkil sesuatu sebab yang signifikan dengan kajian (Merriam, 2009). Kajian memfokuskan terhadap kemahiran guru dalam penggunaan boneka dan keberkesanan penggunaan boneka dalam kemahiran literasi di tabika.

Antara tindakan yang pengkaji lakukan adalah menjadi diri pengkaji sebagai sebahagian daripada warga di tabika KEMAS supaya kehadiran pengkaji dapat diterima. Hal ini seterusnya memberi peluang kepada penyelidik untuk meneroka maklum balas guru dan kanak-kanak secara mendalam dan bermakna di samping dapat mengekalkan keaslian kajian. Kekuatan pemilihan kaedah kajian kes ini juga membawa kepada penerokaan secara teratur. Pemilihan kajian kes secara kualitatif membawa pengkaji untuk meneroka, membuat penemuan dari interpretasi dan bukan menguji hipotesis (Merriam, 2009).

Pemilihan kaedah ini, dapat membolehkan pengkaji meneliti fokus penyelidikan secara terperinci. Perkara ini dapat dilakukan melalui beberapa kaedah pengumpulan data secara kualitatif seperti temu bual, pemerhatian dan bukti dokumen. Penggunaan pelbagai kaedah dalam pengutipan data dan analisis maklumat secara triangulasi dalam kajian penggunaan boneka dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran literasi di tabika membolehkan pengkaji membuat perbandingan dan pengukuhan data dilaksanakan (Merriam, 2009).

3.4 Persampelan Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji membahagikan persampelan kajian kepada lokasi kajian, tempoh kajian dan peserta kajian. Perkara ini diterangkan seperti berikut:

3.4.1 Lokasi Kajian

Pemilihan lokasi kajian merupakan perkara yang penting dalam kajian kualitatif. Berbeza dengan kajian kuantitatif, kajian kualitatif amat mementingkan lokasi kajian kerana ianya berkaitan dengan dimana terletakanya maklumat kajian (Ghazali, 2016). Oleh kerana itu lokasi kajian yang dipilih oleh pengkaji dengan mengambil kira sifat dan keperluan kajian bagi memastikan tempat yang dipilih tidak membataskan apa yang ingin dikaji.

Lokasi kajian yang dipilih adalah di Kuala Lumpur, pemilihan negeri ini adalah kerana terdapat lebih dari satu bilik darjah di tabika KEMAS yang berada dalam satu kawasan yang sama yang mana memberi peluang kepada pengkaji untuk mendapatkan data dan maklumat yang lebih jitu. Pengkaji dalam memilih tempat kajian, mempunyai alasan tersendiri yang selaras dengan objektif dan persoalan kajian (Othman, 2014). Selain itu pemilihan tempat juga membolehkan penyelidik memperoleh maklumat secara meluas.

Berdasarkan tujuan dan persoalan kajian, pengkaji hanya memilih sebuah tabika sahaja sebagai lokasi kajian. Tabika KEMAS Damai tersebut terletak di lokasi bandar iaitu di Kuala Lumpur. Pemilihan kes adalah berdasarkan kepada kesanggupan guru untuk melibatkan diri sepenuhnya. Selain daripada kebenaran daripada penyelia tabika serta pengalaman guru dalam penggunaan boneka yang relevan untuk membolehkan pemerhatian pengajaran dan pembelajaran yang praktikal di jalankan di bilik darjah di tabika. Berikut dijelaskan deskripsi tabika KEMAS sebagai pusat kajian.

Tabika KEMAS merupakan sebuah institusi pendidikan prasekolah yang dianjurkan oleh kerajaan. Sasaran utama KEMAS ialah untuk anak-anak di luar

bandar, iaitu golongan keluarga yang berpendapatan bawah seribu ringgit Malaysia. Penubuhan KEMAS adalah untuk memberi pendidikan awal kepada kanak-kanak yang mempunyai latar belakang keluarga yang berpendapatan rendah dan sederhana. Tumpuan penubuhan KEMAS adalah bagi golongan masyarakat yang tinggal di taman-taman perumahan, kawasan perumahan pangsa, kawasan kampung dalam pinggir bandar terutamanya yang diliputi dengan Skim Rukun Tetangga. Pembukaannya tidak perlu didaftarkan dengan Jabatan Pendidikan mengikut Akta Pelajaran 1961 kerana dikecualikan melalui warta kerajaan P.U (AO 276 dalam Balkis, 2014).

Tabika KEMAS yang dipilih merupakan tabika yang terletak di kawasan Bandar. Tabika KEMAS tersebut mempunyai 3 bilik darjah dan seramai 60 orang murid, 3 orang guru dan 3 orang pembantu guru. Namun begitu hanya satu bilik darjah tabika sahaja yang terlibat mengikut keperluan kajian.

3.4.2 Penentuan dan Kaedah Pemilihan Peserta

Penentuan persampelan kajian dibuat berasaskan kepada populasi iaitu mengenal populasi terlebih dahulu dari segi saiz (jumlah), ciri, karakter, sifat dan signifikannya dalam kajian, yang mana amat penting sebelum merancang persampelan. Dalam kajian ini, peserta kajian adalah daripada guru Jabatan Kebajikan Masyarakat (KEMAS) dan juga pembantu guru. Bilangan peserta kajian yang terlibat adalah kecil untuk mewakili dan menggambarkan fenomena sebenar kajian. Mengikut Patton (2002) dalam kajian kualitatif tidak ada satu peraturan bagi menentukan saiz sampel. Menurutnya dalam kajian kualitatif informan atau partisipan kajian dipilih dalam jumlah yang kecil.

Faktor bilangan peserta kajian yang kecil ini juga dilihat sesuai dengan kajian yang meneroka tentang ciri-ciri secara mendalam untuk mendapatkan banyak maklumat berbanding dengan mengumpul maklumat daripada jumlah peserta kajian yang besar tetapi kurang maklumat (Bogdan & Biklen, 2007). Peserta kajian dipilih secara bertujuan atau *purposive sampling*. Persampelan kajian adalah bertujuan untuk memilih peserta kajian berdasarkan pertimbangan pengkaji untuk memilih sampel yang paling berguna dan sesuai serta memenuhi keperluan tujuan kajian (Babbie, 2002). Ini dilakukan atas beberapa sebab iaitu:

- I. Kajian kes ini dijalankan bukan bertujuan menggeneralisasikan dapatan kajian kepada populasi tabika. Oleh kerana itu kaedah persampelan berbentuk kebarangkalian tidak digunakan (Merriam, 2009).
- II. Peserta dan lokasi yang dipilih mengikut kesesuaian kajian (Creswell, 2015). Pernyataan ini bermaksud peserta kajian dipilih berdasarkan kesanggupan, keupayaan, komitmen dan motivasi mereka untuk memberikan maklumat yang dikehendaki dalam kajian. Frankel dan Wallen (2006) menjelaskan pendekatan bertujuan sesuai digunakan untuk memilih peserta kajian yang memerlukan kriteria khusus. Di samping itu pendekatan ini mempunyai kelebihan kerana dapat memastikan maklumat yang secukupnya bagi menjawab persoalan kajian.
- III. Pendekatan bertujuan yang digunakan dalam kajian ini adalah berdasarkan andaian bahawa pengkaji dapat menerokai, memahami dan menumpukan kajian secara mendalam pada kes yang spesifik (Merriam, 2009). Pengkaji dapat mengumpulkan maklumat yang kaya dengan data daripada peserta kajian.

Pemilihan peserta kajian, adalah penting untuk mendapatkan maklumat data yang bermakna berkenaan dengan fenomena yang dikaji (Merriam, 2009). Peserta kajian yang dipilih dalam kajian ini perlu memiliki sijil perguruan dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak, berkhidmat sebagai pendidik lebih daripada 10 tahun dan mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam menggunakan boneka dalam pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak.

Dalam kajian ini, pengkaji memilih dua orang peserta kajian iaitu seorang guru perempuan yang mengajar di kelas tabika KEMAS dan pembantu pengurusan murid (PPM) di tabika KEMAS. Pemilihan jumlah peserta yang sedikit dan terhad jumlahnya ini selaras dengan kajian Patton (1990) dan Abd.Shatar (2007).

Bilangan peserta kajian ini dianggap memadai untuk membolehkan pengkaji meneroka dan melihat persoalan kajian bagi mendapatkan gambaran sebenar tentang maklum balas guru semasa pengajaran menggunakan boneka dalam pengajaran. Selain itu peserta kajian yang dipilih berdasarkan tajuk dan soalan kajian yang telah ditetapkan oleh pengkaji ketika merancang untuk melaksanakan kajian. Guru yang dipilih ini mempunyai kelayakan dalam pendidikan awal kanak-kanak, guru ini juga mempunyai pengalaman mengajar menggunakan boneka selama 32 tahun dan guru ini juga mengaplikasikan penggunaan boneka dalam semua tunjang pembelajaran. Manakala pembantu pengurusan murid pulak dipilih untuk mendapatkan maklumat data berkaitan dengan pengajaran guru dalam bilik darjah di tabika. Selain itu pemilihan pembantu pengurusan murid adalah untuk mengelakkan berlakunya *bias* dalam kajian.

3.4.3 Kriteria Pemilihan Peserta

Dalam membuat pemilihan peserta kajian, pengkaji membuat beberapa penelitian berdasarkan kajian lepas. Pemilihan peserta kajian ini adalah berdasarkan spesifikasi yang dinyatakan oleh Yin (2009), Merriam (2009) dan Marohaini. Pemilihan peserta yang dinyatakan adalah seperti dalam penerangan bahagian berikut yang mengutamakan peserta kajian yang mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang pengajaran khususnya dalam pendidikan awal kanak-kanak. Pengkaji memilih guru yang mempunyai pengalaman mengajar sekurang-kurangnya 10 tahun. Menurut Kuratko dan Hodgetts (2004) pengalaman lebih daripada 5 tahun menjadi tenaga pengajar dapat menunjukkan bahawa seseorang itu telah melalui waktu kritikal iaitu peringkat permulaan usaha pembentukan pengalaman pengajaran dan pembelajaran awal kanak-kanak. Maka peserta dianggap sebagai pakar dan dijangka dapat memberi maklumat yang diperlukan dalam kajian. Guru yang mempunyai latar belakang dan kepakaran dalam pendidikan berkaitan dengan aspek yang dikaji iaitu penggunaan boneka dalam pengajaran dan pembelajaran. Dalam konteks kajian ini, guru tabika mempunyai kelulusan dalam bidang perguruan daripada universiti tempatan.

Mempunyai keupayaan dan persetujuan secara lisan ataupun bertulis untuk menjadi peserta kajian. Guru yang dipilih menjadi peserta kajian bersetuju untuk diperhatikan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak. Sanggup bekerjasama dengan pengkaji untuk memberikan maklumat mengenai peserta kajian. Guru juga sudi untuk diperhatikan, dirakam secara pemerhatian melalui video manakala temu bual dirakam secara audio. Selain itu guru yang terlibat perlu memberi kebenaran kepada pengkaji untuk meneliti dan menyimpan bahan-bahan berkaitan dengan pengajaran yang diperhatikan seperti bahan pengajaran, rancangan pengajaran dan bahan-bahan yang berkaitan dengan pengajaran boneka.

Mempunyai kerjasama dan kebenaran secara rasmi dari peserta kajian untuk mendapatkan dokumen berkaitan. Perkara ini diperlukan untuk membantu pengkaji menyemak, meneliti dan menyimpan dokumen pengajaran, bahan pengajaran dan jurnal serta refleksi pengajaran peserta kajian. Sokongan daripada pihak penyelia Jabatan Kebajikan Masyarakat (KEMAS) dan guru yang terlibat. Sokongan dan cadangan ini adalah berdasarkan pandangan peribadi, sikap dan profesionalisme dalam bidang tugas. Peserta kajian sentiasa memberi kerjasama, membantu menyelesaikan masalah dan mempunyai keupayaan dalam pengajaran seperti yang diperlukan pengkaji berdasarkan kriteria yang ditetapkan. Perkara ini secara tidak langsung memberi kebenaran kepada pengkaji untuk memasuki kawasan tabika KEMAS.

Dalam kajian ini pengkaji telah menyenaraikan secara terperinci kategori peserta kajian yang terlibat secara langsung dalam kajian ini. Abdullah Nasih (2008) menyatakan ciri personaliti guru perlu dijadikan panduan oleh pengkaji. Disamping itu juga ciri guru yang mempunyai personaliti yang baik dan sesuai adalah seperti berikut:

- Sentiasa bersedia dan yakin untuk menjalankan tugas serta tanggungjawab
- Kepercayaan bahawa tugas guru adalah penting dan dapat mempengaruhi murid
- Bersifat tegas tetapi penyayang dan dapat mempunyai hubungan yang mesra dengan murid
- Menguasai kemahiran mendidik yang dapat membimbing kanak-kanak untuk belajar dan mempertingkatkan kemahiran dalam pembelajaran.

3.4.3.1 Deskripsi Peserta Kajian.

Kajian ini telah mengenal pasti latar belakang peserta kajian secara ringkas melalui temu bual pada pertemuan yang pertama. Pemilihan semua peserta kajian ini lebih berfokuskan kepada kepakaran menguasai kemahiran mengendalikan boneka dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran literasi di tabika. Deskripsi latar belakang peserta kajian di bahagikan kepada tiga faktor iaitu:

- I. Peribadi yang melibatkan latar belakang peserta kajian seperti umur, perwatakan diri dan kelayakan akademik.
- II. Persekitaran yang melibatkan latar belakang persekitaran seperti lokasi dan latar belakang tabika, bilangan kelas, bilangan guru dan murid.
- III. Peristiwa yang melibatkan pengalaman perkembangan profesional peserta kajian seperti kursus, latihan dan pengalaman pedagogi peserta kajian yang merupakan kelebihan dan keunikan dalam kajian ini.

Peserta kajian ini hanya melibatkan seorang sahaja guru iaitu cikgu Lili (bukan nama sebenar) dan melibatkan seorang pembantu pengurusan murid (PPM). Peserta kajian pertama ini berkhidmat sebagai tenaga pengajar dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak di tabika KEMAS. Pengkaji telah menyusun profil latar belakang guru tabika tersebut dengan memberi fokus kepada latar belakang peribadi, latar belakang pendidikan akademik dan tempoh perkhidmatan guru di tabika KEMAS. Berikut adalah dijelaskan peserta kajian tersebut.

Peserta kajian cikgu Lili (PK 1)

Cikgu Lili (bukan nama sebenar) adalah guru yang berumur 56 tahun berasal daripada Kuala Lumpur dan sudah berkeluarga dan mempunyai seorang anak lelaki. Sebelum menjadi guru cikgu Lili berkhidmat sebagai pembantu guru di tabika KEMAS dan selepas itu baru beliau memohon menjadi pendidik dan melanjutkan pelajaran dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak di Universiti Malaya (UM). Beliau telah berkhidmat sebagai pendidik dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat selama 32 tahun. Cikgu Lili juga merupakan seorang yang aktif dalam menyertai pertandingan boneka, beliau juga menjadi tenaga pengajar di institusi perguruan dalam mengajar pelajar menggunakan boneka dari segi membuat boneka dan mengendalikan boneka dalam pengajaran dan pembelajaran. Selain itu beliau juga melatih kanak-kanak untuk pertandingan boneka. Selama bertugas sebagai guru, beliau telah menghadiri kursus dan latihan berkaitan dengan penggunaan boneka anjuran Jabatan Kebajikan Masyarakat. Selain itu beliau juga menghadiri kursus secara persendirian tentang penggunaan boneka dari aspek pembuatan dan teknik mengendalikan boneka.

Dalam temu bual dan pemerhatian cikgu Lili seorang yang sangat kreatif, rajin, baik hati, sabar dan bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas sebagai pendidik. Melalui pemerhatian cikgu Lili seorang yang sangat kreatif dan rajin dalam membuat boneka sendiri sebagai bahan bantu mengajar. Selain itu beliau juga seorang yang minat mengajar kanak-kanak untuk menggunakan boneka dari segi teknik menggunakan boneka dan membuat boneka bersama dengan kanak-kanak. Semasa pengajaran dapat lihat kanak-kanak memberikan tumpuan semasa cikgu Lili mengajar dan mereka sentiasa bertanyakan soalan kepada beliau. Oleh kerana cikgu Lili mempunyai kemahiran dalam mengendalikan boneka, maka cikgu Lili dipilih menjadi

peserta kajian. Berikut diringkaskan latar belakang peserta kajian berdasarkan Jadual 3.1:

Jadual 3.1
Latar Belakang Peserta Kajian

Perkara	PK1
Umur	56
Jantina	Perempuan
Lokasi Bertugas	Kuala Lumpur
Pengalaman Mengajar	32
Kelayakan Akademik	Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak
Personaliti	Bertanggungjawab, Kreatif, Baik Hati, Minat Mendidik, aktif

Manakala peserta kajian kedua merupakan pembantu pengurusan murid (PPM) dipilih sebagai peserta kajian kerana pengalaman berkerja selama 10 tahun, membolehkan peserta kajian mempunyai banyak pengalaman dan pengetahuan terhadap pengajaran guru di dalam kelas. Peserta kajian kedua lebih mengetahui situasi pengajaran dan pembelajaran guru di dalam bilik darjah. Oleh kerana itu peserta kajian kedua ini dipilih untuk membolehkan pengkaji mendapatkan data yang lebih tepat dan mengelakkan *bias*.

Peserta kajian PPM (PK 2)

Pembantu pengurusan murid iaitu Puan Nor (bukan nama sebenar) merupakan anak jati negeri Terengganu. Puan Nor merupakan pembantu pengurusan murid lepasan SPM. Puan Nor berusia 49 tahun dan berkhidmat sebagai pembantu pengurusan murid selama 10 tahun. Puan Nor seseorang pembantu pengurusan murid (PPM) yang sangat baik dan suka membantu guru selepas selesai menyediakan makanan untuk kanak-kanak. Puan Nor juga berkongsi pengalaman berkerja sepanjang berkhidmat di tabika KEMAS. Puan Nor menyatakan setiap guru yang

berkhidmat di tabika KEMAS mempunyai cara mereka yang tersendiri, namun berbeza dengan cikgu Lili yang sentiasa kreatif dalam membuat bahan bantu mengajar dan akan berusaha memastikan murid boleh mengenal huruf dan membaca.

Oleh kerana Puan Nor merupakan PPM di kelas tabika KEMAS dan telah berkhidmat selama 10 tahun maka pengkaji memilih puan Nor sebagai peserta kajian untuk mendapatkan maklumat yang lebih jelas dan terperinci berkaitan dengan pengajaran guru di dalam kelas. Berikut diringkaskan maklumat latar belakang PPM berdasarkan Jadual 3.2.

Jadual 3.2

Latar Belakang Peserta Kajian (PPM)

Perkara	PK2
Umur	49 tahun
Jantina	Perempuan
Lokasi Bertugas	Kuala Lumpur
Pengalaman bekerja	10 tahun
Kelayakan Akademik	SPM

3.4.4 Penentuan Dan Pemilihan Tempoh Kajian

Tempoh pelaksanaan kerja kajian lapangan adalah merujuk kepada penetapan masa sebenar kajian dilaksanakan. Tempoh kajian tersebut bermula pada hari pertama pengkaji meneroka kerja lapangan kajian sehinggalah ke hari terakhir pengumpulan data. Tindakan memendekkan atau dipanjangkan masa pelaksanaan di kajian lapangan tidak digalakkan kerana boleh menjejaskan hasil akhir kajian (Yin, 2009).

Berdasarkan kajian kes yang sempurna, masa tidak boleh ditetapkan untuk menghentikan kajian yang sedang berlangsung. Hal ini kerana pengumpulan data kualitatif banyak melibatkan interaksi secara bersemuka dengan peserta kajian dan pemahaman tentang latar belakang budaya sesuatu tempat (Merriam, 2009). Tahap

yang perlu di ambil perhatian untuk menghentikan kajian ialah apabila pengkaji mencapai ketepuan data yang mana tidak terdapat tema baru muncul dan teori yang dihasilkan daripada data adalah sama (Yin, 2009)

Kehadiran pengkaji dalam jangka masa yang lama di lapangan kajian membantu mengurangkan perasaan kurang selesa di kalangan peserta kajian khususnya guru tabika dan kanak-kanak tabika KEMAS. Dengan ini kepercayaan mereka terhadap pengkaji mudah diterima. Oleh kerana itu penglibatan pengkaji selaku instrument utama, amat membantu dalam memastikan kesahan dan kebolehpercayaan terhadap data dan dapatan kajian.

Secara keseluruhan kajian ini dijalankan dalam tempoh 3 bulan iaitu bermula pada Jun, Julai dan Ogos pada tahun 2018. Pengkaji tidak menjalankan kajian pada bulan Januari, Februari, Mac kerana guru sedang sibuk dengan hari penyesuaian murid di tabika, hari terbuka, aktiviti sukan dan kursus. Oleh kerana itu pengkaji hanya boleh memulakan kajian bermula pada bulan Jun. Tempoh 3 bulan pada pengkaji sudah mencukupi untuk memberi reaksi kepada guru dan kanak-kanak di tabika. Berdasarkan kepada beberapa penyelidikan kualitatif yang mana menggunakan kaedah kajian kes yang pernah dijalankan di negara ini mengambil masa tiga bulan hingga setahun (Abd Shatar, 2007 dalam Jain, 2017). Walau bagaimanapun, tempoh yang ditetapkan tertakluk kepada data yang dikumpulkan itu mencukupi. Ini dapat di jelaskan dalam Jadual 3.3:

Jadual 3.3

Kekerapan Pemerhatian dan Temu Bual

Peserta kajian	Pemerhatian (kekerapan)	Temubual (kekerapan)	Masa pelaksanaan (bulan: 2018)
Guru 1 Pembantu Guru	5 kali	5 kali 1 kali	Jun, Julai, Ogos Jun

Walaupun kajian ini bermula dalam bulan Jun 2018, namun kajian sebenar telah dijalankan pengkaji. Pengkaji telah membina hubungan percaya mempercayai antara peserta kajian dengan mengunjungi tabika tersebut beberapa kali iaitu pada bulan sebelumnya. Tujuan kunjungan itu untuk mendapatkan maklum balas dan suai kenal awal penerimaan peserta kajian dan kanak-kanak. Selain itu kunjungan awal dilakukan bertujuan mendapatkan data yang diperlukan untuk bahan dokumentasi.

Pengkaji dalam kajian kerap untuk turun kelapangan kajian. Sepanjang tempoh kajian, pengkaji membahagikan pemerhatian kepada 5 kali dan pemerhatian hanya dilakukan di dalam bilik darjah sahaja. Pemerhatian melibatkan pengajaran dan pembelajaran guru dan aktiviti kanak-kanak. Sebanyak 5 kali sesi temu bual bersama guru dilakukan sebagai peserta kajian. Manakala pembantu tabika sesi temu bual dijalankan hanya sekali.

3.5 Tatacara Pelaksanaan Kajian

Tatacara pelaksanaan kajian, memainkan peranan penting dalam pemeringkatan pengumpulan data. Tujuan utama pembahagian peringkat pelaksanaan kajian adalah untuk memudahkan proses pengumpulan data kajian (Othman, 2014). Selain itu untuk mengelakkan pengkaji tidak terpengaruh dengan masalah *bias* dalam membuat penilaian dalam kajian.

Marohaini (2001) menyatakan pengkaji merupakan instrumen kajian utama yang perlu mempunyai pengetahuan dan kemahiran untuk berhubung dengan manusia disekelilingnya. Sebelum kajian sebenar dijalankan, pengkaji terlebih dahulu mendapatkan kebenaran daripada beberapa pihak yang terlibat. Pengkaji mengemukakan surat kebenaran dari Universiti kepada Jabatan Kemajuan Masyarakat, penyelia tabika KEMAS dan guru yang menjadi peserta kajian seperti berikut:

- I. Mendapat kebenaran daripada Jabatan kemajuan Masyarakat dengan mendapatkan kebenaran untuk menjalankan kajian
- II. Mendapat kebenaran daripada penyelia tabika
- III. Mendapat kebenaran daripada guru tabika KEMAS

Worrell, Gangi & Bush (2012) menyatakan pemilihan peserta kajian atau sampel kajian boleh mempengaruhi kualiti kajian. Oleh kerana itu sebelum menjalankan kajian pengkaji menjalankan prosedur berikut:

- I. Mendapatkan kebenaran bertulis daripada sampel kes
- II. Mendapatkan kebenaran tanpa paksaan daripada sampel kes
- III. Mendapatkan persetujuan protokol temu bual dan prosedur pemerhatian

Jadual 3.4

Tata cara Pelaksanaan Kajian

Penambahan Pelaksanaan Kajian	Tahun /Bulan	April	Mei	Jun	Julai	ogos	Perkara & Tujuan
Peringkat 1 Pra pengutipan data	2018	/	/				Mengenali dan memupuk hubungan kepercayaan dengan pihak peserta kajian iaitu guru tabika KEMAS.
Peringkat 2 Semasa pengutipan data	2018	/	/	/	/	/	Pengumpulan data melalui kaedah bukti dokumen, protokol pemerhatian dan protokol temu bual. pemerhatian menggunakan perakam video, instrumen kajian. temu bual berstruktur, semi berstruktur dan tidak berstruktur.
Peringkat 3 Selepas pengutipan data	2018			/	/	/	Proses penambahan maklumat dengan memperincikan penemuan kajian. Kaedah temubual berfokus tidak dilaksanakan. Proses pengesahan data bukti dokumen, pemerhatian dan temu bual.

3.5.1 Pra Pengutipan Data

Peringkat pra pengutipan data melibatkan tempoh selama 2 bulan (April hingga Mei 2018) iaitu pada semester pertama persekolahan. Tujuan utama peringkat ini adalah untuk pengkaji mengenali dan memupuk hubungan kepercayaan dengan pihak tabika. Tempoh kerja lapangan ini adalah tempoh masa sebelum pengkaji menjalankan pemerhatian di bilik darjah. Dalam tempoh tersebut, pengkaji terlebih dahulu memupuk hubungan kepercayaan melalui perbualan telefon dan pertemuan secara tidak formal dan perbualan secara tidak formal.

Pengkaji dalam peringkat ini sentiasa peka dan merendahkan diri terhadap peserta kajian untuk diterima kehadirannya. Kaedah perapatan melalui perbualan dan

tingkah laku positif terhadap peserta kajian membantu pengkaji memperoleh sebanyak mana data dengan lebih berkesan. Selain itu pengkaji juga berusaha untuk memastikan kanak-kanak di tabika tersebut dapat menerima kehadiran pengkaji. Pengkaji juga berbincang dengan guru dengan menerangkan tujuan kajian yang dijalankan adalah untuk mendapatkan data.

Sepanjang minggu pertama dan kedua pengkaji berkenalan dengan guru-guru dari kelas tabika dan pembantu guru dan kanak-kanak tabika. Pengkaji juga membuat pemerhatian tidak turut serta, berbincang untuk mendapatkan maklumat tentang gambaran rutin harian di tabika, pemilihan peserta kajian dan membiasakan diri pengkaji dengan peserta kajian. Dengan itu wujudnya hubungan kerja yang positif dan dapat mengumpul maklumat secara tidak langsung.

Selain itu juga tujuan pemerhatian adalah untuk mendapatkan kepercayaan di antara pengkaji, guru dan kanak-kanak di tabika KEMAS, di samping untuk membiasakan mereka dengan kehadiran penyelidik di dalam bilik darjah di tabika tersebut. Dengan ini membantu guru dan kanak-kanak agar tidak terkejut dengan kehadiran pengkaji dan seterusnya dapat menerima pengkaji sebagai salah seorang daripada mereka. Sebaik sahaja pengkaji diterima oleh kanak-kanak di tabika tersebut, maka proses pengutipan bermula.

Selain itu, peringkat pra pengutipan data membantu pengkaji untuk membuat pilihan lokasi yang dipilih seperti tempat kajian, menganalisis kesesuaian lokasi dan mendapatkan keyakinan peserta kajian yang terlibat. Pemilihan guru yang berpengetahuan juga menjadi keutamaan dalam peringkat ini dan bilik darjah yang di ajar menjadi konteks pelaksanaan kajian. Kajian hanya di lakukan di dalam bilik darjah sahaja.

3.5.2 Semasa Pengutipan Data

Pengkaji melaksanakan pemerhatian terhadap guru dan kanak-kanak di tabika yang terlibat dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran menggunakan boneka di dalam bilik darjah di tabika. Selain itu juga pengkaji membuat pemerhatian terhadap tingkah laku kanak-kanak semasa pengajaran menggunakan boneka, pengkaji memerhatikan guru dan kanak-kanak dari segi tindak balas kanak-kanak terhadap pengajaran guru menggunakan boneka.

Dalam kaedah pemerhatian ini, pengkaji membuat rakaman video dan membuat rekod catatan ke dalam buku catatan lapangan. Di samping itu guru sebagai peserta kajian juga dilibatkan dalam sesi temu bual selepas pengajaran tamat iaitu pada waktu yang sesuai tanpa sebarang paksaan. Fokus utama pengkaji semasa pengutipan data adalah untuk berkongsi bahan rakaman dan mendapatkan penjelasan lanjut berkaitan dengan mana-mana aspek yang kurang jelas semasa pemerhatian di lakukan.

Pada peringkat kedua semasa pengutipan data ini pengkaji meneroka dan mendapatkan penjelasan secara mendalam berkenaan demografi guru, kaedah pengajaran guru, strategi pengajaran guru, teknik penyampaian guru berkaitan dengan penggunaan boneka. Peringkat kedua ini bukan hanya peserta kajian sahaja di perhatikan, malah semua faktor yang berkaitan turut diambil kira termasuklah bahan bantu mengajar dan penglibatan kanak-kanak.

3.5.3 Selepas Pengutipan Data

Pengutipan data dilaksanakan oleh pengkaji pada peringkat ketiga. Pengkaji memfokuskan kepada data yang dikutip untuk dibuat penambahbaikan maklumat yang ada dan memperincikan penemuan kajian. Sepanjang tempoh selepas pengutipan data, kaedah pemerhatian dan temu bual berfokus tidak dilaksanakan oleh pengkaji.

Perkara ini kerana untuk lebih fokus kepada pengutipan data dan mengelakkan kekeliruan serta memudahkan peserta kajian terlibat. Dalam proses membuat pengesahan maklumat tentang pemerhatian, temu bual dan bukti dokumen, pengkaji akan ke lapangan kajian untuk bertemu dengan peserta dan mendapatkan pengesahan data dan temu bual yang telah dijalankan. Peringkat ini berlaku pada bulan Jun sehingga Ogos 2018.

3.6 Kaedah Pengutipan Data

Pengumpulan data adalah satu daripada langkah yang penting dalam menentukan maklumat yang digunakan untuk menilai sesuatu program dikutip dengan betul, sah dan boleh dipercayai. Pengkaji telah mengaplikasikan tiga kaedah utama kajian iaitu menganalisis protokol temu bual, protokol pemerhatian dan dokumen. Tujuan kaedah ini digunakan untuk mendapatkan maklumat yang lebih tepat dan terperinci berkaitan dengan penggunaan boneka sebagai bahan bantu mengajar dalam pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak dan kesan penggunaan boneka ini dalam kemahiran literasi kanak-kanak di tabika. Silverman (2002) tujuan bagi kaedah ini adalah untuk memastikan data yang dikumpul diperolehi sepenuhnya atau dikumpulkan secara habis-habisan daripada pelbagai sumber. Selain itu pengumpulan data adalah dalam bentuk deskriptif, ini penting untuk mendapatkan gambaran awal, membuat analisis dan melaporkan keadaan sebenar yang berlaku dalam penggunaan boneka dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran literasi kanak-kanak di tabika.

Kombinasi tiga kaedah ini, membantu pengkaji untuk tidak bergantung kepada satu sumber rujukan sahaja. Kombinasi kaedah ini juga dapat membantu memperkukuhkan data yang dikumpul antara satu sama lain (Othman, 2014).

Melalui kaedah ini juga dapat memperkukuhkan maklumat agar tidak berlaku keciciran maklumat berpandukan garis panduan, kaedah yang telah ditetapkan dalam mendapatkan maklum balas guru dan kanak-kanak melalui aktiviti pengajaran dan pembelajaran menggunakan boneka (Othman, 2009).

3.6.1 Kaedah Pemerhatian

Dalam kajian ini kaedah pemerhatian merupakan kaedah yang utama untuk mengutip data yang bertujuan untuk mengetahui perkara yang sebenar (Merriam, 2009). Melalui kaedah ini dapat memberi panduan kepada pengkaji untuk mengumpulkan maklumat secara maujud yang mana dapat memberi gambaran terperinci tentang aktiviti pengajaran dan pembelajaran menggunakan boneka, tingkah laku dan tindak balas kanak-kanak terhadap pengajaran dan pembelajaran guru menggunakan boneka terutamanya dalam kemahiran literasi.

3.6.1.1 Justifikasi Pemilihan Kaedah Pemerhatian

Tujuan utama pengkaji menggunakan kaedah pemerhatian ini adalah untuk mengenal pasti, menganalisis dan memahami pengajaran guru menggunakan boneka dan tindak balas kanak-kanak dalam pembelajaran boneka serta kesan terhadap kemahiran literasi. Semua data hasil pemerhatian akan didokumentasikan secara sistematik berbantuan catatan pemerhatian, senarai semak dan rakaman video (Creswell, 2015). Selain itu kelebihan kaedah pemerhatian ini membantu pengkaji untuk memahami pengetahuan guru tentang boneka, kemahiran yang diperlukan dalam pengajaran menggunakan boneka dan kesan pembelajaran terhadap kemahiran literasi kanak-kanak.

Pemilihan kaedah pemerhatian dalam kajian ini, membantu pengkaji untuk memerhati peserta kajian dalam pelbagai keadaan yang melibatkan tingkah laku

harian (Merriam, 2009). Selain itu pengkaji juga dapat mengumpulkan maklumat berkaitan dengan pengetahuan dan kefahaman guru tentang boneka, kemahiran yang diperlukan guru dalam pengajaran menggunakan boneka, keberkesanan penggunaan boneka dalam kemahiran literasi kanak-kanak di tabika.

Dalam aspek strategi pemerhatian maklumat, penyelidik telah memilih kaedah pemerhatian secara turut serta. Pemerhatian secara turut semasa aktiviti pengajaran di dalam bilik darjah. Tujuan utama pemerhatian adalah untuk mengurangkan kebimbangan dan mewujudkan kepercayaan serta hubungan rapat di antara pengkaji dengan peserta kajian (Othman, 2014). Selain itu membolehkan pengkaji mendengar, melihat dan mengalami realiti sebagaimana yang dialami oleh peserta kajian. Di samping itu untuk mengelakkan jurang perbezaan diantara pengkaji dengan peserta dan dalam masa yang sama untuk mengurangkan *bias* dalam pemerhatian ini (Marohaini, 2001).

Selain itu hubungan yang terjalin membolehkan peserta kajian memberikan pelbagai maklumat peribadi dan rasa selamat tanpa dipengaruhi oleh kehadiran pengkaji. Pengkaji memfokuskan pemerhatian terhadap peserta kajian, memerhati tindak balas kanak-kanak, meneliti bahan pengajaran peserta kajian dan mencatatkan laporan pemerhatian. Pengkaji juga turut memastikan semua data dan bukti dilaporkan dengan berbantuan penggunaan rakaman video, rakaman audio, catatan lapangan dan catatan jurnal.

Pemerhatian dalam kajian ini pengkaji memfokuskan kepada persoalan kajian iaitu memfokuskan kepada pengetahuan guru tentang definisi boneka, pengetahuan guru dalam membina boneka, pengetahuan guru dalam menggunakan boneka. Seterusnya pengkaji memfokuskan kepada kefahaman guru dalam mengaplikasikan

boneka dalam pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak dari aspek teknik penyampaian menggunakan boneka. Kefahaman guru dalam menentukan kesesuaian boneka dengan pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak, Selain itu pengkaji memfokuskan kepada kemahiran-kemahiran yang guru perlukan dalam penggunaan boneka dan pengkaji juga akan memfokuskan kepada tindak balas kanak-kanak terhadap pengajaran guru terutamanya dalam kemahiran literasi untuk melihat keberkesanan penggunaan boneka.

Pengkaji juga melakukan pemerhatian awal terlebih dahulu untuk mendapatkan gambaran yang lebih awal di dalam bilik darjah tentang situasi pengajaran guru supaya pengkaji dapat membiasakan diri dengan prosedur pemerhatian.

3.6.1.2 Protokol Kaedah Pemerhatian

Pemerhatian merupakan satu cara untuk mendapatkan data dalam penyelidikan. Ia bertujuan untuk mengumpulkan data '*non-verbal*' bagi melihat situasi atau kajian sebenar (Mohamad Nor, 2000). Data daripada pemerhatian mengandungi gambaran yang terperinci berkaitan dengan aktiviti, perlakuan serta pelbagai interaksi interpersonal dan proses organisasi yang menjadi sebahagian dari pengalaman manusia yang dapat dilihat (Patton, 1990 dalam Jain, 2017). Pengkaji menjalankan pemerhatian untuk melihat proses pengajaran guru dan penglibatan kanak-kanak dalam proses pembelajaran di dalam bilik darjah.

Dalam kajian ini, pengkaji melaksanakan kaedah pemerhatian sebanyak 5 kali ke atas seorang guru sahaja. Pada peringkat awal pengkaji mengenal pasti tabika KEMAS yang menjadi lokasi kajian berdasarkan spesifikasi kajian yang ditetapkan.

Peringkat kedua pengkaji membuat pemerhatian sebenar terhadap rutin harian peserta dalam pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah.

Sebelum membuat pemerhatian, pengkaji terlebih dahulu mendapatkan persetujuan bersama dengan peserta kajian berkaitan dengan jadual harian, tempoh dan jumlah pemerhatian serta tatacara pengkaji membuat pemerhatian di dalam bilik darjah. Pengkaji meminta persetujuan peserta kajian secara rasmi dengan meminta peserta kajian mengisikan borang persetujuan pemerhatian pada (Lampiran A). Semua aspek ini, dianggap amat penting oleh pengkaji untuk dikongsi bersama dengan peserta kajian bagi memastikan kelancaran aktiviti yang dirancang.

Semasa menjalankan pemerhatian pengkaji menjadi pemerhati yang turut serta. Dalam aspek ini pengkaji melibatkan diri dengan persekitaran dan aktiviti peserta kajian. Pengkaji mengambil bahagian sebagai peserta pemerhati yang memfokuskan kepada tingkah laku peserta kajian, memerhati tingkah laku kanak-kanak, memerhati proses pengajaran peserta kajian dan mencatatkan laporan pemerhatian. Setiap pemerhatian adalah sebanyak 5 kali dan mengambil masa selama 10 hingga 30 minit bergantung kepada masa sebenar dan pengajaran sebenar berlangsung dan situasi semasa. Tujuan dihadkan masa melaksanakan pemerhatian adalah kerana ingin mengelakkan bosan dalam kalangan peserta kajian (Marohaini, 2001).

Tujuan rakaman dilaksanakan semasa kajian berlangsung khususnya sesi temu bual adalah bertujuan mendapatkan rekod yang asli dan membolehkan pengkaji memfokuskan kepada isi kandungan temu bual. Sebelum membuat pemerhatian, pengkaji membuat perancangan dengan teliti supaya setiap data dan bukti tidak keciciran semasa membuat pemerhatian, kerana itu pengkaji menggunakan video, catatan lapangan dan catatan jurnal.

Terdapat beberapa cara untuk merekod pemerhatian iaitu dengan cara nota lapangan dan catatan jurnal iaitu pengkaji boleh menulis maklumat atau data yang didapati secara langsung daripada pemerhatian. Selain itu pengkaji boleh membuat nota lapangan yang mengandungi lokasi kajian, tingkah laku sebelum, semasa dan selepas pemerhatian, reaksi emosi dan penampilan wajah. (Marohaini, 2001). Perkara ini diterangkan seperti berikut:

a. Rakaman Video

Rakaman video merupakan salah satu aspek penting dalam pemerhatian. Tujuan pengkaji memilih rakaman video adalah untuk membantu proses pengutipan data dan analisis data (Marohaini, 2001). Bogdan & Biklen (2007) menyatakan rakaman video digunakan untuk membantu pengkaji merekodkan perbualan lisan yang berlaku antara peserta kajian. Rakaman video diaplikasikan pengkaji sebagai alat untuk merakam aktiviti penyampaian pengajaran dan pembelajaran berdasarkan penggunaan boneka. Selain itu tujuan rakaman ini adalah untuk memudahkan pengkaji mengingat peristiwa secara visual dan merekod peristiwa secara tepat. Fokus rakaman video ini adalah penumpuan berpusatkan pada percakapan dan perlakuan subjek kajian. Pengkaji menggunakan dokumen catatan jurnal (Lampiran F) dan catatan lapangan (Lampiran G) sepanjang rakaman.

Melalui rakaman video membolehkan pengkaji membuat imbasan dan mengingat kembali butiran yang tertinggal semasa pemerhatian dilaksanakan. Selain itu pengkaji mudah untuk membuat pemerhatian terhadap tingkah laku kanak-kanak semasa pengajaran guru. Melihat reaksi kanak-kanak sebelum memulakan pengajaran menggunakan boneka, semasa pengajaran menggunakan boneka dan selepas pengajaran menggunakan boneka supaya mendapat gambaran yang lebih jelas.

Rakaman video ini dijalankan hanya semasa pengajaran guru menggunakan boneka. Rakaman di lakukan sebanyak 3 kali. Rakaman ini di buat berdasarkan keperluan dan kebenaran dari peserta kajian yang mana tidak mengganggu proses pengajaran yang berlangsung. Pengkaji mengendalikan secara individu peralatan rakaman video. Semasa rakaman pengkaji meletakkan video di sudut tepi belakang berjauhan dengan kanak-kanak dan peserta kajian supaya kanak-kanak tidak menyedari pengkaji membuat rakaman video. Semua hasil rakaman visual dilihat secara berulang kali, disalin dan disimpan di dalam komputer riba dan *pendrive*.

b. Catatan Jurnal

Catatan jurnal ialah merekod segala bentuk idea, pandangan, pengalaman, dilemma, perancangan masalah, keraguan yang dialami akibat proses tugas pemerhatian (Marohaini, 2001). Segala rakaman akan dicatat apabila pengkaji teringat semula perkara penting yang berkaitan semasa melaksanakan kajian lapangan. Catatan jurnal (Lampiran F) juga boleh diaplikasikan oleh pengkaji untuk meluahkan emosi dan menilai semula tindakan dalam bentuk peribadi (Othman, 2014). Perkara ini berbeza dengan catatan lapangan yang merekodkan maklumat yang ditemui pengkaji secara langsung di lapangan.

c. Catatan Lapangan

Catatan lapangan merupakan perkara penting dalam kajian ini kerana catatan lapangan ialah kesediaan pengkaji sebagai alat kajian dan atau instrumen kajian (Marohaini, 2002). Segala maklumat catatan lapangan yang terkumpul akan disemak dan disalin semula dengan kemas bagi memudahkan penggunaannya. Penulisan yang lengkap akan dilakukan oleh pengkaji sebaik sahaja selesai menjalankan pemerhatian ke atas peserta kajian.

Sebagai satu cara bagi memudahkan pengkaji membuat catatan lapangan, pengkaji membuat satu inisiatif dengan menggunakan satu buku kecil untuk mencatatkan dengan lengkap semasa membuat pemerhatian di dalam bilik darjah. Daripada buku kecil ini (diari) pengkaji menyusun secara teratur laporan lengkap yang ditandakan setiap kali berada di lapangan. Contoh penggunaan buku kecil (diari) dan nota catatan lapangan penyelidikan tersebut di buat penyusunan semula sebagaimana yang di tunjukkan dalam (Lampiran G).

3.7 Kaedah Temu Bual

Di dalam kajian kes secara kualitatif ini, pengkaji memilih kaedah temu bual sebagai kaedah utama bagi mengutip data. Melalui teknik ini, pengkaji kualitatif dapat menyelami perasaan, pemikiran, perhatian dan perilaku yang berkaitan dengan masa lampau yang memberi kesan kepada kehidupan kini (Patton, 2002).

3.7.1 Justifikasi Pemilihan Kaedah Temu Bual

Kaedah temu bual merupakan satu proses untuk mendapatkan data dengan menemui seseorang secara bersemuka serta melakukan soal jawab atau berkomunikasi dua hala yang bertujuan untuk meminta pandangan, pendapat dan pengakuan daripada seseorang. Temu bual juga merupakan satu bentuk hubungan sosial melalui komunikasi yang mempunyai matlamat dan tujuan tertentu bagi mendapatkan maklumat yang berguna (Nasarudin Basar, 2004). Selain itu melalui kutipan data secara temu bual dapat memberikan maklumat yang lebih banyak dan penjelasan yang konkrit. Kaedah temu bual dalam kajian ini dapat membantu pengkaji mendapat maklumat yang lebih terperinci kerana jumlah peserta dalam kajian ini tidak ramai iaitu hanya melibatkan dua orang sahaja iaitu guru tabika dan pembantu tabika.

Dalam kajian ini pengkaji akan mengaplikasikan tiga kaedah temu bual untuk mengumpulkan maklumat dalam kajian ini iaitu temu bual berstruktur, temu bual semi berstruktur dan temu bual tidak berstruktur (Merriam, 2009). Oleh itu, maklumat temu bual kajian disertakan pengkaji dalam (Lampiran B) iaitu protokol Temu bual dan Borang catatan temu bual (Lampiran B2).

Pengkaji menjalankan temu bual bersama peserta kajian secara bersahaja supaya tiada keadaan yang kurang selesa. Berikut dijelaskan kaedah temu bual yang dijalankan oleh pengkaji dalam kajian ini untuk mendapatkan maklumat data melalui kaedah temu bual berstruktur dan temu bual semi berstruktur.

3.7.1.1 Temu Bual Berstruktur

Dalam kajian ini, pemilihan temu bual mengikut pandangan Marohaini (2001) dan Nasarudin (2004) temu bual adalah melibatkan aktiviti perbualan dan soal jawab dua hala yang bertujuan untuk mendapatkan pandangan, pendapat dan pengakuan daripada seseorang. Bentuk kandungan soalan yang ingin dikemukakan pengkaji telah dibina dan terhad pada sesuatu tajuk atau bidang yang tertentu sahaja. Pengkaji telah mengadaptasikan soalan temu bual dan dilaksanakan sebelum temu bual dilaksanakan secara formal.

Sebagai panduan kepada pengkaji, perkara yang menjadi asas utama kepada soalan yang dikemukakan kepada peserta kajian dalam temu bual berstruktur ialah demografi guru. Pemilihan temu bual berstruktur ini bertujuan untuk memperkukuhkan dapatan soalan kajian yang pertama, kedua dan ketiga.

Soalan temu bual berstruktur dan semi berstruktur ini diadaptasi daripada kajian Balkis (2014). Aspek yang diterokai pengkaji dalam pengetahuan boneka iaitu kemahiran penggunaan boneka, definisi dan konsep boneka, kefahaman

mengaplikasikan boneka dan pandangan penggunaan boneka dalam pengajaran dan pembelajaran. Selain itu aspek melibatkan latar belakang pendidikan dan tempoh perkhidmatan juga turut diambil perhatian. Perkara ini meliputi latar belakang peserta kajian, pendidikan awal, pendidikan terkini, pengalaman bertugas dan kursus perkhidmatan yang pernah dihadiri. Sila rujuk Lampiran B bagi protokol soalan temu bual berstruktur.

Berikut ialah soalan temu bual berstruktur yang dikemukakan kepada peserta kajian.

- a. Bolehkah cikgu ceritakan latar belakang diri? Berapa lamakah cikgu telah menjadi guru?
- b. Sejak bila cikgu berminat untuk menjadi guru? Mengapa cikgu berminat mengajar?
- c. Adakah pengkhususan cikgu semasa di universiti/ institusi perguruan?
- d. Bolehkah cikgu ceritakan tentang kursus dalam perkhidmatan atau seminar dalam penggunaan boneka? Di mana kursus atau seminar di jalankan?
- e. Adakah KEMAS menggalakkan guru-guru menggunakan boneka?
- f. Berapa lama cikgu menggunakan boneka sebagai bahan bantu mengajar? Berapa kali dalam seminggu/bulan cikgu menggunakan boneka dalam pengajaran dan pembelajaran?

3.7.1.2 Temu Bual Semi Berstruktur

Dalam temu bual semi berstruktur ini pengkaji dapat menentukan jumlah soalan-soalan temu bual serta boleh menambahkan soalan temu bual semasa sesi temu bual berlangsung bagi mendapatkan maklumat tambahan daripada beberapa aspek yang kurang jelas atau kurang menjawab soalan kajian (Ghazali, 2016). Oleh itu pengkaji perlu mempunyai pengetahuan untuk mengemukakan soalan yang berkaitan

dengan isu kajian dan mempunyai pengetahuan untuk memperoleh maklumat hasil temu bual dengan peserta (Merriam, 2009).

Temu bual yang bermakna ialah pengkaji dapat mewujudkan keyakinan saling mempercayai terhadap peserta kajian. Oleh itu pengetahuan pengkaji semasa proses temu bual, membolehkan peserta kajian bercakap dan berkongsi maklumat yang lebih banyak. Pemilihan kaedah temu bual semi berstruktur merupakan panduan untuk mengendalikan temu bual, sekiranya terjadi situasi tertentu yang menyukarkan pengkaji untuk mendapatkan maklumat daripada peserta kajian (Creswell, 2009). Dengan itu pengkaji perlu mengubahsuai bentuk soalan untuk membantu dan memudahkan peserta kajian untuk dapat mencapai objektif kajian.

Dalam temu bual semi berstruktur, pengkaji mengadaptasikan soalan temu bual tentang pengetahuan dan kefahaman guru daripada Balksi (2014). Sebagai panduan kepada pengkaji, aspek yang menjadi fokus dalam perbincangan yang dikemukakan kepada peserta kajian dalam temu bual semi berstruktur adalah berkenaan pengetahuan penggunaan boneka dalam pengajaran, kefahaman guru dalam mengaplikasikan boneka dari aspek teknik yang digunakan serta tindak balas kanak-kanak terhadap pengajaran guru, kemahiran yang diperlukan guru dalam menggunakan boneka sebagai bahan bantu mengajar. Sila rujuk (Lampiran B) bagi protokol temu bual semi berstruktur.

3.7.1.3 Protokol Soalan Temu Bual

Sebelum temu bual dilaksanakan. Pengkaji menyediakan protokol soalan temu bual yang diadaptasi daripada kajian lepas. Penyelidik mengadaptasikan protokol soalan temu bual berkenaan aspek demografi guru dan pengetahuan dan kefahaman guru daripada Balkis (2014). Pengkaji menjadikan objektif kajian,

persoalan kajian, kerangka teori, kerangka konseptual kajian dan kajian lepas sebagai asas utama adaptasi protokol temu bual (Merriam, 2009). Sebelum menjalankan temu bual pengkaji terlebih dahulu membuat temu janji dengan peserta kajian untuk menentukan masa dan tempat. Selain itu pengkaji juga memastikan peserta kajian telah bersedia untuk ditemu bual di dalam bilik darjah atau tempat tertentu yang sesuai.

Semasa menjalankan temu bual bersama peserta kajian, pengkaji akan menggunakan rakaman suara. Sepanjang temu bual di antara pengkaji dan peserta kajian, rakaman akan direkodkan dengan menggunakan alat rakaman suara. Rakaman suara bertujuan membantu pengkaji mendengar semula sesi perbualan yang dirakam berkenaan pengetahuan dan kefahaman guru tentang penggunaan boneka serta kemahiran yang diperlukan guru. Hal ini dapat membantu pengkaji untuk membuat analisis data dan mengenal pasti isi penting kandungan temu bual. Lebih kerap pengkaji membuat penelitian ke atas rakaman suara, maka lebih tinggi kualiti maklumat hasil pemerhatian yang telah dijalankan (Merriam, 2009).

Sebelum memulakan sesi temu bual pengkaji membiasakan diri dengan memulakan sesi temu bual dengan bertanyakan khabar, mengemukakan soalan yang lebih umum dan kemudian beralih kepada soalan yang lebih khusus. Semasa sesi temu bual pengkaji merujuk kepada soalan asas yang direka bentuk supaya ianya selari dengan kehendak objektif kajian. Manakala sepanjang tempoh temu bual pengkaji cuba menyesuaikan teknik menyoal supaya peserta kajian bersikap lebih terbuka dengan mengaplikasikan perkataan seperti boleh terangkan, mengapa, kenapa, bagaimana, apakah pandangan berdasarkan situasi. Selain itu pengkaji juga memberi peluang kepada peserta kajian untuk meluahkan pandangan semasa sesi temu bual tanpa sekatan. Kesemua maklumat dan pandangan, penambahbaikan serta ulasan merupakan sumber sokongan yang penting dalam kaedah temu bual.

Sebelum membuat rakaman suara, pengkaji terlebih dahulu memastikan alat rakaman suara berada dalam keadaan baik, bateri akan sentiasa dicas sepenuhnya sebelum rakaman dibuat. Selain itu pengkaji memohon kebenaran kepada peserta untuk membuat rakaman perbincangan di dalam bilik darjah untuk keselamatan data, pengkaji membuat simpanan rakaman dalam komputer riba dan *pendrive*.

Pengkaji membuat rakaman suara untuk setiap sesi temu bual bersama peserta kajian dalam alat rakaman secara teratur. Pengkaji merancang melaksanakan temu bual bersama peserta kajian selama 10 sehingga 20 minit sahaja bagi setiap sesi. Perkara ini bersesuaian dengan saranan Gay dan Airasian (2003) yang menjelaskan bahawa tempoh untuk satu temu bual boleh menjadi sekejap ataupun lama bergantung kepada situasi. Oleh itu temu bual yang dibuat dicadangkan supaya tidak terlalu lama supaya mengelakkan peserta kajian bosan. Setiap kali berakhir sesi temu bual pengkaji akan mengucapkan penghargaan kepada peserta kajian. Apabila pengkaji merasakan data yang dikumpul telah mencukupi dan tiada maklumat terbaru maka sesi temu bual akan ditamatkan (Merriam, 2009).

Pengkaji akan mendengar semula rakaman suara berulang-ulang kali untuk membuat transkripsi terhadap data yang telah dikumpulkan. Pengkaji akan menaip transkripsi bagi setiap temu bual dan peserta kajian menyemak semula serta membuat pembetulan kepada isi kandungan transkripsi tersebut. Pengkaji seterusnya menyimpan maklumat data dalam fail (*folder computer*) dan dicetak untuk simpanan fail utama. Pembinaan transkripsi dilakukan bertujuan untuk memudahkan proses pengkodan.

3.8 Kaedah Analisis Dokumen

Analisis dokumen dalam kajian penggunaan boneka, melibatkan pengkaji untuk mencatat, membaca dan meneliti bahan penyelidikan. Bahan yang di analisis ini, terdiri daripada bahan visual, bahan bertulis dan bahan maujud (Bogdan, & Biklen, 2007). Proses analisis dokumen ini berlaku dalam kajian secara sistematik, teratur dan berdasarkan kepada kerangka teori dan kerangka konseptual kajian.

3.8.1 Justifikasi Pemilihan Kaedah Analisis Dokumen

Analisis dokumen dalam kajian ini, merupakan rujukan maklumat yang ketiga penting dalam kajian kualitatif selepas kaedah temu bual dan kaedah pemerhatian (Othman, 2014). Pemilihan analisis dokumen ini sebagai data penting yang membantu pengkaji untuk menerokai pelbagai maklumat tentang aktiviti pengajaran dan pembelajaran guru menggunakan boneka.

Analisis dokumen digunakan dalam kajian ini bertujuan sebagai alat sokongan dan maklumat kepada kaedah pemerhatian dan temu bual yang dijalankan. Analisis dokumen ini menjadi bahan rujukan yang menghasilkan maklumat penting berkenaan peserta kajian kepada pengkaji sepanjang kajian kualitatif di jalankan (Merriam, 2009).

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan analisis dokumen untuk menjawab soalan kajian pertama. Penerokaan pengkaji melibatkan demografi guru tabika yang mempengaruhi penggunaan boneka sebagai bahan bantu mengajar. Aspek profil yang diteliti pengkaji ialah latar belakang akademik (kelayakan ikhtisas) dan tempoh perkhidmatan (pengalaman kerja). Maklumat yang diterokai ini, adalah tekal kerana segala maklumat yang diperolehi adalah secara tersurat. Perkara ini membantu

pengkaji untuk memperolehi maklumat kajian dengan kesahan yang tinggi (Creswell, 2015 dalam Abdullah, 2019).

Dokumen yang dianalisis oleh pengkaji boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu rekod awam dan dokumen peribadi penting dalam analisis dokumen secara kualitatif. Bahagian pertama dokumen berbentuk rekod awam yang diterokai pengkaji ialah buku rekod mengajar guru, buku laporan prestasi murid, bahan bantu mengajar guru dan kursus yang dihadiri dan sebagainya.

Bahagian dokumen kedua yang dianalisis iaitu dokumen peribadi yang mengandungi maklumat rancangan pengajaran guru, langkah-langkah pengajaran, lampiran aktiviti pengajaran, bahan mengajar dan sebagainya. Analisis dokumen ini penting, membantu pengkaji untuk mendapatkan maklumat tentang kajian dan maklum balas pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak tabika. Setiap dokumen yang diambil akan dibuat salinan. Pengumpulan maklumat daripada dokumen-dokumen ini penting bagi membolehkan pengkaji membuat triangulasi antara teknik yang digunakan dengan sumber maklumat dari borang Analisis Dokumen (Lampiran E). Maklumat dari dokumen ini bukan sahaja membolehkan pengkaji menyokong dan menambah bukti dari pelbagai sumber tetapi membantu mengesahkan maklumat yang didapati daripada temu bual dan pemerhatian.

3.9 Kesahan Dan Kebolehpercayaan

Kesahan dan kebolehpercayaan merupakan perkara penting yang sering dibincangkan dalam metodologi kajian penyelidikan. Ia bertujuan untuk menentukan instrumen kajian yang digunakan. Instrumen yang menjadi alat untuk mengumpulkan data perlu tepat dan sesuai supaya maklumat yang dikumpulkan diiktiraf sebagai sah dan boleh dipercayai (Normazidah, 2012).

Kebolehpercayaan adalah merujuk kepada keupayaan memperoleh data yang serupa apabila pengukuran diulang. Selain itu kebolehpercayaan berkait rapat dengan soal kebolehsandaran dan ketekalan keputusan atau hasil daripada data yang dikumpul (Creswell, 2005). Oleh itu konsep kebergantungan (*dependability*) atau ketekalan (*consistency*) digunakan untuk meningkatkan kredibiliti kajian kualitatif.

Disamping itu juga kesan dan kebolehpercayaan dalam kajian ini boleh membantu pengkaji mengenal pasti dapatan kajian adalah benar atau tidak berdasarkan bukti yang tidak diragui (Denzin & Lincoln, 2011). Dalam kajian ini, pengkaji mengaplikasikan tiga aspek untuk mendapatkan kesahihan kajian iaitu aspek kesahan dalama, kesahan luaran dan kebolehpercayaan.

Maka dengan itu penyelidik kualitatif mencadangkan penggunaan istilah nilai yang 'sahih atau benar' (*truth value*) untuk kesahan dalaman, kebolehubahan (*transferability*) untuk kesahan luaran dan ketekalan (*consistency*) untuk kebolehpercayaan (Denzin & Lincoln, 2011).

3.9.1 Kesahan

Dalam kajian ini kesahan merujuk kepada punca untuk membuat tuntutan kebenaran. Creswell (2009) berpendapat kesahan merupakan sesuatu instrumen berpandukan kepada sejauh mana sesuatu instrument mengukur apa yang sepatutnya diukur. Dalam kajian ini, pengkaji mengaplikasikan kesahan dalaman dan kesahan luaran. Ini adalah berpandukan pendapat Merriam (2009) diterangkan seperti berikut:

3.9.1.1 Kesahan Dalaman

Kesahan dalaman merujuk kepada bagaimana sesuatu dapatan kajian selari dengan realiti (Merriam, 2009). Terdapat enam strategi yang boleh dijadikan panduan untuk meningkatkan kesahan dalaman oleh pengkaji di lapangan kajian.

Strategi tersebut ialah triangulasi maklumat, maklum balas peserta, pemerhatian jangka panjang, pemeriksaan rakan (*peer examination*), penyertaan peserta kajian dan penjelasan kesan penyelidikan (Merriam, 2009).

Triangulasi merupakan kesahan dalaman yang utama dalam kajian ini. Pengaplikasian triangulasi dalam kajian ini adalah bertujuan untuk membantu pengkaji menerokai pelbagai sumber maklumat atau teknik pengutipan maklumat bagi mengesahkan dapatan kajian. Semua data yang dikumpul dalam kajian ini daripada teknik temu bual, pemerhatian dan analisis kandungan dokumen dibandingkan antara data tersebut (Yin, 2009). Hasil perbandingan data yang dipilih ini adalah benar-benar mencapai tahap kepercayaan yang tinggi.

Dalam kajian ini pengkaji menggunakan kaedah temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Untuk mendapatkan kesahan dalaman kajian, maka pengkaji mengaplikasikan triangulasi yang melibatkan perbandingan maklumat di antara kaedah-kaedah tersebut berdasarkan (Othman, 2014). Kebolehpercayaan boleh dicapai apabila maklumat yang sama diulang beberapa kali daripada peserta kajian dan pengkaji boleh menggunakan proses ini semasa proses pengkodan data.

Maklum balas peserta kajian tentang data temu bual dan data pemerhatian adalah strategi yang kedua. Pengkaji dalam kajian ini memberikan data dan interpretasi awalan kepada peserta kajian untuk menyemakan semula maklumat pemerhatian dan memperbaiki sekiranya terdapat kesilapan sebelum proses analisis maklumat dilaksanakan (Othman, 2014). Perkara ini bertujuan untuk memastikan ketepatan dan kesesuaian maklumat selari dengan kehendak sebenar kajian.

Pemerhatian dalam jangka masa yang panjang adalah strategi pengkaji yang ketiga iaitu bertujuan untuk mengumpulkan maklumat yang mendalam, berkualiti dan

menyakinkan. Dalam kajian ini pengkaji turun ke lapangan kajian untuk mengalami sendiri proses kajian berulang-ulang terhadap fenomena yang sama (Yin, 2009). Kajian ini dijalankan selama 3 bulan di lapangan kajian. Pengkaji memastikan semua data yang dikumpul adalah data yang berupaya menjawab persoalan kajian.

Seterusnya penelitian rakan sebaya (*peer examination*) merupakan strategi yang keempat. Pengkaji menggunakan khidmat penilaian rakan seperti yang dijelaskan oleh Noraini (2010). Pengkaji mendapatkan kerjasama dengan dua orang rakan dalam bidang pendidikan untuk menjalankan pemeriksaan berkenaan. Segala bentuk dapatan yang tersasar daripada objektif utama agar segera diperbetulkan untuk ketulenan dapatan data kajian. Maka dengan itu meletakkan diri pengkaji di landasan yang sebenar tanpa dipengaruhi oleh persekitaran.

Pengkaji juga melibatkan peserta kajian secara langsung dalam setiap peringkat kajian yang merupakan strategi yang kelima dalam kajian ini. Pengkaji membentuk perhubungan kolaboratif bersama peserta kajian bersama-sama berbincang tentang implikasi kajian dan rumusan akhir.

Strategi yang keenam ialah *Non-judgmental* bermaksud suatu pandangan dunia yang berorientasikan teoritikal penyelidikan tentang kajian. Perkara ini meletakkan pengkaji sebagai instrument utama dalam mengendalikan proses pengumpulan data dan analisis data. Kehadiran pengkaji mungkin akan mendatangkan kesan sampingan yang mempengaruhi perilaku peserta kajian yang terlibat dalam pengajaran di tabika. Oleh kerana itu tindakan proaktif perlu diambil oleh pengkaji dengan menghadirkan diri pengkaji di lokasi kajian untuk tempoh masa yang lama.

3.9.1.2 Kesahan Luaran

Kesahan luaran dalam kajian ini merujuk kepada kekuatan sebenar hasil kajian dapat diaplikasikan pada situasi yang lain (Othman, 2014). Fokus kajian dalam kualitatif ini lebih kepada penyediaan deskripsi yang dianalisis berkenaan rangka kajian yang bertujuan membantu pembaca membandingkan kesesuaian dapatan dalam situasi mereka.

Bagi mempertingkatkan hasil dapatan kajian kualitatif, terdapat tiga strategi yang boleh digunakan dalam kesahan luaran iaitu penerangan yang teliti, membentuk kes secara tipikal dan reka bentuk pelbagai latar kajian (Yin, 2009). Tindakan pengkaji menyediakan penerangan yang teliti dan terperinci tentang latar belakang kajian bertujuan menentukan perhubungan rapat pengkaji dengan peserta kajian.

Strategi kedua ialah dengan membentuk kes secara tipikal. Pengkaji menghuraikan tipikal sesuatu program, kejadian, atau peserta yang terlibat dalam kajian. Melaluinya pembaca akan membuat penilaian, perbandingan dalam gambaran situasi yang mereka alami (Bogdan & Biklen, 2007).

Strategi ketiga ialah pengkaji mengaplikasikan dengan jelas pelbagai latar, kes dan situasi. Dalam aspek kajian ini, penerangan tentang peserta kajian dan tempat kajian diterangkan dengan teliti. Ini membantu pembaca untuk membuat keputusan dalam situasi yang lebih luas dalam kajian kualitatif.

3.9.1.3 Kebolehpercayaan

Kebolehpercayaan dalam kajian ini merujuk kepada kestabilan dan ketekalan sesuatu kajian, soal selidik, ukuran atau alat ukuran (Othman, 2014). Kebolehpercayaan dalam kajian ini diaplikasikan bertujuan untuk ukuran yang diguna

pakai dalam memberikan dapatan hasil yang sama apabila digunakan bagi mengukur konsep yang sama kepada peserta kajian yang sama.

Dalam melaksanakan kajian ini pengkaji menggunakan dua strategi kebolehpercayaan iaitu dengan membuat pengesahan protokol temu bual oleh penyelia dan tiga orang pakar bidang dalam pendidikan awal kanak-kanak, kajian rintis dan triangulasi data.

3.9.1.4 Kumpulan Pakar

Pakar yang dilantik berdasarkan kepakaran masing-masing dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak dan juga dalam penggunaan boneka. Bagi memastikan penilaian instrumen dilakukan dengan berkesan, penilaian pakar dibuat berdasarkan kriteria seperti berikut iaitu dilantik berdasarkan pengetahuan yang tinggi dan luas dalam penggunaan boneka dan mempunyai pengalaman dalam pendidikan awal kanak-kanak lebih daripada 5 tahun. Menurut Kurto & Hodgetts, (2004) pengalaman lebih 5 tahun menjadi pengajar menunjukkan bahawa mereka telah melalui waktu kritikal iaitu peringkat permulaan usaha pembentukan pengalaman pengajaran pembelajaran awal kanak-kanak. Oleh itu mereka boleh dianggap sebagai pakar dan dijangka boleh memberi pengetahuan dan maklumat yang diperlukan dalam kajian penyelidikan. Berdasarkan Kriteria di atas pengkaji telah melantik 3 orang pakar bagi menilai dan memberi pandangan terhadap item-item soalan yang telah dibina. Pakar-pakar yang dilantik terdiri daripada Universiti Malaya dan Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Pakar yang pertama mempunyai pengalaman mengajar selama 14 tahun dan mempunyai kepakaran dalam seni dan kreativiti kanak-kanak. Beliau juga mempunyai Ijazah Doktor Falsafah daripada Universiti Malaya. Selain itu beliau juga mempunyai

kepakaran dalam boneka. Banyak kajian yang dilakukan berkaitan dengan boneka dan beliau juga mempunyai galeri yang menyimpan boneka yang dihasilkan daripada pelbagai negara. Beliau juga merupakan pensyarah dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak di Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Pakar yang kedua mempunyai pengalaman mengajar selama 20 tahun mempunyai kepakaran dalam pendidikan awal kanak-kanak. Beliau mempunyai Ijazah Doktor Falsafah dalam pendidikan awal kanak-kanak dari Universiti Pendidikan Sultan Idris dan berkhidmat sebagai guru prasekolah. Beliau juga mempunyai kepakaran dan pengetahuan berkaitan dengan boneka.

Pakar yang ketiga mempunyai pengalaman mengajar selama 8 tahun. Merupakan seorang guru dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak dan mempunyai Ijazah Sarjana Muda dalam pendidikan awal kanak-kanak daripada Universiti Malaya. Beliau juga mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam menggunakan boneka sebagai bahan bantu mengajar di dalam bilik darjah.

Kesimpulannya, kesemua pakar ini dipilih kerana mereka mempunyai pengalaman luas dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak dan pengetahuan yang tinggi berkaitan dengan boneka sebagai bahan bantu mengajar. Komen-komen daripada pakar boleh dirujuk di (Lampiran A1).

3.9.1.5 Kajian Rintis


Kajian rintis merupakan satu ujian skala kecil untuk mengenal pasti masalah yang mungkin akan timbul sepanjang sesuatu kajian sebenar. Kajian rintis perlu dijalankan bagi mengesan permasalahan awal dan dengan serta merta memperbaiki semua kelemahan-kelemahan yang dapat dikesan dalam sesuatu kajian.

Tujuan kajian rintis dijalankan dalam kajian ini adalah untuk menentukan kesahan dan kebolehpercayaan kaedah temu bual, pemerhatian, analisis kandungan dokumen dan mengenal pasti latar belakang peserta kajian supaya sejajar dengan tujuan kajian. Disamping itu sebagai proses latihan sebelum melakukan temu bual dalam situasi yang sebenar (Merriam, 2001).

Sebelum menjalankan kajian pengkaji membuat protokol soalan temu bual sebelum menyerahkan kepada penyelia untuk melihat keselarasan antara objektif kajian dan soalan kajian (Lampiran B). Protokol temu bual ini dirujuk serta diubahsuai dari kajian Balkis (2014). Pengesahan penyelia juga merupakan salah satu bentuk kebolehpercayaan data kerana menurut Bogdan dan Biklen (2007) salah satu daripada kesan data kualitatif adalah melalui pengesahan penyelia dan rakan penyelia terhadap keteraturan kajian yang dilakukan. Di samping itu juga pengkaji mendapatkan pengesahan protokol soalan temu bual daripada tiga orang pakar dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak daripada Universiti Malaya dan Universiti Pendidikan Sultan Idris.

3.9.1.6 Triangulasi Data

Dalam kajian ini triangulasi data dilaksanakan pengkaji bertujuan untuk mengukuhkan kebolehpercayaan kajian. Dalam kaedah triangulasi ini terdapat beberapa metod untuk mengumpul dan menganalisis dapatan data kajian. Antaranya ialah catatan lapangan, transkripsi hasil pemerhatian, analisis kandungan dokumen dan temu bual. Hasil dapatan data kajian yang melalui proses triangulasi dijangka mempunyai kesahan dalaman yang tinggi dan boleh dipercayai oleh pengkaji (Yin, 2009). Ini dapat dijelaskan dan dihuraikan berpandukan Rajah 3.1.



Rajah 3.1. Triangulasi data yang dikutip (Adaptasi: Ghazali dan Sufean, 2016)

Dalam kesahan data, penyelidik mengaplikasikan tiga jenis triangulasi iaitu triangulasi antara kaedah, triangulasi dalam kaedah itu sendiri dan triangulasi analisis (Merriam, 2009).

a. Triangulasi Antara Kaedah

Melibatkan data yang dikutip oleh pengkaji melalui kaedah temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Semua data yang terkumpul dibandingkan oleh pengkaji untuk mendapatkan rumusan kajian bagi mendapatkan kebolehpercayaan yang tinggi. Pengkaji membandingkan data temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Ini penting kerana perkara yang difokuskan ialah berkaitan dengan demografi guru, pengetahuan dan kefahaman guru berkaitan dengan boneka, kemahiran guru dan tindak balas kanak-kanak di tabika.

b. Triangulasi Dalam Kaedah

Triangulasi dalam kaedah merupakan proses untuk membuat bandingan data yang diperolehi daripada kaedah pengumpulan data yang sama. Triangulasi dalam kaedah membolehkan pengkaji memberi tumpuan kepada soalan kajian. Di samping

itu membolehkan pengkaji menyemak semula tujuan dan proses pengumpulan data yang dilaksanakan (Roselan, 2001). Dalam proses pelaksanaan, data yang diperolehi melalui kaedah yang sama akan diperbandingkan dan dinilai keserasian mengikut objektif kajian penggunaan boneka dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran literasi kanak-kanak di tabika.

c. Triangulasi Melalui Pelbagai Analisis

Kaedah melalui pelbagai analisis juga turut diaplikasikan untuk mendapatkan kebolehpercayaan dalam kajian. Tujuan utama triangulasi melalui pelbagai analisis adalah untuk membandingkan, menyemak dan menginterpretasi data yang dikutip (Roselan, 2001). Pengkaji juga turut membuat catatan pemerhatian terhadap peserta kajian, pengkaji berbincang dengan guru tabika untuk sama-sama menyemak dan menginterpretasi data tersebut.

Perbincangan informal mengenai perlakuan dan percakapan peserta kajian diadakan dengan pengkaji selepas selesai sesi pengajaran dan setiap kali pemerhatian dijalankan. Melalui ini pengkaji dapat membuat interpretasi yang lebih jitu terhadap tingkah laku dan percakapan peserta kajian.

3.10 Prosedur Analisis Data

Secara umumnya analisis data kajian dibuat berdasarkan jenis data. Semua data kualitatif perlu dianalisis secara naratif, proses analisis data kualitatif yang diperolehi melalui temu bual, pemerhatian dan dokumen akan dianalisis dengan melihat, menyusun, memilih, mengelas dan mengkod tema-tema. Seterusnya memilih kategori dan mendapatkan kandungan teks deskripsi secara mendalam yang dapat menjawab persaluan kajian (Ghazali, 2016).

Dalam kajian kualitatif, proses pengutipan dan analisis data berlaku secara serentak dan seiring bukan secara langkah demi langkah (Marohaini, 2001). Oleh itu peringkat analisis data semasa proses pengutipan data perlu diambil kira daripada peringkat bermula kajian sehinggalah sampai ketahap ketepuan data. Teknik penganalisan data semasa proses pengumpulan data penting untuk menjamin kelancaran penganalisan yang sebenar (Roselan, 2001). Bagi memastikan sesuatu penemuan kajian yang lengkap dan menyeluruh, analisis data perlu dilaksanakan pada dua peringkat iaitu analisis semasa pengutipan data dan analisis selepas pengutipan data yang lebih intensif dan formal (Merriam, 2009).

3.10.1 Analisis Semasa Pengutipan Data

Fokus dan arah sesebuah kajian kualitatif dibentuk secara beransur-ansur melalui data dan maklumat yang telah dikumpulkan (Marohaini, 2001). Penglibatan peserta kajian di kalangan guru, pembantu guru dan murid memberi gambaran yang lebih tepat.

Pada peringkat semasa pengumpulan data maklumat, pengkaji membuat penambahbaikan objektif utama yang akan diperhatikan. Selain itu juga memperbaiki bentuk soalan yang dikemukakan kepada peserta kajian. Proses ini membantu pengkaji memperbanyakkan pengumpulan data melalui pembentukan idea, mengemas kini maklumat dan menghapuskan maklumat yang *bias*.

Pengkaji membuat saringan ke atas semua bentuk data dan maklumat yang terkumpul melalui transkrip pemerhatian, temu bual dan catatan lapangan. Proses kerja ini dilaksanakan secara berperingkat, tujuan utama analisis ini dilaksanakan secara peringkat demi peringkat adalah untuk menentukan dan mencorakkan langkah dan jenis data maklumat yang diterokai seterusnya.

Terdapat tiga kaedah analisis dan penyaringan data yang utama iaitu membuat ringkasan, membuat catatan refleksi, dan membuat catatan memo (Merriam, 2009). Pengkaji mengaplikasikan beberapa kaedah dan penyaringan data dalam kajian ini.

3.10.1.1 Membuat Ringkasan

Selepas selesai membuat pemerhatian data dan temu bual bersama peserta kajian, rakaman video dan audio pengajaran diteliti semula untuk ditranskripsikan. Pengkaji akan membuat bacaan transkrip secara berulang kali untuk menyemak maksud dan membaca semula catatan lapangan. Hal ini bertujuan untuk membantu pengkaji membuat ingat semula, menyemak dan membuat keputusan kajian dengan tepat. Selain itu dokumen juga akan diteliti dan dibaca semula. Setiap data yang dibaca akan diringkaskan dan dicatatkan maklumat data yang diterima daripada peserta kajian.

Dengan membuat ringkasan, semua isi utama dapat dijadikan bahan rumusan. Pada masa yang sama, pengkaji akan membuat koding bagi setiap maklumat yang berkenaan dengan soalan kajian.

3.10.1.2 Membuat Catatan Memo

Catatan memo diaplikasikan sebagai satu catatan ringkas yang terdiri daripada frasa dan ayat yang menggambarkan idea-idea baru yang terfikir oleh pengkaji semasa menganalisis data (Marohaini, 2001). Catatan ini dapat membantu pengkaji membentuk dan menggabungkan idea yang timbul semasa penganalisan data temu bual, pemerhatian dan bukti dokumen.

3.10.2 Analisis Selepas Pengutipan Data

Analisis data secara serentak dan berterusan semasa pengumpulan data diteruskan dengan lebih intensif lagi selepas aktiviti pengumpulan data berakhir.

Tujuan menganalisis data selepas pengumpulan data adalah untuk membentuk rumusan. Terdapat beberapa teknik yang boleh diguna pakai untuk penganalisan data di peringkat akhir (Abdullah, 2019). Antara teknik tersebut ialah penyaringan data, pembentangan data, pengelompokan data dan kesimpulan serta membuat verifikasi. Dalam analisis data dalam kajian ini pengkaji menggunakan teknik pengelompokan data dan kesimpulan serta membuat verifikasi.

3.10.2.1 Pengelompokan Data Dan Kesimpulan

Pengelompokan data bermaksud proses yang membentuk kategori berdasarkan ciri atau pola yang sama. Proses pengkodan yang telah dijalankan membantu pengkaji membuat pengelompokan data. Kod yang dibentuk adalah berdasarkan konsep dan tema yang muncul, memudahkan proses pengenalpastian, pengelompokan data dan pemilihan. Kelompok data ini dapat membentuk pola aktiviti pengajaran guru di tabika.

Teknik membuat kesimpulan adalah proses pengkaji menentukan kriteria atau tema pengajaran guru berdasarkan kajian. Semua teknik ini adalah bagi membuat perkaitan konsepsi dan teoritikal (Bogdan & Biklen, 2007). Teknik ini mengumpul rangkaian bukti bagi membuat perkaitan konsepsi dan teoritikal. Pola yang muncul berulang kali dalam setiap tema dijadikan panduan untuk membuat kesimpulan muktamad.

3.10.2.2 Membuat Verifikasi

Teknik ini memastikan kesahan data yang dikutip dan dikelompokkan berdasarkan kod-kod tertentu. Teknik utamanya dalam membuat verifikasi ini adalah dengan menjalankan proses triangulasi. Melalui kaedah triangulasi gabungan pelbagai

sumber dan teknik dalam pengutipan data seperti pemerhatian, temu bual, dan analisis dokumen (Yin, 2009).

Pengutipan pelbagai data dan teknik pengutipan boleh menghasilkan data yang amat bermakna dan mempunyai tahap kesahan dan kebolehpercayaan data yang tinggi.

3.11 Prosedur Membentuk Koding Dan Kategori

Menurut Corbin dan Strauss (2008) koding hendaklah dibuat setelah selesai pengutipan data temu bual atau pemerhatian kerana data pertama menjadi penyumbang kepada sokongan data yang berikutnya. Koding merupakan alat untuk menterjemahkan dan menyusun data-data mengikut urutan berdasarkan pecahan data kategori tertentu (Creswell, 2005, Bojie, 2010). Proses koding adalah langkah yang penting dalam proses menganalisis data kualitatif. Proses membuat koding adalah dengan menyusun atau melabelkan satu rangkaian urutan yang mengandungi idea, tema dan kategori dengan memasukan kod informan, tarikh, masa, tempat, jenis data yang diambil.

Dalam kajian ini kualitatif, koding membantu pengkaji untuk mengecam pola tema yang berkaitan dengan objektif dan soalan kajian (Bogdan & Biklen, 2007).

Proses analisis dan koding pada peringkat awal adalah bertujuan untuk membantu pengkaji bagi meringkaskan data yang relevan dan meletakkan proses penyelidikan di landasan yang betul. Selain itu proses koding dibentuk untuk dijadikan sebagai garis panduan bagi penyaringan data. Proses pengkodan ini akan dibuat berdasarkan kategori dan ditentukan terlebih dahulu berasaskan kerangka teori dan soalan kajian. Kategori adalah penting dalam penganalisan data secara kualitatif untuk memberi makna berdasarkan konteks dan maksud sebenar informan. Seterusnya daripada

kategori akan dibuat sub-kategori (*properties*) dan kemudian akan memberikan (*proposition*) makna kepada data tersebut.

Tema atau konsep yang timbul adalah terhasil daripada kajian literatur dan juga hasil daripada penyelidikan di lapangan kajian. Tema yang berulang kali timbul membolehkan pengkaji menghitung kekerapannya dan akhirnya membentuk kesimpulan dalam kajian. Selain itu pengkaji juga menggunakan kaedah mengelompokkan data bagi membentuk kategori berdasarkan ciri serta pola. Konsep dan tema yang terbentuk berpandukan kod membantu pengenalpastian, pemilihan dan pengelompokkan data. Perlabelan pada kategori dan koding juga disesuaikan agar relevan dan selari dengan kerangka konseptual yang digunakan seperti yang di cadangkan oleh Yin (2009), iaitu perlabelan kategori perlu menggambarkan tujuan kajian, saling melengkapi dan mewakili keseluruhan data serta konsepsi yang kongruen.

3.12 Rumusan

Secara rumusannya, pengkaji telah menjelaskan tentang keseluruhan kaedah penyelidikan dari segi reka bentuk kajian, kaedah mengutip data, kesahan dan kebolehpercayaan, pemilihan tempat dan peserta kajian, pelaksanaan kajian dan prosedur analisis data. Semua kaedah yang dilakukan mengikut urutan untuk memudahkan pengkaji mencapai objektif penyelidikan.

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan tentang analisis dapatan kajian berkaitan dengan penggunaan boneka dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran literasi di tabika. Tujuan kajian ini adalah untuk meneroka pengetahuan, kefahaman dan kemahiran yang perlu guru kuasai dalam pengajaran menggunakan boneka. Dapatan kajian diperoleh melalui protokol temu bual, protokol pemerhatian dan analisis dokumen. Hasil dapatan kajian terdiri daripada data kualitatif yang di analisis secara induktif dan deduktif.

Dalam konteks kajian ini, terdapat tiga soalan kajian yang diterokai mengikut soalan-soalan kajian tersebut. Dapatan kajian dimulakan dengan menerangkan demografi peserta kajian. Penghuraian dapatan kajian pertama melibatkan tentang pengetahuan guru berkaitan boneka. Dapatan kajian kedua berkaitan kefahaman guru dari aspek mengaplikasikan penggunaan boneka dalam pengajaran. Ketiga mengenalpasti kemahiran yang diperlukan oleh guru dalam penggunaan boneka sebagai bahan bantu mengajar di dalam bilik darjah di tabika KEMAS.

4.2 Demografi Peserta Kajian

Bahagian ini akan menerangkan tentang latar belakang guru dan pembantu pengurusan murid (PPM) yang terlibat dalam kajian ini.

4.2.1 Latar Belakang Guru

Latar belakang guru tabika KEMAS memfokuskan kepada latar belakang peribadi, latar belakang pendidikan akademik, pengiktirafan yang pernah diperolehi sepanjang perkhidmatan guru dan tempoh perkhidmatan guru di tabika KEMAS.

Jadual 4.1

Latar belakang peserta kajian

Perkara	PK1
Umur	56 tahun
Jantina	Perempuan
Lokasi Bertugas	Kuala Lumpur
Pengalaman Mengajar	32 tahun
Kelayakan Akademik	Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak
Pengiktirafan	Anugerah Perkhidmatan Guru Cemerlang, Juru Latih Pertandingan Boneka Peringkat Kebangsaan

(PK1/Tb1-LBG:15- 41)

Peserta kajian adalah guru yang berumur 56 tahun berasal daripada Kuala Lumpur dan sudah berkeluarga dan mempunyai seorang anak lelaki. Sebelum menjadi guru, peserta kajian pernah berkhidmat sebagai pembantu guru di tabika KEMAS dan selepas itu baru beliau memohon menjadi pendidik dan melanjutkan pelajaran dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak di Universiti Malaya (UM). Beliau telah berkhidmat sebagai pendidik dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat selama 32 tahun.

Peserta kajian juga merupakan seorang yang aktif dalam menyertai pertandingan boneka, beliau pernah menjadi juru latih untuk pertandingan boneka mewakili wilayah Kuala Lumpur untuk peringkat kebangsaan dan mendapat tempat kedua. Beliau juga menjadi tenaga pengajar di institusi perguruan dalam mengajar pelajar menggunakan boneka dari segi membuat boneka dan mengendalikan boneka dalam pengajaran dan pembelajaran.

Selama bertugas sebagai guru, beliau telah menghadiri kursus dan latihan berkaitan dengan penggunaan boneka anjuran Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Selain itu beliau juga menghadiri kursus secara persendirian tentang penggunaan boneka dari aspek pembuatan dan teknik mengendalikan boneka.

(PK1/Tb1-LBG: 15-85)

Peserta kajian juga mempunyai pengalaman dalam mengajar menggunakan boneka lebih daripada 10 tahun seperti yang dinyatakan;

“...Saya gunakan boneka dah lebih daripada 10 tahun. kira dah lebih daripada 10 tahun saya berkecimpung dalam arena boneka ini...”

(PK1/Tb1-LBG: 116-119)

Melalui data temu bual dengan PPM turut menyatakan peserta kajian pertama mempunyai pengalaman mengajar yang banyak. Oleh kerana itu peserta kajian kreatif dalam pengajaran dan pandai menarik perhatian kanak-kanak untuk belajar.

“...cikgu lama jadi banyak pengalaman. Apa yang saya boleh kata cikgu ini sangat kreatif.. dia pandai tarik minat kanak-kanak untuk belajar...”

(PK2/Tb1-LBP:80-84)

Melalui dapatan kajian dari data analisis dokumen menunjukkan peserta kajian pernah menghadiri beberapa kursus berkaitan dengan pembuatan boneka seperti

Jadual di bawah:

Jadual 4.2

Laporan kursus penggunaan boneka

Tahun	Perkara	Tempat
2007	Bengkel pembuatan boneka jari Boneka tangan dan pentas dan corak permainan Teknik bercerita	Kuantan
2008	Bengkel pembuatan boneka tangan	Kedah
2014	Bengkel pembuatan boneka orang	kelantan
2016	Bengkel pembuatan boneka tangan	Kuala lumpur

Dtr01(18/6/11)

Dapatan data kajian menunjukkan pengalaman peserta kajian dalam menghadiri kursus yang dianjurkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Selain daripada kursus yang dianjurkan oleh pihak Jabatan, peserta kajian juga pernah menyertai bengkel secara persendirian.

“....Saya pergi bengkel kursus untuk boneka. cara-cara pembuatan boneka. Tiga tahun lepas saya dengan dua orang cikgu belajar dengan cikgu puppet swasta...”

(PK1/Tb1-LBG: 63-67)

4.2.2 Latar Belakang Pembantu Pengurusan Murid (PPM)

Latar belakang pembantu pengurusan murid akan memfokuskan kepada latar peribadi, latar belakang persekolahan dan tempoh perkhidmatan menjadi PPM di tabika KEMAS.

Pembantu pengurusan murid merupakan anak jati negeri Terengganu. Beliau merupakan pembantu pengurusan murid lepasan SPM. Beliau berusia 49 tahun dan berkhidmat sebagai pembantu pengurusan murid selama 10 tahun. Berikut diringkaskan maklumat latar belakang PPM.

Jadual 4.3

Latar belakang peserta kajian (PPM)

Perkara	PK2
Umur	49 tahun
Jantina	Perempuan
Lokasi Bertugas	Kuala Lumpur
Pengalaman bekerja	10 tahun
Kelayakan Akademik	SPM

(PK2/TB1-LBP:16-31)

4.3 Dapatan Kajian Pengetahuan Guru Tentang Penggunaan Boneka

Berdasarkan Persoalan kajian pertama iaitu *apakah pengetahuan guru tentang penggunaan boneka dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran literasi di tabika*, pengkaji mendapati terdapat lima tema yang dibincangkan dalam pengetahuan guru tentang penggunaan boneka.

Tema yang pertama dibincangkan dalam kajian ini ialah definisi boneka yang guru tahu. Definisi pengetahuan boneka yang guru tahu iaitu boneka mempunyai pelbagai bentuk dan penggunaan boneka merupakan salah satu alat bantu mengajar dalam pengajaran dan pembelajaran di tabika. Peserta kajian menyatakan definisi boneka seperti kenyataan di bawah:

“...Definisi boneka ini berbagai-bagai bentuk..”

(PK1/Tb2-PPB:11-12)

Manakala tujuan penggunaan boneka adalah sebagai bahan bantu mengajar untuk membantu pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak. Peserta kajian menjelaskan seperti berikut:

“..Boneka ini tujuannya untuk kita menambahkan lagi pembelajaran kanak-kanak ABM (alat bantu mengajar) kita pada kanak-kanak...”

(PK1/Tb2-PPB:17-20)

Tema kedua yang dinyatakan dalam kajian ini ialah pengetahuan tentang jenis-jenis boneka. Terdapat pelbagai jenis boneka yang boleh digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran antaranya boneka tangan, boneka jari, dan boneka lantai. Melalui data temu bual peserta kajian menyatakan terdapat pelbagai jenis boneka yang boleh digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran.

Menurut beliau lagi setiap boneka mempunyai cara yang berbeza penggunaannya seperti boneka tangan memerlukan pentas dan hanya pergerakan

tangan yang diperlukan, boneka jari tidak memerlukan pentas, hanya menggunakan jari sahaja. Kelima-lima jari memainkan peranan yang tersendiri, manakala boneka lantai lebih kepada pemakaian kostium.

Peserta kajian juga menyatakan sering menggunakan boneka tangan dan boneka jari sebagai bahan bantu mengajar dalam pengajaran dan pembelajaran seperti kenyataan di bawah:

“...Puppet jari ke puppet tangan ke puppet lantai ataupun apron teater kanak-kanak akan suka. saya banyak guna puppet jari dengan puppet tangan...”

(PK1/Tb2-PPB:25-35)

Manakala melalui data pemerhatian pengajaran menunjukkan guru dan kanak-kanak menggunakan boneka tangan dalam pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah seperti berikut:








Sumber: Dengan Kebenaran Guru KEMAS

(PK1/PM-2: 41-53)

Melalui dapatan kajian dari data analisis dokumen melalui modul boneka menunjukkan terdapat pelbagai jenis boneka yang mudah dihasilkan dan boleh digunakan dalam pengajaran seperti jadual 4.4 berikut:

Jadual 4.4

Jenis boneka

Jenis boneka	Gambar
Boneka dari penggulung tisu	
Boneka 3 jari	
Boneka dari kertas keras	
Boneka kepala span bulat	
Boneka tangan dari beg kertas	

Dtr02 (18/7/17)

Tema ketiga dalam persoalan pertama kajian ini iaitu pengetahuan tentang kekerapan menggunakan boneka. Kekerapan dalam kajian ini merujuk kepada kekerapan penggunaan boneka dalam pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Penggunaan boneka kerap digunakan oleh guru dalam pembelajaran kreativiti dan perbualan pagi seperti kenyataan di bawah:

“...saya selalu gunakan puppet waktu kreativiti dan perbualan pagi..”

(PK1/Tb2-PPB:40-49)

Menurut peserta kajian penggunaan boneka dalam pengajaran kreativiti dan perbualan pagi memudahkan guru untuk berkomunikasi dengan kanak-kanak. Di samping itu melatih kanak-kanak untuk bertutur, dan membina keyakinan diri

kanak-kanak serta menarik minat kanak-kanak untuk belajar seperti yang dinyatakan di bawah:

“... Di situ kita boleh bercomunicated (berkomunikasi) dengan kanak-kanak...”

(PK1/Tb2-PPB:42-44)

“...kita boleh latih kanak-kanak untuk bercakap dan latih keyakinan diri dan tarik minat kanak-kanak untuk belajar..”

(PK1/Tb2-PPB:51-52)

Melalui dapatan kajian dari data pemerhatian pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas, menunjukkan kanak-kanak lebih yakin bercakap apabila menggunakan boneka. Berikut adalah bukti pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan aktiviti bercerita dan nyanyian.

Guru	: ok hari ini kita nak bercerita pasal siapa saya..siapa boleh bagi tahu..
Kanak-kanak	: Adama..cikgu <u>saya nak cerita..</u>
Guru	: ok <u>adama nak bercerita..</u> ok adama boleh berdiri Dan datang ke depan ..
Kanak-kanak(adama):	hai kawan-kawan, saya singa..saya Makan daging..siapa nak kena makan(sambil membuat bunyi)
	(PK1/PM-2:8-14)
Guru	: ok bagus..ok cuba adama nyanyi pulak..adama nak nyanyi lagu apa?
kanak-kanak(adama):	Saya <u>nak menyanyi lagu ABC</u>
	(PK1/PM-2:15-17)

Tema keempat berkaitan dengan pengetahuan guru tentang cara membuat boneka. Guru perlu mempunyai pengetahuan dalam membuat sesuatu boneka itu supaya boneka yang dihasilkan menjadi seperti yang diharapkan. Melalui data temu bual peserta kajian menyatakan kebanyakan boneka dibina sendiri dan ada juga dibina

bersama kanak-kanak dengan menggunakan bahan-bahan terpakai seperti botol syampu, kotak tisu, kulit telur seperti kenyataan di bawah:

“...Kebanyakan boneka dibuat sendiri..”

(PK1/Tb2-PPB: 92)

Selain itu seperti kenyataan berikut:

“Saya menggunakan bahan terpakai contoh botol syampu kita boleh buat aaa...boneka haiwan...”

(PK1/Tb2-PPB:93-95)

Peserta kajian juga menyatakan pembuatan boneka dibina dengan menggunakan bahan terpakai dan setiap boneka mempunyai cara yang tersendiri untuk dibinanya. Pembinaan boneka mengikut jenis boneka yang akan di gunakan dalam pengajaran seperti yang dinyatakan:

“..contoh botol syampu kita boleh buat aaa...boneka haiwan contoh burung...”

(PK1/Tb2-PPB:93-95)

Selain itu peserta kajian turut menerangkan cara membuat boneka dengan menggunakan stokin (sarung kaki) seperti berikut:

“..Caranya kita potong hujung stoking (sarung kaki) itu kemudian kita masukan strobot kita potong ikut mulut selepas itu kita gam..”

(PK1/Tb2-PPB:99-102)

Melalui dapatan kajian dari data pemerhatian menunjukkan boneka tangan yang dibuat daripada kotak air yang dihasilkan oleh kanak-kanak dan boneka daripada sarung tangan yang dihasilkan oleh guru seperti gambar di bawah:



Boneka tangan dari kotak air



Boneka dari sarung tangan

Sumber: Dengan Kebenaran Guru KEMAS

(PK1/PM-GB: 3-4)

Dapatan data dari analisis dokumen iaitu modul boneka menunjukkan cara-cara membina boneka tangan daripada beg kertas antara cara membina boneka dari beg kertas seperti dalam Jadual berikut:

Jadual 4.5

Langkah-langkah membina boneka dari beg kertas

Langkah-langkah	Gambar
Kenali bahagian beg, bahagian kepala boneka, mulut boneka dan badan boneka	
Guna beg yang berbadan keras kerana mudah untuk di bentuk dan tidak mudah remuk	
Kemudian gunakan sedikit gam dan tambah aksesori yang lain seperti butang baju terpakai benang yang boleh di buat rambut dan gamkan pada beg kertas.	

Dtr02 (18/7/17)

4.4 Rumusan Kajian

Bahagian ini adalah rumusan keseluruhan dapatan kajian berkenaan pengetahuan tentang penggunaan boneka dalam pengajaran dan pembelajaran. Dapatan ini adalah merujuk kepada persoalan kajian yang pertama. Berikut adalah rumusan pengetahuan guru tentang penggunaan boneka:

- I. Dalam temu bual dan pemerhatian menunjukkan peserta kajian mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam penggunaan boneka. Peserta kajian mendapat pengetahuan pengajaran menggunakan boneka daripada kursus-kursus yang dianjurkan oleh pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan juga secara persendirian.
- II. Dalam temu bual dan analisis dokumen menunjukkan peserta kajian mempunyai pengetahuan dalam penggunaan boneka dan mendefinisikan boneka dalam pelbagai bentuk. Peserta kajian menyatakan tujuan penggunaan boneka sebagai menambahkan bahan bantu mengajar dalam pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak. Peserta kajian juga mempunyai pengalaman dalam mengendalikan boneka dalam pengajaran dan pembelajaran.
- III. Peserta kajian juga mempunyai pengetahuan tentang jenis-jenis boneka yang mudah dibina dan dihasilkan oleh kanak-kanak. Terdapat pelbagai jenis boneka yang boleh digunakan dalam pengajaran guru. Antara jenis-jenis boneka iaitu boneka tangan, boneka jari, boneka rantai dan boneka orang melalui pemerhatian peserta kajian seorang yang kreatif dan rajin dalam membina boneka kerana kebanyakan boneka dihasilkan oleh peserta kajian sendiri.
- IV. Peserta kajian juga mempunyai pengetahuan dalam cara-cara membina boneka, kebanyakan boneka dihasilkan sendiri berbanding dengan boneka yang dibeli. Peserta kajian menerangkan cara-cara mudah untuk membina

boneka daripada bahan terpakai yang boleh dilakukan bersama dengan kanak-kanak di dalam kelas.

4.5 Dapatan Kajian Kefahaman Penggunaan Boneka

Berdasarkan persoalan kajian kedua iaitu *apakah kefahaman yang perlu guru faham dalam penggunaan boneka dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran literasi.*

Analisis data temu bual, pemerhatian dan analisis kandungan dokumen menunjukkan terdapat lima tema yang dibincangkan dalam kefahaman guru dalam penggunaan boneka. Pertama kefahaman dalam aspek dalam pembuatan boneka. Kedua kefahaman pendekatan pengajaran. Ketiga kefahaman dalam strategi pengajaran dan pembelajaran. Keempat kefahaman dalam teknik pengajaran menggunakan boneka. Kelima kefahaman tentang kesan pengajaran menggunakan boneka.

Tema pertama yang dibincangkan dalam persoalan kajian kedua ialah kefahaman dalam aspek dalam pembuatan boneka. Aspek dalam pembuatan boneka dalam kajian ini merujuk kepada kefahaman guru dalam menentukan kesesuaian penggunaan boneka dalam pengajaran dan pembelajaran

Dapatan kajian dari data temu bual bersama peserta kajian menerangkan bahawa dalam membina sesuatu boneka perlulah berasaskan kepada pengajaran yang akan disampaikan supaya hasil pengajaran dan pembelajaran tercapai. Aspek-aspek yang lain dalam membuat boneka ialah guru perlu mempunyai kemahiran dari segi pengetahuan, mempunyai idea yang kreatif, kemahiran dalam membina cerita dalam pengajaran seperti kenyataan berikut:

“...kita buat boneka berasaskan cerita yang kita akan ajar pada kanak-kanak itu berkenaan dengan gigi..”

(PK1/Tb3-KPB:13-15)

“...kemahiran yang paling penting, pengetahuan yang paling penting. Lagi satu idea mesti kreatif. Seseorang guru itu perlu kreatif itu penting sebab nak membuat boneka dan jalan cerita untuk mengajar kanak-kanak...”

(PK1/Tb3-KPB:20-25)

Melalui data temu bual bersama pembantu pengurusan murid (PPM) menyatakan peserta kajian pertama merupakan seorang guru yang kreatif dalam pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah seperti yang dinyatakan:

“...Cikgu sangat kreatif dalam mengajar.. .salah satunya boneka...”

(PK2/Tb1-LBP:42-45)

Tema kedua dalam persoalan kajian kedua iaitu kefahaman dalam pendekatan pengajaran menggunakan boneka. Kefahaman dalam pendekatan pengajaran merujuk kepada cara bagaimana boneka diajar untuk mencapai objektif pengajaran.

Dapatan kajian data dari temu bual peserta kajian menerangkan pendekatan yang digunakan dalam pengajaran menggunakan boneka ialah pendekatan bermain sambil belajar. Menurut peserta kajian kanak-kanak akan tertarik apabila guru menggunakan boneka, mereka akan bermain dengan boneka dan dalam masa yang sama mereka akan belajar. Seterusnya kanak-kanak akan mudah mengingat apa yang mereka pelajari.

“...kanak-kanak boleh tengok dan bermain dengan puppet sambil belajar sambil bermain.jadi kanak-kanak akan ingat dan dapat tahu berkaitan dengan kebersihan gigi...”


(PK1/Tb3-KPB:26-31)

Selain itu pendekatan yang digunakan guru dalam pengajaran menggunakan boneka adalah berpusatkan kepada kanak-kanak seperti berikut:

“...Penggunaan boneka saya berpusatkan kepada kanak-kanak. Kanak-kanak dapat menumpukan kepada sesuatu benda yang kita nak ajar diaorang (kanak-kanak)...”

(PK1/Tb3-KPB:39-43)

Manakala dapatan kajian data dari pemerhatian menunjukkan pengajaran guru menggunakan boneka bersama dengan kanak-kanak. Semasa pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak menggunakan boneka untuk berkomunikasi dengan guru seperti gambar di bawah:



Sumber: Dengan Kebenaran Guru KEMAS

(PK1/PM -2: 46-53)

Petikan berikut merupakan diaolog antara guru dan kanak-kanak semasa menggunakan boneka dalam bilik darjah.

Guru memberikan salam kepada kanak-kanak (12 orang). Sebelum memulakan pengajaran guru meminta kanak-kanak untuk mengambil boneka sarung tangan berbentuk haiwan yang mereka suka.

Guru : kanak-kanak apa khabar hari ini?

Kanak-kanak : khabar baik cikgu

Guru : cuaca hari ini macam mana?

Kanak-kanak : panas cikgu.

(PK1/PM -2: 4-7)

Tema yang ketiga dalam persoalan kedua ialah kefahaman guru tentang strategi pengajaran guru. Strategi pengajaran menggunakan boneka dalam kajian ini merujuk kepada bagaimana guru menarik minat kanak-kanak untuk belajar dengan menggunakan boneka.

Dapatan kajian dari data temu bual peserta kajian menyatakan strategi yang digunakan untuk menarik perhatian dan tumpuan kanak-kanak dalam pembelajaran adalah dengan melibatkan kanak-kanak dalam permainan boneka. Selain itu untuk melatih kanak-kanak untuk berkomunikasi dan melatih keyakinan diri kanak-kanak. Semasa pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak akan menggunakan boneka bersama dengan guru seperti bukti yang terdapat dalam kata bual di bawah:

“...strategi saya untuk tarik minat kanak-kanak.. saya suruh kanak-kanak itu sendiri menggunakan boneka...”

(PK1/Tb3-KPB: 45-47)

“..saya cuba melatih keyakinan dan komunikasi kanak-kanak, bagi saya strategi di situ saya dapat mengajar diaorang..”

(PK1/Tb3-KPB: 58-61)

Dapatan data kajian dari data pemerhatian pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah menunjukkan kanak-kanak menunjukkan minat untuk bercerita dengan menggunakan boneka. Kanak-kanak berkomunikasi antara mereka dengan rakan dan guru dengan menggunakan boneka. Walaupun mereka berasa malu bercakap dengan guru tetapi apabila menggunakan boneka mereka tidak berasa malu untuk berbual dengan guru. Berikut merupakan petikan pengajaran antara guru dan kanak-kanak.

Guru	: siapa lagi nak bercerita
Kanak-kanak:	saya cikgu..tapi saya nak nyanyi lagu burung kakak Tua
Guru	: ok irfan bagun dan datang ke depan..ok cuba nyanyi..ok anak2 cuba ikut irfan nyanyi sama-sama.
(Pemerhati : kanak-kanak menyanyi bersama guru sambil menggunakan boneka dengan membuat gerakan.)	

(PK1/PM -2: 35-40)

Tema keempat dalam persoalan kajian kedua ialah kefahaman guru berkaitan dengan teknik penggunaan boneka dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran

literasi. Penggunaan boneka boleh digunakan dalam aktiviti bercerita, menyanyi, berdrama dan bersoal jawab.

Data temu bual bersama peserta kajian menyatakan teknik bercerita menggunakan boneka guru perlu menggunakan lebih daripada dua boneka kerana dalam satu-satu cerita mempunyai banyak watak seperti yang peserta kajian nyatakan:

“.....teknik penyampaian ketika bercerita pula kita guna lebih daripada dua boneka. Contoh suatu masa dahulu kita gunakan puppet atuk, nenek dan cucu.

(PK1/Tb3-KPB:62-64)

Selain itu menurut peserta kajian juga dalam teknik bercerita perlu mempunyai gaya-gaya penggunaan boneka seperti kenyataan berikut:

“.....gaya-gaya penggunaan boneka itu mesti ada. Kalau tidak ada gaya penggunaan boneka, kita tidak boleh gunakan untuk menjayakan sesuatu boneka itu...”

(PK1/Tb3-KPB:73-76)

Melalui dapatan data pemerhatian menunjukkan guru menggunakan lebih daripada satu boneka semasa pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Guru juga melibatkan kanak-kanak menggunakan boneka bersama-sama dengan guru seperti gambar di bawah:



Sumber: Dengan Kebenaran Guru KEMAS

(PK1/PM -2: 93-105)

Tema kelima dalam persoalan kajian yang kedua ini ialah kesan daripada penggunaan boneka dalam perkembangan kanak-kanak. Kesan penggunaan boneka merujuk kepada kefahaman kanak-kanak dalam pembelajaran menggunakan boneka.

Penggunaan boneka dalam pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak dalam bilik darjah dapat memberi kesan kepada kanak-kanak iaitu dapat menarik minat mereka untuk belajar serta minat mereka untuk menggunakan boneka. Selain itu kanak-kanak dapat berimajinasi dengan melakonkan sesuatu watak menggunakan boneka. Penggunaan boneka juga dapat mengelakkan kanak-kanak daripada mudah berasa bosan dalam pengajaran dan pembelajaran dan meningkatkan perkembangan pembelajaran kanak-kanak seperti kenyataan di berikut:

“...membantu dalam pengajaran dan pembelajaran apabila menggunakan boneka. boleh menarik minat kanak-kanak untuk belajar...”

(PK1/Tb2-PPB:76-79)

“..penggunaan boneka dapat membantu kanak-kanak supaya tidak cepat berasa bosan...”

(PK1/Tb2-PPB:81-83)

“...boneka ini boleh di gunakan untuk memperkembangkan semua pembelajaran kanak-kanak...”

(PK1/Tb2-PPB:100-102)

Melalui dapatan data dari data temu bual bersama peserta kajian menyatakan terdapat kesan perbezaan sebelum, semasa dan selepas menggunakan boneka dalam pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak di dalam bilik darjah seperti kenyataan dibawah:

“...kalau saya tidak menggunakan boneka kanak-kanak ini macam tidak ambik perhatian.

(PK1/Tb3-KPB:119-120)

“...Semasa saya gunakan boneka memang kanak-kanak suka samapai kita nak bercakap pun susah...”

(PK1/Tb3-KPB:135-137)

“...selepas pengajaran menggunakan boneka dapat lihat perubahan kanak-kanak.


(PK1/Tb3-KPB:175-176)

Menurut peserta kajian sebelum menggunakan boneka, kanak-kanak tidak memberikan perhatian kepada pengajaran. Mereka lebih banyak melakukan aktiviti sendiri. Menurut beliau semasa menggunakan boneka, kanak-kanak akan meneroka boneka yang digunakan oleh guru, mereka akan melihat bagaimana mulut boneka boleh bercakap dan bagaimana boneka boleh bergerak, manakala selepas penggunaan boneka peserta kajian menyatakan terdapat perubahan iaitu kanak-kanak boleh menjawab soalan yang ditanyakan. Kanak-kanak juga banyak bertanyakan soalan kepada guru. Menurut peserta kajian penggunaan boneka juga dapat meningkatkan imaginasi kanak-kanak dan meningkatkan komunikasi antara guru dan kanak-kanak seperti yang dinyatakan:

“...selepas pengajaran menggunakan boneka dapat lihat perubahan kanak-kanak..boleh menjawab apa yang kita tanya, kanak-kanak banyak bertanya. Ada komunikasi yang baik...”

(PK1/Tb3-KPB:175-180)

Dapatan data dari data pemerhatian pengajaran menunjukkan kanak-kanak dapat memberi tumpuan semasa pengajaran guru menggunakan boneka seperti gambar dibawah:



Sumber: Dengan Kebenaran Guru KEMAS
(PK1/PM -2: 93-105)

Selain itu juga dapat meningkatkan kemahiran literasi dari aspek mendengar dan bertutur. Kanak-kanak boleh mendengar arahan guru dan menjawab pertanyaan guru. Di samping itu juga kanak-kanak boleh menanyakan soalan untuk meneruskan perbualan.

Guru : ok hari ini hari apa?
Murid: hari isnin
Guru : what day is today?
Murid: today is Monday
Murid: cikgu kenapa tulis macam itu. isnin bukan eja macam tu(itu)
Guru: oo..cikgu tulis dalam bahasa inggeris 'Monday'.
(PK1/PM -1: 1-8)

Dapatan kajian data pemerhatian menunjukkan kanak-kanak berimajinasi semasa main peranan dengan menggunakan boneka tangan berbentuk haiwan seperti petikan di bawah:

Guru : ok adama nak bercerita..ok adama boleh berdiri dan datang ke depan ..
Kanak-kanak(adama): hai kawan-kawan, saya singa..saya makan daging..siapa nak kena makan..(sambil membuat bunyi)
Guru : ok cuba adama nyanyi pulak..adama nak nyanyi lagu apa
kanak-kanak(adama): laguABC..ABCDEFGHJKLMNOPQRSTU(membuat pergerakan tangan dengan menggunakan boneka)
Guru : OPQRSTUVWXYZ(guru mrrmbetulkan sebutan huruf mengikut urutan huruf yang betul)
Kanak-kanak (adama): OPQRSTUVWXYZ (adama mengulang semula sebutan huruf yan betul mengikut urutan)
(PK1/PM -2:11-21)

Petikan berikut menunjukkan kanak-kanak boleh menggunakan ayat yang lengkap dan boleh mendengar arahan guru.

Guru : siapa lagi nak bercerita.

Kanak-kanak: saya cikgu..tapi saya nak nyanyi lagu burung kakak tua

Guru : ok irfan bagun dan datang ke depan..ok cuba nyanyi..ok anak-anak cuba ikut irfan nyanyi sama-sama.

(PK1/PM -2:35-40)

Berdasarkan dapatan data dari analisis kandungan dokumen laporan perkembangan murid menunjukkan kanak-kanak boleh menguasai kemahiran bertutur dan kemahiran membaca dengan baik seperti Jadual 4.6 berikut:

Jadual 4.6

Laporan Perkembangan Murid

Komponen	Kemahiran	Tafsiran Perakodan
Bahasa melayu	Bertutur	boleh mendengar dan memberi tindak balas menggunakan ayat yang sesuai
	Membaca	boleh membaca suku kata, mengecam, menyebut huruf besar dan huruf kecil serta dapat memahami ayat dengan mudah
	Menulis	boleh menulis huruf dengan cara yang betul adakala dengan bimbingan

Dtr03 (18/8/16)

Melalui data temu bual peserta kajian menyatakan penggunaan boneka dalam pengajaran dapat memberi kesan terhadap perkembangan pembelajaran kanak-kanak. Kanak-kanak boleh memberi tumpuan dan mendengar arahan dan menjawab soalan.

Mereka juga mempunyai banyak idea apabila menggunakan boneka. Kanak-kanak akan suka bertanyakan soalan kepada guru dan mereka akan menggunakan boneka untuk bercerita dan menyanyi. Oleh itu melalui penggunaan boneka ini guru dapat melatih perkembangan bahasa kanak-kanak dengan baik.

4.6 Rumusan

Secara keseluruhan persoalan kajian kedua berkaitan dengan kefahaman penggunaan boneka membuktikan bahawa guru perlu mempunyai kefahaman dalam membuat dan mengendalikan boneka dalam pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak supaya hasil pengajaran tercapai dan kanak-kanak tidak mudah berasa bosan serta hilang minat untuk belajar. Sekiranya guru kurang kefahaman dalam mengendalikan dan kemahiran dalam membuat boneka, ia akan memberi kesukaran kepada guru untuk menggunakan boneka dalam pengajaran.

Disamping itu juga melalui penggunaan boneka ini juga dapat memberi kesan kepada perkembangan kanak-kanak antaranya perkembangan bahasa. Antara kesan penggunaan boneka terhadap perkembangan kanak-kanak seperti berikut:

- I. Dapat melatih kanak-kanak untuk bertutur dan melatih keyakinan diri mereka untuk berkomunikasi dengan rakan dan guru.
- II. Dapat meningkatkan daya imaginasi kanak-kanak ketika bercerita.
- III. Dapat meluahkan apa yang difikirkan oleh mereka tanpa rasa malu apabila mereka sendiri menggunakan boneka.
- IV. Dapat mengelakkan kanak-kanak daripada bosan dan menarik tumpuan kanak-kanak untuk belajar.

4.7 Dapatan Kajian Kemahiran Dalam Penggunaan Boneka

Berdasarkan persoalan kajian ketiga iaitu *apakah kemahiran yang perlu guru kuasai dalam pengajaran dan pembelajaran*. Analisis data temu bual, pemerhatian dan analisis kandungan dokumen menunjukkan terdapat 3 tema yang dibincangkan iaitu aspek-aspek yang diperlukan dalam kemahiran menggunakan boneka.

Tema yang dibincangkan dalam persoalan kajian ketiga ialah aspek-aspek yang diperlukan dalam kemahiran mengendalikan boneka bagi penambahbaikan pengajaran dan pembelajaran menggunakan boneka. Tema yang pertama yang di bincangkan guru perlu mahir dalam penyesuaian jalan cerita dengan menggunakan boneka, guru perlu mempunyai kekemasan dalam membuat boneka serta guru perlu mempunyai asas pengetahuan dalam membuat boneka.

Melalui data temu bual peserta kajian menyatakan aspek yang perlu dalam kemahiran menggunakan boneka yang diperlukan oleh guru iaitu mahir dalam penyesuaian jalan cerita dengan boneka. Guru perlu tahu memilih boneka yang sesuai dengan kanak-kanak dan tahu memilih dan menyediakan cerita untuk kanak-kanak. Perkara ini penting supaya apa yang disampaikan mudah difahami oleh kanak-kanak dan hasil pengajaran berjaya seperti kenyataan berikut:

“...kemahiran yang guru mesti mahir iaitu penyesuaian boneka dengan jalan cerita, guru mesti tahu untuk membina cerita dengan boneka yang akan digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran..”

(PK1/Tb4-KMB:11-16)

Sebagai contoh penggunaan boneka berasaskan kepada cerita seperti petikan temu bual dibawah:

“...contohnya kita nak mengajar kesihatan yang melibatkan kebersihan gigi. boneka yang kita nak gunakan mesti berbentuk gigi dan kita buat boneka berasaskan cerita yang kita akan ajar pada kanak-kanak itu berkenaan dengan gigi..”

(PK1/Tb2-KPB:10-16)

Selain itu kekemasan dalam pembuatan boneka sangat penting seperti petikan temu bual berikut:

“...Kekemasan dalam pembuatan boneka sangat perlu sebab kanak-kanak imaginasi tinggi..”

(PK1/Tb4-KMB:25-27)

“...contoh kalau kita buat boneka harimau tetapi tidak ada bentuk harimau nanti kanak-kanak akan kurang minat untuk belajar. hasil pengajar akan kurang tercapai..”

(PK1/Tb4-KMB:21-31)

Guru juga perlu mempunyai asas kemahiran pengetahuan dalam pembuatan boneka. Guru perlu mempunyai asas pengetahuan dalam pembuatan boneka dari segi kekemasan dalam membuat boneka. Kekemasan pembuatan dari segi bentuk dan rupa sesuatu boneka yang dibuat. Di samping itu dapat mengelakkan kanak-kanak berasa bosan dengan pengajaran seperti temu bual dibawah:

“...satu asas pembuatan boneka, memang penting...”

(PK1/Tb2-PPB:24)

“...kemahiran yang paling penting, pengetahuan yang paling penting..”

(PK1/Tb3-KPB:21-22)

“...guru perlu ada asas dan pengetahuan dalam pembuatan dan pengendalian boneka supaya tidak membuang masa pengajaran dan

(PK1/Tb4-KMB:26-29)

“...supaya mengelakkan kanak-kanak cepat berasa bosan. bila kanak-kanak bosan diaorang(kanak-kanak) akan buat bising...”

(PK1/Tb4-KMB: 30-33)

Tema yang kedua ialah guru perlu mahir dalam berinteraksi dan berkomunikasi dengan kanak-kanak menggunakan boneka. Melalui dapatan data dari temu bual bersama peserta kajian menyatakan guru perlu mempunyai kemahiran menggunakan boneka iaitu mahir dalam berinteraksi dan berkomunikasi dengan kanak-kanak. Guru

juga menjelaskan pengajaran menggunakan boneka adalah berpusatkan kepada kanak-kanak supaya guru dapat memberi fokus kepada sesuatu pengajaran. Guru juga perlu pandai dalam menggunakan intonasi suara ketika menggunakan boneka seperti dalam temu bual berikut:

“...mahir dalam berkomunikasi dengan kanak-kanak, guru perlu pandai menggunakan intonasi suara mengikut boneka yang digunakan..”

(PK1/Tb4-KMB:17-18)

“...perlu ada koordinasi antara guru dengan kanak-kanak...”

(PK1/Tb4-KMB:71-72)

Seperti contoh petikan temubual dibawah:

“..contohnya puppet harimau, kita gunakan suara harimau...”

(PK1/Tb3-KPB:78-81)

Tema yang ketiga ialah guru perlu mahir dalam mengendalikan boneka dari segi gerak laku guru ketika menggunakan boneka. Melalui data temu bual peserta kajian menjelaskan guru perlu mahir dalam mengendalikan boneka dari segi menggerakkan boneka tersebut mengikut jenis boneka yang digunakan. Pergerakan tangan memainkan peranan yang penting dalam mengendalikan boneka seperti dalam kenyataan dibawah:

“...mahir dalam mengendalikan boneka dari segi pergerakan tangan semasa bercerita. Pergerakan tangan dengan pergerakan mulut mesti la selari..”

(PK1/Tb4-KMB:40-42)

Seperti contoh petikan temu bual berikut:

“...perlu ada koordinasi antara guru dengan kanak-kanak. Pergerakan tangan mesti selari dengan pergerakan mulut..”

(PK1/Tb3-KMB-71-73)

Sekiranya pergerakan tangan dan mulut tidak selari bermakna guru tersebut tidak mahir dalam mengendalikan boneka seperti yang dinyatakan:

“...Kalau pergerakan tangan dan mulut tidak selari bermakna guru tersebut tidak mahir dalam mengendalikan boneka...”

(PK1/Tb3-KMB:73-76)

Melalui data temu bual pemerhatian peserta kajian menunjukkan cara menggunakan boneka tangan dan boneka jari. Peserta kajian menyatakan cara menggunakan boneka tangan adalah dengan menggerakkan tangan. Pergerakan tangan mestilah selari dengan pergerakan mulut. Pergerakan tangan mestilah menggunakan keseluruhan persekitaran. Penggunaan boneka tangan perlu mempunyai pentas untuk menjayakan permainan boneka. Penggunaan pentas boneka boleh dihasilkan dengan menggunakan meja atau rak buku. Manakala cara penggunaan boneka jari pulak dengan menggunakan jari untuk berkomunikasi dengan kanak-kanak. Penggunaan boneka jari tidak banyak menggunakan pergerakan berbanding dengan boneka tangan. Penggunaan boneka jari menggunakan sarung tangan memerlukan kelima-lima jari memainkan peranan, kebiasaannya penggunaan boneka jari menggunakan sarung tangan untuk memperkenalkan ahli keluarga. Berikut ialah gambar cara guru menggunakan boneka tangan, aktiviti kanak-kanak menggunakan boneka tangan menggunakan pentas dan boneka jari menggunakan sarung tangan:



Sumber: Dengan Kebenaran Guru KEMAS
(Pk1/PM-CPB: 2-19)



Aktiviti penggunaan boneka oleh kanak-kanak menggunakan pentas meja

Sumber: Dengan Kebenaran Guru KEMAS
(Pk1/PM-GB: 5)



Cara penggunaan Boneka Jari

Sumber: Dengan Kebenaran Guru KEMAS
(Pk1/PM-CPB: 26-42)

Dapatan data dari analisis kandungan modul boneka menunjukkan contoh penggunaan boneka jari seperti gambar berikut:



Dtr02 (18/7/1)

4.8 Rumusan

Secara keseluruhannya untuk persoalan kajian yang kelima ini kemahiran yang guru perlu dikuasai untuk penambahbaikan dalam pengajaran dan pembelajaran menggunakan boneka sebagai alat bantu mengajar adalah seperti berikut:

- I. Guru perlu mempunyai kemahiran dalam mengendalikan boneka dalam pengajaran.
- II. Guru perlu mempunyai kemahiran dalam teknik bercerita menggunakan boneka
- III. Guru perlu mempunyai kemahiran dalam berkomunikasi dengan kanak-kanak menggunakan boneka
- IV. Guru perlu mempunyai asas pengetahuan dalam kemahiran membuat boneka

Universiti Malaya

BAB 5 PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI KAJIAN

5.1 Pendahuluan

Dapatan kajian yang dibincangkan dalam bab 4 akan dirumuskan serta dibincangkan dalam bab ini. Setelah itu, pengkaji akan melihat aplikasi daripada rumusan dan perbincangan tersebut terhadap perkembangan dan sumbangan yang boleh diberikan kepada bidang pendidikan prasekolah di Malaysia. Selain itu pengkaji akan mengutarakan cadangan lanjutan yang boleh dilaksanakan agar usaha berterusan dalam memajukan bidang pendidikan prasekolah dijayakan.

5.2 Rumusan

Dapatan kajian telah dibincangkan menghasilkan empat tema dalam penggunaan boneka sebagai bahan bantu mengajar dalam pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak tabika KEMAS, pengetahuan tentang penggunaan boneka, kefahaman penggunaan boneka, kesan penggunaan boneka terhadap perkembangan kanak-kanak dan kemahiran yang diperlukan guru dalam mengendalikan boneka sebagai bahan bantu mengajar dalam bilik darjah. Secara ringkasnya apa yang dapat dirumuskan daripada keseluruhan dapatan kajian ini bahawa penggunaan boneka khususnya dalam kemahiran literasi adalah daripada tiga tema utama yang berhubungan di antara satu sama lain iaitu pengetahuan, kefahaman dan kemahiran. Pengetahuan guru terbahagi kepada sub-sub tema iaitu tentang definisi, tujuan, jenis-jenis boneka, kekerapan menggunakan boneka dan cara membuat boneka.

Kefahaman guru dalam penggunaan boneka dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran literasi dari aspek pembuatan, pendekatan pengajaran, strategi pengajaran, teknik penggunaan boneka dapat memberi impak kepada guru dalam pengajaran menggunakan boneka dalam bilik darjah. Kefahaman ini adalah

selari dengan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) di mana pendekatan yang digariskan dapat membantu pengajaran guru menggunakan boneka di dalam bilik darjah. Pendekatan yang digunakan iaitu pendekatan sambil belajar yang mana dapat memberikan keseronokan kepada kanak-kanak untuk belajar. Apabila guru benar-benar faham dengan pendekatan sambil belajar menggunakan bahan bantu mengajar iaitu boneka, ia akan memudahkan guru merancang pelaksanaan pengajaran dengan baik bagi menarik minat kanak-kanak untuk belajar.

Dapat dirumuskan secara ringkas kemahiran guru diperlukan dalam penggunaan boneka dalam pengajaran di bilik darjah supaya pengajaran yang disampaikan mencapai objektif pengajaran menggunakan boneka dalam kemahiran literasi dan supaya dapat meningkatkan perkembangan kanak-kanak dalam kemahiran literasi seperti meningkatkan perbendaharaan kata, meningkatkan keyakinan mereka untuk berinteraksi, berkomunikasi dan menjadi mereka kreatif dalam bahasa.

5.3 Perbincangan Dapatan Kajian

Bahagian ini membincangkan dapatan kajian di lapangan tentang penggunaan boneka dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran literasi di tabika. Perbincangan meliputi hasil dapatan kajian, teori dan model serta dapatan kajian lepas untuk melengkapkan hasil kajian yang diperolehi. Perbincangan ini merujuk kepada tiga soalan utama kajian iaitu i) pengetahuan tentang penggunaan boneka dari aspek penggunaan boneka dalam pengajaran dan pembelajaran, pengetahuan dalam membina minat kanak-kanak dalam pembelajaran, ii) kefahaman guru tentang penggunaan boneka dari aspek guru mengaplikasikan boneka dalam pengajaran, strategik dan teknik penggunaan boneka yang digunakan serta kesan penggunaan boneka dalam kemahiran literasi kanak-kanak, iii) kemahiran yang perlu dikuasai oleh guru bagi penambahbaikan penggunaan boneka sebagai alat bantu mengajar di tabika.

5.3.1 Pengetahuan Tentang Penggunaan Boneka

Dapatan kajian ini menjelaskan bahawa pengetahuan tentang penggunaan boneka sebagai alat bantu mengajar dalam pengajaran dan pembelajaran merujuk pengalaman guru dalam menggunakan boneka. Hasil kajian menunjukkan pengetahuan tentang penggunaan boneka dalam pengajaran berdasarkan kepada pengalaman guru mengajar dan juga berdasarkan kepada kurikulum prasekolah kebangsaan yang menjadi garis panduan dalam mencapai objektif dan matlamat dalam pendidikan. Data temu bual, pemerhatian dan analisis kandungan dokumen menunjukkan peserta kajian mempunyai pengetahuan asas dalam penggunaan boneka, mempunyai pengalaman mengajar menggunakan boneka di tabika dan menjadi juru latih dalam pertandingan boneka.

Perbincangan dapatan kajian tentang pengetahuan penggunaan boneka dijelaskan seperti berikut iaitu pengetahuan guru tentang definisi dan tujuan penggunaan boneka, pengetahuan tentang asas dalam penggunaan boneka, pengetahuan tentang pengalaman menggunakan boneka, pengetahuan tentang jenis-jenis boneka, pengetahuan tentang kekerapan menggunakan boneka dan pengetahuan tentang cara membuat boneka.

Peserta kajian mempunyai pengetahuan yang baik tentang penggunaan boneka sebagai alat bantu mengajar dalam pengajaran berdasarkan kepada pengalaman mengajar di tabika. Penggunaan boneka sebagai alat bantu mengajar adalah sangat sesuai digunakan dalam semua bidang kurikulum (Korosec, 2013). Malah kurikulum prasekolah kebangsaan juga menyatakan supaya guru menggunakan bahan mautud dalam pengajaran dan pembelajaran bagi membantu murid menguasai konsep dan pengetahuan dalam pembelajaran (KSPK, 2016).

5.3.1.1 Pengetahuan Tentang Definisi dan Tujuan Penggunaan Boneka

Pengetahuan dalam penggunaan boneka dari segi definisi dan tujuan penggunaan boneka yang digunakan oleh guru sebagai alat bantu mengajar di tabika, menurut pandangan peserta kajian iaitu boneka didefinisikan mempunyai pelbagai bentuk dan rupa serta bertujuan menjadi alat bantu mengajar yang dapat membantu menarik minat kanak-kanak untuk belajar. Pengetahuan penggunaan boneka ini selari dengan pendapat Loy (2011) yang menyatakan boneka sebagai alat pedagogi dalam pengajaran dapat membantu perkembangan kanak-kanak.

Berdasarkan dapatan kajian mendapati peserta kajian mengaplikasikan boneka sebagai bahan bantu mengajar di dalam bilik darjah yang mana dapat membantu menarik minat kanak-kanak untuk belajar seterusnya dapat membantu proses pengajaran dan membantu mempertingkatkan kemahiran literasi kanak-kanak (Fisler,2003). Penggunaan boneka dalam pengajaran dan pembelajaran dapat membantu meningkatkan minat kanak-kanak untuk membaca dan menarik perhatian mereka untuk belajar (Wallace & Mishina, 2004). Kenyataan ini juga disokong dalam kajian di luar negara yang mana penggunaan boneka sebagai bahan bantu mengajar dapat menarik perhatian dan dapat memberi kefahaman kepada kanak-kanak (H.Korsec, 2012).

5.3.1.2 Pengetahuan Tentang Asas Penggunaan Boneka

Dapatan kajian mendapati peserta kajian mempunyai asas dalam penggunaan boneka yang mana sangat diperlukan oleh seseorang guru untuk menjayakan sesuatu pengajaran menggunakan boneka antara asas boneka yang guru perlu ada iaitu asas dalam membuat boneka berdasarkan jalan cerita, minat guru dalam membina dan mengajar menggunakan boneka. Berdasarkan dapatan kajian mendapati

peserta kajian mempunyai asas dalam menggunakan boneka sebagai alat bantu mengajar. Melalui dapatan kajian dari pemerhatian mendapati peserta kajian mempunyai minat dalam menggunakan boneka sebagai bahan bantu mengajar dalam pengajaran. Penggunaan boneka sebagai bahan bantu mengajar boleh digunakan untuk mencapai objektif dan matlamat pendidikan (Loy, 2011). Peserta kajian juga mempunyai kemahiran dalam mengendalikan boneka sebagai bahan bantu mengajar, penggunaan boneka digunakan mengikut jenis dan kesesuaian jalan cerita yang disampaikan. Bustam dan Kamariah (1992) dalam Loy (2011) penggunaan boneka sebagai bahan bantu mengajar dalam pengajaran perlu sesuai dengan aktiviti pengajaran yang telah dirancang.

Melalui hasil dapatan pemerhatian dan analisis dokumen menunjukkan guru mempunyai pengetahuan asas kemahiran mengendalikan boneka dalam pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak. Perkara ini dibuktikan melalui kursus-kursus yang pernah dihidirinya dan pertandingan-pertandingan boneka yang pernah disertai.

5.3.1.3 Pengetahuan Tentang Pengalaman Menggunakan Boneka.

Dapatan kajian membuktikan bahawa peserta kajian mempunyai pengalaman dalam menggunakan boneka sebagai bahan bantu mengajar dalam bilik darjah di tabika. Melalui hasil dapatan data pemerhatian dan analisis dokumen menunjukkan guru mempunyai pengalaman mengajar lebih dari 10 tahun dan mempunyai pengalaman mengajar menggunakan boneka serta menjadi jurulatih dalam pertandingan boneka. Melalui pengalaman peserta kajian dalam menggunakan boneka menunjukkan guru dapat mengendalikan boneka dengan baik. Selain itu dapat di lihat penggunaan boneka ini dapat menarik minat dan tumpuan kanak-kanak untuk belajar.

Dapatan kajian ini juga selari dengan kajian di luar negara (Halena Korsec, 2013) yang menunjukkan terdapat perbezaan antara guru yang berpengalaman menggunakan boneka dengan guru yang kurang menggunakan atau tidak pernah menggunakan boneka. Guru yang mempunyai pengalaman dalam menggunakan boneka dikatakan mempunyai sikap yang positif terhadap pengajaran menggunakan boneka dalam meningkatkan kemahiran komunikasi kanak-kanak berbanding dengan guru yang tidak menggunakan boneka, mereka mempunyai sikap yang kurang positif terhadap penggunaan boneka.

5.3.1.4 Pengetahuan Tentang Jenis-Jenis Boneka

Dapatan kajian, menjelaskan pengetahuan guru tentang jenis-jenis boneka yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Melalui hasil dapatan data pemerhatian menunjukkan peserta kajian mempunyai pengetahuan tentang jenis-jenis boneka yang boleh digunakan sebagai bahan bantu mengajar dalam bilik darjah iaitu boneka tangan, boneka jari, boneka lantai. Tetapi melalui pemerhatian peserta kajian menggunakan boneka tangan dan boneka jari dalam pengajaran dan pembelajaran. Selain itu dapat dilihat penggunaan boneka sarung tangan yang boleh digerakkan mulut, boleh digerakkan jari-jari, boleh digerakkan tangan dan serta boleh digerakkan kepala merupakan salah satu boneka yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak. Penggunaan boneka sarung tangan ini sering digunakan guru untuk pengajaran yang melibatkan keluarga iaitu untuk memperkenalkan kepada kanak-kanak ahli dalam keluarga.

Dapatan kajian ini juga disokong oleh Esch dan Long (2002) dan Zaida (2014) terdapat pelbagai jenis-jenis boneka yang sesuai dengan peringkat kanak-kanak dan antara jenis boneka yang sering digunakan dalam pengajaran ialah boneka tangan, boneka jari, boneka lidi, boneka wayang kulit, boneka pinggan kertas, boneka beg

kertas dan boneka sudu (Zaida, 2014), namun dalam kajian ini hanya menggunakan tiga jenis boneka sahaja iaitu boneka tangan, boneka jari dan boneka lantai. Penggunaan boneka ini digunakan mengikut watak dalam jalan cerita atau mesej yang ingin disampaikan. Selain itu penggunaan boneka sarung tangan boleh dibahagikan kepada jenis yang boleh i) digerakkan mulut, ii) boleh digerakkan tangan, iii) boleh digerakkan kepala (Loy, 2004).

5.3.1.5 Pengetahuan Tentang Keperluan Menggunakan Boneka

Keperluan dalam menggunakan boneka dalam pengajaran dan pembelajaran melibatkan keperluan guru menggunakan boneka sebagai bahan bantu mengajar dalam bilik darjah. Melalui dapatan data pemerhatian menunjukkan peserta kajian kerap menggunakan boneka semasa perbualan pagi dan waktu kreativiti. Penggunaan boneka dilihat dapat membantu guru dalam menyampaikan isi pengajaran dan menarik minat kanak-kanak sebelum memulakan pengajaran.

Melalui dapatan data pemerhatian dapat dilihat kanak-kanak lebih mudah berkomunikasi dengan guru menggunakan boneka berbanding mereka berkomunikasi tanpa menggunakan boneka semasa pembelajaran. Penggunaan boneka dapat membantu kanak-kanak mengatasi rasa malu dan kurang keyakinan diri. Melalui penggunaan boneka kanak-kanak mempunyai banyak idea yang dapat diluahkan terhadap aktiviti pengajaran guru. Kanak-kanak menjadi lebih kreatif dalam bahasa dan mereka mampu meniru tingkah laku mengikut sesuatu watak dalam penceritaan dengan menggunakan boneka.

Dapatan kajian ini di sokong Bustam (2005) Loy (2011) menggalakan kanak-kanak berbual secara spontan dengan menggunakan boneka. Walaupun mereka berasa

malu tetapi perasaan itu dapat diatasi dengan menggunakan boneka dan kanak-kanak lebih yakin pada diri apabila menggunakan boneka.

5.3.1.6 Pengetahuan Tentang Cara Membuat Boneka

Dapatan kajian membuktikan guru mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam membuat atau membina boneka sebagai bahan bantu mengajar bagi melancarkan proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Selain itu kebanyakan boneka yang dibina dihasilkan daripada barang terpakai daripada kotak air, sarung tangan, sarung kaki, kulit telur dan sudu. Kebanyakan boneka dihasilkan oleh peserta kajian sendiri berbanding boneka yang dibeli. Peserta kajian juga memperolehi pengetahuan membuat boneka daripada kursus-kursus yang pernah dihidungnya. Oleh kerana itu peserta kajian mempunyai pengetahuan dalam membuat boneka dan memilih boneka yang sesuai digunakan berdasarkan jalan cerita. Malah peserta kajian juga menyatakan turut berkongsi pengetahuannya dengan mengajar bakal-bakal guru membuat boneka dan cara untuk mengendalikan boneka dengan betul. Selain itu penggunaan boneka sebagai bahan bantu mengajar ini juga memerlukan minat guru dalam menghasilkan dan menggunakan boneka, barulah penggunaan boneka ini dapat mencapai objektif pengajaran yang ingin disampaikan kerana dalam proses membina boneka tidak memerlukan kos yang tinggi dan hanya boleh menggunakan bahan-bahan terpakai. Dapatan kajian ini di sokong Zaida (2014) proses membentuk dan membuat boneka bergantung kepada jenis dan ciri-ciri pada boneka yang hendak dihasilkan mengikut jenis cerita dan mesej yang hendak disampaikan. Di samping itu penggunaan boneka boleh di hasilkan dengan hanya menggunakan bahan terpakai tanpa perlu mengeluarkan kos untuk membeli boneka.

5.3.2 Kefahaman Dalam Aspek Pembuatan Boneka

Hasil dapatan kajian menunjukkan peserta kajian mempunyai kefahaman dalam aspek pembuatan boneka dari segi menentukan kesesuaian boneka dalam pengajaran dan pembelajaran mengikut jenis boneka, memilih jalan cerita yang sesuai dengan tahap umur kanak-kanak supaya kanak-kanak tidak berasa bosan dan memudahkan kefahaman kanak-kanak.

Melalui dapatan data pemerhatian membuktikan peserta kajian merupakan seorang yang mempunyai idea kreatif dan rajin dalam menghasilkan boneka sendiri. Selain itu peserta kajian juga membimbing kanak-kanak untuk menghasilkan boneka sendiri mengikut kreativiti mereka. Peserta kajian menunjukkan cara membuat boneka terlebih dahulu sebelum kanak-kanak membuat boneka secara sendiri. Kanak-kanak diajar membuat boneka berbentuk haiwan iaitu harimau dengan menggunakan kotak air dan mereka juga mewarnakan boneka tersebut mengikut kreativiti kanak-kanak. Di samping itu kanak-kanak dapat meningkat kemahiran berfikir dalam membuat atau menghasilkan boneka mereka sendiri. Selain itu kanak-kanak juga diajar cara menggunakan boneka supaya mereka dapat menggunakan boneka dengan betul. Kanak-kanak meniru tingkah laku guru menggunakan boneka seperti pergerakan mulut dan tangan semasa menggunakan boneka.

Manakala teori pembelajaran konstruktivis menekankan konsep zon perkembangan proksimal (ZPP) pencapaian kanak-kanak adalah bergantung kepada pengetahuan orang yang dewasa yang lebih berkemahiran. Oleh itu bimbingan dan tunjuk ajar dalam proses membuat boneka dan menggunakan boneka memerlukan guru sebagai pembimbing kepada kanak-kanak. Santrock (2007) menyatakan apabila kanak-kanak mempelajari kemahiran baru atau kemahiran yang sukar, guru perlu memberi bimbingan penuh tetapi apabila kanak-kanak sudah mula memahami,

bimbingan yang diberikan hendaklah dikurangkan sehingga mereka boleh menguasai kemahiran tersebut. Dalam kajian ini peserta kajian sebagai pembimbing kepada kanak-kanak dalam pengajaran dan pembelajaran menggunakan boneka dalam kemahiran literasi.

5.3.2.1 Kefahaman Dalam Pendekatan Pengajaran Boneka

Pendekatan pengajaran menggunakan boneka yang digunakan oleh peserta kajian adalah pendekatan bermain sambil belajar iaitu kanak-kanak bermain dengan boneka dan dalam masa yang sama mereka belajar. Pendekatan bermain sambil belajar dapat memberi kesan yang mendalam kepada perkembangan bahasa, perkembangan kognitif, perkembangan sosial dan perkembangan psikomotor (KPM, 2013). Selain itu melalui teori kognitif kanak-kanak pada peringkat praoperasi lebih mudah belajar menggunakan objek untuk memahami sesuatu isi pengajaran. Ia juga dapat menunjukkan gambaran sebenar dan mencerminkan kefahaman kanak-kanak secara menyeluruh (Piaget, 1966). Melalui pendekatan belajar melalui bermain memberi peluang kepada kanak-kanak untuk belajar dalam suasana yang bebas, selamat, menggembirakan dan bermakna.

Dapatan kajian ini juga di sokong Azizah dan Zainun (2001) menyatakan bermain sambil belajar memainkan peranan yang sangat penting dalam memupuk perkembangan dan penyuburan individu secara menyeluruh dan seimbang. Dalam masa yang sama aspek pendekatan bermain sambil belajar menggunakan boneka ini dapat menggalakan kemahiran literasi kanak-kanak dari aspek mendengar dan bertutur. Dalam kajian ini kanak-kanak diajar menggunakan boneka dan belajar membuat boneka dengan sendiri dibantu oleh guru.

5.3.2.2 Kefahaman Dalam Strategi Pengajaran Boneka

Hasil dapatan kajian menunjukkan peserta kajian menggunakan boneka sebagai strategi dalam pengajaran untuk menarik minat dan tumpuan kanak-kanak untuk belajar. Kanak-kanak pada tahap ini (2-7 tahun) lebih mudah belajar menggunakan objek. Kanak-kanak lebih mudah memahami dengan melihat dan mendengar pengajaran menggunakan boneka. Selain itu peserta kajian juga melibatkan kanak-kanak menggunakan boneka semasa proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah, untuk melatih keyakinan diri kanak-kanak untuk berkomunikasi dengan guru dan rakan. Penggunaan boneka juga digalakkan penggunaannya dalam pengajaran supaya dapat mengembangkan kemahiran kognitif dan bahasa kanak-kanak.

Dapatan kajian ini selari dengan model gaya pembelajaran VAK (visual, Audio, Kinestetik) iaitu strategi pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan penglihatan, pendengaran dan gerakan dapat membantu kanak-kanak mempraktikkan pengalaman secara langsung dan kanak-kanak lebih mengingati dan memahami apa yang dilihat, didengar dan dilakukannya. Kanak-kanak belajar dengan melihat guru menggunakan boneka dalam pengajaran dan pembelajaran. Kanak-kanak akan lebih mudah memahami dan tertarik dengan pengajaran yang disampaikan dengan menggunakan boneka kerana kanak-kanak mudah belajar dengan melihat dan faham apa yang disampaikan oleh guru melalui penggunaan boneka. Penggunaan boneka merupakan alat bantu visual untuk kanak-kanak yang dapat mengekalkan perhatian serta memberi semangat untuk kanak-kanak mengambil bahagian di dalam kelas. Di samping itu kanak-kanak akan lebih bersedia untuk belajar apabila menggunakan boneka dan dapat meningkatkan daya berfikir kanak-kanak (Christie, 2013). Oleh itu hasil pembelajaran yang lebih baik mampu dicapai oleh kanak-kanak.

5.3.2.3 Kefahaman Dalam Teknik Penggunaan Boneka

Dapatan kajian menunjukkan peserta kajian mempunyai kefahaman menggunakan boneka dari aspek teknik bercerita menggunakan boneka dengan menggunakan lebih daripada dua boneka kerana dalam satu-satu cerita mempunyai banyak watak dan penggunaan boneka ini juga melibatkan kanak-kanak. Di samping itu juga teknik bercerita juga perlu mempunyai gaya-gaya penggunaan boneka. Walaupun tidak terdapat peraturan dan teknik penggunaan boneka Sawyer (2004), namun begitu penggunaan boneka sebagai bahan bantu mengajar dalam pengajaran perlu sesuai dengan aktiviti pengajaran yang telah dirancang (Bustam & Kamariah, 1992 dalam Loy, 2011).

Melalui dapatan data dari pemerhatian dan analisis kandungan dokumen menunjukkan teknik penggunaan boneka mengikut jenis boneka seperti boneka tangan dan boneka jari yang mempunyai teknik atau cara yang berbeza dalam penggunaannya. Selain itu peserta kajian juga menunjukkan teknik bercerita menggunakan boneka kepada kanak-kanak sebelum kanak-kanak menggunakannya. Guru perlu membuat demonstrasi cara menggunakan boneka terlebih dahulu sebelum kanak-kanak menggunakan boneka. Kanak-kanak akan lebih jelas memahami cara menggunakan boneka sekiranya guru sentiasa membimbing mereka dengan cara yang betul. Melalui teori pembelajaran konstruktivis menjelaskan kemahiran-kemahiran yang sukar dilakukan oleh kanak-kanak boleh dijayakan dengan bantuan dan bimbingan orang dewasa atau rakan sebaya yang lebih mahir.

5.3.2.4 Kesan Penggunaan Boneka Dalam Kemahiran Literasi

Hasil dapatan kajian mendapati terdapat kesan penggunaan boneka terhadap perkembangan kanak-kanak terutamanya dalam kemahiran literasi. Penggunaan boneka dapat memberi kesan kepada kanak-kanak iaitu dapat menarik

minat mereka untuk belajar serta minat mereka untuk menggunakan boneka. Selain itu kanak-kanak dapat berimajinasi dengan melakonkan sesuatu watak menggunakan boneka. Kanak-kanak akan mudah mengingat sesuatu pengajaran dengan lebih lama dalam jangka masa yang lama sekiranya kanak-kanak melalui proses pengajaran yang menarik dan tidak membosankan. Oleh kerana itu penggunaan boneka dapat mengelakkan kanak-kanak daripada mudah berasa bosan dalam pengajaran dan pembelajaran dan meningkatkan perkembangan pembelajaran kanak-kanak. Seterusnya meningkatkan kemahiran literasi dari aspek mendengar dan bertutur, melalui aktiviti penggunaan boneka dapat membantu dan melatih kanak-kanak untuk bertutur dengan baik iaitu melatih kanak-kanak untuk berinteraksi dan berkomunikasi dengan baik tanpa rasa malu. Selain itu kanak-kanak dapat menunjukkan kreativiti dan daya pemikiran mereka dalam penggunaan boneka seperti dalam hasil dapatan kajian iaitu kanak-kanak boleh mendengar arahan guru dan menjawab pertanyaan guru, boleh melakonkan semula watak-watak dalam sesuatu cerita dan boleh menyampaikan sesuatu cerita dengan baik. Di samping itu juga kanak-kanak boleh menanyakan soalan untuk meneruskan perbualan.

Melalui dapatan data dari pemerhatian dan analisis dokumen mendapati pengajaran menggunakan boneka dapat membantu meningkatkan kemahiran literasi kanak dari aspek mendengar dan bertutur iaitu kanak-kanak boleh mendengar arahan dan boleh bertanyakan soalan dan menyatakan idea mereka dalam proses pengajaran dan pembelajaran menggunakan boneka. Kanak-kanak boleh menguasai kemahiran mendengar dan bertutur iaitu kanak-kanak boleh mendengar dan memberi tindak balas menggunakan ayat yang mudah. Dalam kajian dalam negara iaitu kajian Julizah, et al., (2011), Fhyrus (2012) menyatakan bilangan perbendaharaan kata kanak-kanak akan bertambah selepas menggunakan boneka berbanding sebelum menggunakan boneka.

Penggunaan boneka dalam pengajaran dan pembelajaran dapat meningkatkan keupayaan komunikasi kanak-kanak di samping dapat meningkatkan bilangan perbendaharaan kata yang dikuasai mereka. Manakala dalam kajian luar negara Halena Korsec (2012) menerangkan pengajaran selepas menggunakan boneka, guru mendapati penggunaan boneka dapat membantu meningkatkan komunikasi antara guru dan kanak-kanak dan juga dapat mengatasi masalah pertuturan kanak-kanak. Di samping itu penggunaan boneka merupakan bahan bantu mengajar yang dapat menarik perhatian dan dapat memberi kefahaman kepada kanak-kanak dan dapat meningkatkan daya pemikiran kanak-kanak.

5.3.2.5 Kemahiran-Kemahiran Yang Guru Perlu Kuasai

Dapatan kajian menunjukkan terdapat beberapa kemahiran yang perlu dikuasai guru untuk penambahbaikan pengajaran menggunakan boneka iaitu pertama guru perlu mahir dalam penyesuaian jalan cerita dengan boneka, guru perlu mempunyai kekemasan dalam membuat boneka dan mempunyai asas pengetahuan dalam penggunaan boneka, kedua guru perlu mahir dalam berinteraksi dan berkomunikasi dengan kanak-kanak menggunakan boneka, ketiga guru perlu mahir dalam mengendalikan boneka dari segi gerak laku guru dalam penggunaan boneka yang melibatkan pegerakan tangan dan mulut. Oleh kerana itu guru perlu mempunyai kemahiran dan pengetahuan dalam mengendalikan boneka supaya pengajaran dan pembelajaran menggunakan boneka ini dapat memberi kesan yang positif terhadap perkembangan kanak-kanak terutamanya dalam kemahiran literasi.

Dapatan kajian ini disokong Machado (2003). Sebelum menggunakan boneka guru perlu tahu kemahiran dalam mengendalikan boneka kerana kemahiran mengendalikan boneka penting bagi guru prasekolah. Semasa mengendalikan boneka mata guru perlu fokus kepada boneka tersebut dan menggunakan suara dan intonasi

yang sesuai serta pergerakan yang sesuai dengan boneka yang dimainkan. Oleh itu guru perlu menambahkan ilmu pengetahuan tentang kemahiran-kemahiran dalam penggunaan boneka dengan menghadiri kursus-kursus pembuatan boneka dan cara untuk mengendalikan boneka serta teknik bercerita supaya guru mempunyai pengetahuan sebelum menggunakan boneka dalam pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah.

5.4 Rumusan Perbincangan Dapatan Kajian

Secara keseluruhan, dapatan kajian ini menjelaskan tentang tiga aspek utama kajian iaitu pengetahuan tentang boneka, kefahaman dalam mengaplikasikan boneka dan kemahiran yang perlu dikuasai untuk penambahbaikan pengajaran menggunakan boneka. Peserta kajian merungkaikan tentang definisi dan tujuan boneka dalam pengajaran. Boneka didefinisikan mempunyai pelbagai bentuk dan rupa yang menjadi bahan bantu mengajar dalam pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah di tabika.

Pengetahuan peserta kajian dalam penggunaan boneka adalah melalui pengalaman mengajar lebih daripada sepuluh tahun dan pengalaman peserta kajian dalam menghadiri kursus-kursus pembuatan boneka dapat memberi panduan kepada peserta kajian untuk menggunakan boneka dalam pengajaran. Oleh itu pentingnya pengetahuan guru tentang penggunaan boneka sebelum guru menggunakan boneka dalam pengajaran, supaya guru dapat menggunakan boneka sebagai bahan bantu mengajar dengan baik.

Guru perlu mempunyai kefahaman dalam mengaplikasikan boneka dari aspek teknik dan strategi untuk menarik minat kanak-kanak belajar dan meningkatkan perkembangan pembelajaran kanak-kanak. Selain itu kefahaman guru dalam aspek

kemahiran pembuatan boneka dan cara mengendalikan boneka sangat perlu dikuasai oleh guru supaya memudahkan guru menggunakan boneka dan melancarkan proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah di tabika.

Pendekatan pengajaran melalui belajar melalui bermain menjadi pegangan utama guru dalam penggunaan boneka. Selain itu strategi pengajaran peserta kajian adalah dengan melibatkan kanak-kanak menggunakan boneka bersama-sama, yang mana dapat memberi peluang kepada kanak-kanak untuk mengekspresikan idea mereka melalui aktiviti pengajaran seperti dalam aktiviti bercerita dan nyanyian. Selain itu dapat memperkembangkan kemahiran literasi kanak-kanak. Kanak-kanak dapat melatih diri untuk berkomunikasi dan melatih keyakinan diri mereka melalui penggunaan boneka.

Dalam pelaksanaan boneka sebagai bahan bantu mengajar dalam pengajaran dan pembelajaran peserta kajian tidak mempunyai masalah dalam menggunakan boneka kerana peserta kajian mempunyai minat, pengetahuan dan kemahiran dalam mengendalikan boneka. Selain itu mempunyai kemahiran dalam menulis cerita dan kemahiran membuat boneka. Oleh kerana itu seseorang guru itu perlu mempunyai pengetahuan, kefahaman, kemahiran dan minat dalam penggunaan boneka kerana penggunaan boneka dapat memberi kesan yang positif terhadap pembelajaran kanak-kanak serta membantu mengatasi masalah pembelajaran kanak-kanak dan dapat membantu melancarkan proses pengajaran guru.

5.5 Implikasi Kajian

Hasil dapatan kajian ini memberi implikasi kepada amalan pengajaran guru dan pembelajaran kanak-kanak di dalam bilik darjah. Dalam amalan pengajaran guru, kajian ini memberi kesan terhadap pengetahuan dan kefahaman serta kemahiran guru

dalam penggunaan boneka dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran literasi di tabika. Hasil kajian mengesahkan bahawa penguasaan sesuatu asas kemahiran dalam penggunaan bahan bantu mengajar memberikan implikasi kepada pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak di tabika. Penguasaan yang mantap memudahkan guru untuk menggunakan boneka sebagai bahan bantu mengajar dalam pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak dalam bilik darjah di tabika. Selain itu penggunaan boneka sebagai bahan bantu mengajar dalam pengajaran dan pembelajaran dapat memberi kesan kepada perkembangan kemahiran literasi kanak-kanak iaitu perkembangan bahasa dan perkembangan komunikasi. Di samping itu kanak-kanak lebih kreatif dan yakin pada diri apabila menggunakan boneka.

Dapatan kajian menunjukkan terdapat beberapa implikasi terhadap penggunaan boneka. Perbincangan diikuti dengan implikasi tersebut iaitu terhadap pengetahuan dan kefahaman. Implikasi pengetahuan tentang definisi, tujuan dan persepsi penggunaan boneka di tabika. Implikasi kefahaman melibatkan pendekatan pengajaran dan kemahiran penggunaan boneka.

5.5.1 Implikasi Pengetahuan Tentang Definisi dan Persepsi Penggunaan Boneka di Tabika.

Secara umum, peserta kajian mempunyai pengetahuan yang baik untuk memberi definisi dan mempunyai persepsi tentang penggunaan boneka. Peserta kajian berkeyakinan bahawa penggunaan boneka merupakan amalan pengajaran yang berkesan untuk membantu perkembangan kanak-kanak dalam pembelajaran dari segi tumpuan kanak-kanak dalam pengajaran, kemahiran perkembangan kanak-kanak berdasarkan kurikulum prasekolah. Amalan pengajaran guru dijelaskan sebagai amalan yang digunakan guru untuk menarik perhatian kanak-kanak untuk belajar.

Pengetahuan tentang definisi dan tujuan boneka yang tidak mantap boleh menyebabkan guru kurang mengamalkan penggunaan boneka dalam pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Implikasi terhadap kurangnya pengetahuan tentang boneka dari aspek kurangnya pengetahuan tentang asas dalam pembuatan boneka, kurangnya pengetahuan dalam mengendalikan boneka dalam pengajaran dan pembelajaran akan memberi implikasi kepada kanak-kanak dan juga proses pengajaran.

Kekurangan kursus, bengkel dan kurang minat terhadap pengajaran menggunakan boneka menyebabkan guru kurang menggunakan boneka sebagai bahan bantu mengajar di dalam bilik darjah. Kekurangan pengetahuan ini akan menyebabkan guru kurang yakin untuk menggunakan boneka sebagai bahan bantu mengajar dalam pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak. Kesannya kanak-kanak kurang pendedahan tentang aktiviti boneka walaupun guru tahu aktiviti penggunaan boneka dapat membantu kefahaman kanak-kanak dalam pembelajaran dan membantu kanak-kanak untuk fokus dalam pengajaran (Loy, 2011; Halena Korsec, 2013). Oleh itu kursus dan bengkel perlu diberikan atau wajibkan kepada guru-guru prasekolah supaya mereka mendapat pendedahan dan pengetahuan tentang penggunaan boneka dari aspek kemahiran membuat boneka, kemahiran mengendalikan boneka dan kemahiran dalam bercerita.

Dapatan kajian ini selaras dengan kajian di luar negara (Halena Korsec, 2013; M.Bredikyte, 2000 ; I.Hamre, 2004 ; H.Ivon, 2010) mendapati pengetahuan dan pengalaman guru penting dalam penggunaan boneka kerana guru yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman tentang boneka akan berfikiran positif untuk meningkatkan kemahiran kanak-kanak dan mencapai matlamat dalam kurikulum

berbanding dengan guru yang kurang menggunakan atau tidak pernah menggunakan boneka, mereka mempunyai sikap yang kurang positif terhadap penggunaan boneka.

Justeru itu melalui penggunaan boneka dalam pengajaran dan pembelajaran dapat meningkatkan kemahiran literasi kanak-kanak dari aspek keupayaan berkomunikasi kanak-kanak di samping dapat meningkatkan bilangan perbendaharaan kata yang dikuasai mereka (Fhyrus, 2012). Kanak-kanak perlu diberi pendedahan tentang boneka dalam pengajaran dan pembelajaran supaya mereka berminat untuk belajar dan memudahkan mereka untuk memahami sesuatu pengajaran yang disampaikan. Dengan itu dapat membantu perkembangan mereka secara menyeluruh dari aspek fizikal, emosi, kognitif dan bahasa serta dapat meningkatkan potensi kanak-kanak ke tahap yang maksimum (KPM, 2010).

5.5.2 Implikasi Kefahaman Penggunaan Boneka Terhadap Pendekatan Pengajaran Dan Kemahiran Penggunaan Boneka.

Kefahaman dalam penggunaan boneka dalam pengajaran sangat diperlukan oleh guru. Kefahaman guru melibatkan pendekatan pengajaran yang digunakan di dalam bilik darjah untuk menarik minat kanak-kanak untuk belajar. Pelaksanaan pendekatan pengajaran yang bertentangan dengan perkembangan kanak-kanak akan menjejaskan minat kanak-kanak untuk belajar.

Dalam pengajaran guru perlu mengamalkan pendekatan yang bersesuaian dengan kanak-kanak. Pendekatan pengajaran menggunakan boneka mestilah melibatkan kanak-kanak supaya kanak-kanak belajar dalam suasana yang gembira. Pendekatan pengajaran yang digunakan dalam penggunaan boneka oleh peserta kajian ialah pendekatan belajar sambil bermain dan pendekatan berpusatkan murid. Di samping itu penggunaan boneka merupakan satu pendekatan yang berkesan untuk menyampaikan sesuatu maklumat kepada kanak-kanak. Boneka juga dikatakan

mempunyai pelbagai fungsi yang dapat membantu perkembangan kanak-kanak (Keogh & Naylor, 2009). Sekiranya guru tidak mengamalkan pendekatan yang bersesuaian dengan kanak-kanak, ia akan memberi kesan kepada pembelajaran kanak-kanak. Perkara ini penting kerana tahap umur kanak-kanak peringkat praoperasi, pengajaran perlu dirancang dengan teliti supaya dapat menghasilkan suasana belajar yang menyeronokkan, merangsang daya pemikiran kreatif, dapat menarik penglibatan murid serta menyuburkan sikap positif terhadap pembelajaran (Eliason & Jenkis, 2002). Oleh itu dapat menarik minat kanak-kanak untuk belajar dan juga dapat memupuk kemahiran literasi kanak-kanak.

Selain itu guru juga perlu mempunyai kefahaman dalam kemahiran menggunakan boneka dari segi teknik penggunaan dan penyampaian boneka, dari segi membina boneka dan dari segi pemilihan boneka yang sesuai dengan tahap umur kanak-kanak dan minat dalam menggunakan boneka. Kefahaman tentang kemahiran ini diperlukan oleh guru prasekolah supaya mereka mudah untuk menggunakan boneka dan mereka berminat untuk menggunakan boneka sebagai bahan bantu mengajar dalam pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak di tabika. Sekiranya guru tidak mempunyai minat maka pengajaran menggunakan boneka tidak akan tercapai.

Guru juga perlu mengetahui teknik bercerita dengan menggunakan boneka walaupun tidak ada peraturan teknik penggunaan boneka, namun begitu penggunaan boneka sebagai bahan bantu mengajar dalam pengajaran perlu sesuai dengan aktiviti pengajaran yang telah dirancang iaitu guru perlu menarik minat kanak-kanak dan perhatian kanak-kanak dalam set induksi, boneka boleh digunakan mengikut langkah-langkah berikut i) guru telah menentukan objektif pengajaran, ii) guru memulakan pengajaran dengan mengendalikan boneka tanpa menggunakan pentas boneka iii) guru boleh meminta kanak-kanak ke hadapan kelas untuk berlakon secara spontan dengan

menggunakan boneka iv) guru perlu mengaitkan aktiviti set induksi dengan isi pengajaran yang akan disampaikan setelah tamat aktiviti (Bustam & kamariah, 1992 dalam Loy, 2011).

Sebelum menggunakan boneka guru perlu tahu kemahiran dalam mengendalikan boneka kerana kemahiran mengendalikan boneka penting bagi guru prasekolah (Machado, 2003). Sekiranya guru tidak mempunyai kefahaman dalam kemahiran mengendalikan boneka akan menyukarkan guru untuk menggunakan boneka dan akan memberi kesan kepada pengajaran guru iaitu kanak-kanak akan mudah hilang tumpuan dan minat dalam pengajaran. Oleh kerana itu guru perlu mempunyai kefahaman dalam kemahiran dalam mengendalikan boneka.

Kekurangan pendedahan terhadap penggunaan boneka dalam pengajaran menyebabkan guru kurang kefahaman dalam kemahiran mengendalikan boneka. Guru perlu mengambil inisiatif menghadiri kursus, bengkel dan seminar berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran menggunakan boneka. Melalui kursus, bengkel dan seminar, ini mereka boleh memperoleh banyak maklumat yang boleh diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran menggunakan boneka.

5.6 Cadangan Kajian

Terdapat beberapa cadangan untuk dikemukakan bagi meningkatkan pengetahuan dan kefahaman guru tabika. Perbincangan meliputi cadangan kemahiran-kemahiran yang guru perlu tahu dan faham tentang penggunaan boneka, cadangan kajian lanjutan penggunaan boneka dalam pengajaran dan pembelajaran di tabika.

5.6.1 Cadangan Tentang Kemahiran Guru

Peranan guru amat penting dalam menyampaikan sesuatu maklumat dan meningkat perkembangan kanak-kanak. Tanggungjawab guru bukan hanya setakat

mendidik atau melibatkan kanak-kanak dalam aktiviti pengajaran. Akan tetapi tugas guru perlu membimbing kanak-kanak untuk mencapai kejayaan secara holistik.

Kemahiran guru merupakan satu aspek utama dalam sistem pendidikan. Manakala kepakaran guru dalam kurikulum merupakan sumber utama kepada sistem pendidikan yang bermatlamat melahirkan generasi masa hadapan. Bagi menjamin sistem pendidikan yang berkualiti, bersifat fleksibel dan relevan terhadap keperluan pendidikan, kemahiran pendidikan perlu dilengkapi dengan kepakaran ikhtisas, latihan jangka pendek dan kursus profesionalisme yang berterusan.

Guru perlu mempunyai pengetahuan dan kefahaman serta kesedaran yang tinggi untuk meningkatkan kemahiran diri dalam penggunaan boneka sebagai bahan bantu mengajar. Kanak-kanak perlu dibimbing tentang aktiviti menggunakan boneka apabila mereka pertama kali didedahkan dengan boneka. Guru perlu memperkenalkan pelbagai jenis boneka kepada kanak-kanak supaya kanak-kanak memahami jenis boneka yang ada.

Manakala dalam kepakaran ikhtisas, guru perlu mempunyai kelulusan akademik yang bersesuaian dengan kepakaran mereka dalam bilik darjah. Guru tabika perlu meningkatkan kemajuan diri dengan kemahiran ikhtisas iaitu daripada kelulusan diploma pendidikan kepada bidang sarjana pendidikan. Bidang yang diterokai ini berupaya membantu guru untuk mendapatkan pengetahuan dan memantapkan diri dengan perubahan semasa pendidikan. Dicadangkan guru tabika untuk terlibat dengan kursus atau bengkel yang melibat penggunaan boneka.

Guru tabika memerlukan kursus yang berteraskan penggunaan boneka dari aspek teknik penyampaian boneka, teknik pencerita dan cara menghasilkan boneka dengan mudah, menghasilkan pentas boneka secara kreatif supaya pengajaran yang

disampaikan menggunakan boneka secara berkesan. Kekurangan kursus dan bengkel menghadkan perkembangan pengetahuan guru apabila menggunakan boneka. Kanak-kanak pada peringkat praoperasi mereka mempunyai daya imaginasi yang tinggi, sekiranya boneka yang dihasilkan tidak menyerupai apa yang ingin guru sampaikan akan menyebabkan kanak-kanak hilang minat dan tumpuan dalam pengajaran. Oleh kerana itu guru perlu mempunyai pengetahuan dalam penggunaan boneka supaya setiap boneka yang dihasilkan mempunyai kekemasan pembuatan dan boneka yang dibina berdasarkan jalan cerita.

Hasil kajian mendapati perlunya guru mendapat pengisian kursus dan latihan yang berterusan supaya guru dapat menambahkan pengetahuan dan kemahiran dalam penggunaan boneka. Justeru itu, dicadangkan pihak berkaitan seperti Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Kebajikan Masyarakat (KEMAS), Jabatan Pendidikan Negeri berkaitan untuk dapat membuat perancangan dan mengadakan latihan dan kursus berkaitan boneka secara berperingkat dan berterusan.

Pemeringkatan kursus mestilah mengandungi asas pengetahuan kemahiran boneka iaitu teknik dalam mengendalikan boneka, kemahiran membuat boneka, teknik menulis cerita dan memilih cerita yang sesuai dengan umur kanak-kanak dan teknik bercerita menggunakan boneka. Dengan adanya kursus dan latihan yang berterusan dapat membantu guru menambahbaik pengajaran menggunakan boneka serta menggalakkan guru menggunakan semula boneka dalam pengajaran dan pembelajaran.

5.6.2 Cadangan Kajian Lanjutan

Kajian terhadap penggunaan boneka dalam pengajaran dan pembelajaran antara lain bertujuan mendapatkan maklumat tentang pengetahuan, kefahaman dan

kemahiran yang diperlukan guru dalam penggunaan boneka sebagai bahan bantu mengajar yang mana dapat memberi kesan terhadap kemahiran literasi kanak-kanak di tabika. Berikut adalah cadangan yang diketengahkan bagi tujuan kajian lanjutan:

- I. Kajian ini hanya dijalankan terhadap seorang guru dan seorang PPM dalam satu kelas di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sahaja. Maka dapatan kajian ini tidak dapat digeneralisasikan kepada semua guru tabika di bawah kendalian Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Adalah dicadangkan supaya populasi kajian diluaskan kepada semua guru tabika di Malaysia seperti KPM, Tabika KEMAS, Perpaduan dan swasta. Ini membolehkan dapatan kajian kelak dapat mewakili fenomena sebenar yang berlaku di Malaysia
- II. Tumpuan kajian kepada pengetahuan guru dalam penggunaan boneka, kefahaman guru dalam mengaplikasikan boneka, kemahiran yang diperlukan guru untuk tujuan penambahbaikan penggunaan boneka sebagai bahan bantu mengajar serta keberkesanan kepada kemahiran literasi kanak-kanak sahaja tetapi tidak secara keseluruhan kemahiran kanak-kanak. Kajian boleh dilaksanakan berdasarkan semua aspek perkembangan kemahiran kanak-kanak bagi melihat secara jelas pengetahuan dan kefahaman guru tentang penggunaan boneka dan keberkesanannya dalam bilik darjah melalui kajian kes atau tinjauan
- III. Guru pendidikan awal kanak-kanak harus mempertingkatkan kemahiran mereka dalam strategi pengajaran dan pembelajaran terutamanya dalam kemahiran penggunaan boneka. Strategi pengajaran menggunakan boneka sebagai bahan bantu mengajar dapat menarik minat kanak-kanak untuk belajar dan dapat memotivasikan kanak-kanak tabika dan menjadikan pembelajaran sebagai pembelajaran yang diminati di sekolah atau di rumah.

5.7 Kesimpulan Keseluruhan Data Kajian

Kesimpulan kajian ini merujuk kepada tiga soalan kajian yang dikemukakan iaitu pengetahuan boneka, kefahaman mengaplikasikan boneka dan kemahiran yang diperlukan guru dalam penggunaan boneka dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran literasi di tabika. Berikut adalah huraian kesimpulan akhir kajian.

5.7.1 Pengetahuan Tentang Boneka

Kajian mendapati peserta kajian mempunyai pengetahuan tentang penggunaan boneka. Pengetahuan penggunaan boneka ini melibatkan enam tema yang terlibat i) pengetahuan tentang definisi, ii) pengetahuan tentang asas penggunaan boneka, iii) pengetahuan tentang pengalaman menggunakan boneka, iv) pengetahuan tentang jenis-jenis boneka, v) pengetahuan tentang kekerapan menggunakan boneka vi) pengetahuan tentang cara membuat boneka. Peserta kajian dapat menjelaskan dengan baik tentang ke semua aspek pengetahuan penggunaan boneka. Peserta kajian mempunyai pengetahuan dalam pengajaran menggunakan boneka melalui pengalaman mengajar, melalui kursus dan bengkel yang pernah dihadiri.

5.7.2 Kefahaman Mengaplikasikan Penggunaan Boneka

Kajian mendapati peserta kajian mempunyai kefahaman dalam mengaplikasikan penggunaan boneka sebagai bahan bantu mengajar dalam bilik darjah di tabika. Peserta kajian mempunyai kefahaman dalam pendekatan pengajaran menggunakan boneka, kefahaman dalam strategi untuk menarik minat kanak-kanak, kefahaman dalam teknik penyampaian boneka dan kefahaman terhadap kesan penggunaan boneka terhadap kemahiran literasi kanak-kanak.

5.7.3 Kemahiran Dalam Penggunaan Boneka

Kajian ini mendapati terdapat beberapa kemahiran yang diperlukan dalam penggunaan boneka bagi tujuan penambahbaikan pengajaran menggunakan boneka dalam bilik darjah di tabika. Kemahiran-kemahiran ini boleh ditingkatkan dengan menghadiri kursus atau latihan berkaitan dengan penggunaan boneka. Selain itu guru perlu mempunyai minat dalam menggunakan boneka sebagai bahan bantu mengajar supaya memudahkan guru untuk meningkatkan kemahiran dalam penggunaan boneka.

5.8 Rumusan Keseluruhan

Secara keseluruhan, dapatan kajian yang diperoleh bertujuan untuk mengenal pasti aspek-aspek yang diperlukan dalam kemahiran menggunakan boneka dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran literasi. Hasil dapatan kajian mendapati peserta kajian mempunyai pengetahuan dan kefahaman tentang kemahiran penggunaan boneka dari aspek mengendalikan boneka, membuat boneka, jenis-jenis boneka yang sesuai digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran. Selain itu hasil dapatan kajian juga mendapati pengajaran menggunakan boneka terhadap kemahiran literasi kanak-kanak iaitu kanak-kanak lebih yakin untuk berkomunikasi dengan guru dan rakan dengan menggunakan boneka, kanak-kanak juga lebih kreatif dalam menyampaikan cerita, kanak-kanak juga menggunakan boneka untuk bermain dengan rakan-rakan dan kanak-kanak juga boleh bersoal jawab dengan guru, bertanyakan soalan, berbanding sebelum mereka menggunakan boneka. Kanak-kanak berumur empat dan lima tahu, mereka boleh mendengar arahan guru, boleh menjawab soalan dan menyatakan pendapat serta boleh bercerita dan menyanyi dengan menggunakan boneka tanpa rasa malu. Oleh itu penggunaan boneka dapat memberi kesan kepada pembelajaran dan perkembangan kanak-kanak terutamanya dalam kemahiran literasi keberkesanan.

RUJUKAN

- Abdul Hamid, M, A. (2004). *Andragogi: mengajar orang dewasa Pahang*: Pahang: PTS Publication and Distributor.
- Abdul Jalil Othman, Normarini Norzan, Ghazali Darulsalam & Saedah Siraj. (2011). Cabaran guru program linus dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa. *Issues in education*. Penerbitan Universiti Malaya.
- Abdullah. (2005). *Lingustik am: Pengajaran dan pembelajaran bahasa melayu*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn.Bhd.
- Azizah Lebai Nordin & Zainun Ishak. (2001). *Pendidikan Prasekolah Untuk Guru*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Balkis Omar. (2014). *Permainan boneka di dalam pembelajaran kanak-kanak: satu kajian kognitif di tabika kemas*. Tesis sarjana yang tidak diterbitkan. Pusat Kebudayaan Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Bogdan, R.C., & Biklen, S.K. (2007). *Qualitative research for education: An introduction to theories and methods* (4th ed.). Boston: Allyn and Bacon.
- Boiji, H. R. (2010). *Analysis in Qualitative Research*. Log Angeles. L.A: Sage.
- Creswell, J. W. (2005). *Research Design: Qualitative and Quantitative Approach*. London,Uk. Sage.
- Creswell, J. W. (2015). *Qualitative inquiry & research design: Choosing among five approaches* (2ed). London: Sage.
- Denzi, K. N. & Lincon, S. Y. (2011). *The Sage handbook of qualitative research*. Sage.
- Eliason, C. & Jenkins, L. (2003). *A practical guide to early childhood curriculum*. New Jersey: Merrill Prentice Hall.
- Esch, G. & Long E. (2002). The *fabulously fun finger puppet workshop*. *Young Children* 57(1), 90-91.
- Fadzilah Amzah, Nor Hashima Hashim. (2009). Perkembangan bahasa peringkat awal kanak-kanak. *Jurnal Pendidikan*. Jilid 9.
- Fhyrus. (2012). Penggunaan boneka bagi meningkatkan komunikasi kanak-kanak di prasekolah. Akses daripada: [http:// scribd.com/document/penggunaan boneka meningkatkan komunikasi kanak-kanak](http://scribd.com/document/penggunaan_boneka_meningkatkan_komunikasi_kanak-kanak).
- Fleming, N. (2001). Learning Strategies Matched to VARK. Retrieved from: <http://www.vark-learn.com/english/index.asp>

- Frobel, F. W. A (1912). *Frobel Chief Writing on Education*. S. S. F. Fletcher & J. Welton. New York: Longmans, Green & Co.
- Ghazali & Sufean. (2016). *Metodologi Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya.
- H, Korosec. (2013). Evaluating Study of Using Puppets as a Teaching medium in Slovenian School. *Scientific article*.
- Jackman, H. L. (2001). *Early education curriculum: A child's connection to the world*. (2nd ed.). United States: Delmar Thomson Learning.
- Jain Chee. (2008). *Kreativiti dalam lukisan di kalangan murid Prasekolah di sebuah Sekolah Kebangsaan Daerah Sandakan Sabah*. Tesis sarjana yang tidak diterbitkan. Fakulti Pendidikan. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Jain Chee. (2017). *Penerokaan pengetahuan teknologi pedagogi dan kandungan dalam kalangan guru prasekolah di Daerah Sandakan Sabah*. Tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan. Fakulti Pendidikan. Universiti Malaya.
- Julaiza, Harun & Loy Chee Luen. (2011). *Penggunaan boneka dalam pengajaran dan pembelajaran bagi meningkatkan kemahiran komunikasi murid pendidikan khas sekolah rendah*. Malaysia Education Research. Universiti Pendidikan Sultan Idris
- Kamus Dewan. (2002). Kuala Lumpur: Dewan BahasaDan Pustaka.
- Kamus Dewan. (2005). Kuala Lumpur: Dewan BahasaDan Pustaka.
- Kamus Dewan. (2007). Kuala Lumpur (Edisi 4): Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kelinger, F. N. (2000). *Fondation Of Behavioral Research*. New York: Renehart and Winston.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2001). *Kurikulum Prasekolah Kebangsaan*. Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2003). *Kurikulum Prasekolah Kebangsaan*. (2003). Malaysia: Pusat Perkembangan, Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2010). *Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK)*. Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2016). *Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan*. Bahagian Pembangunan Kurikulum. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Keif, J. E. & Casbergue, R.M. (2000). *Playful Learning and teaching: Integrating play into preschool and primary programs*. Boston: Allyn and Bacon.

- Kuratko, D. F. & Hodgetts, R. M. (2004). *Entrepreneurship: Teory, Process, Praticce*. South- western Publisher, Mason, OH.
- Livija, K. (2012). *The power of puppet*, Zagreb: The UNIMA Puppet in Education, Development and Therapy Commission
- Loy Chee Luen. (2004). *Teater boneka sarung tangan di perpustakaan Negara Malaysia: unsur-unsur Pendidikan dan teknik persembahan*. Disertasi. Pusat Kebudayaan. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Loy Chee Luen. (2007). Boneka sebagai alat pedagogi dalam perkembangan sosial dan emosi kanak-kanak prasekolah. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak. Jilid 6, 2017 (45-56)*.
- Loy chee Luen. (2011). *Boneka sebagai alat pedagogi dalam pengajaran kanak-kanak prasekolah*. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Machado, J. M. (2003). *Early childhood experiences in language arts: Emerging Literacy*. (7th Ed.). United States: Thomson Delmar Learning.
- Mahzan Arshad. (2012). *Pendidikan literasi awal kanak-kanak: Teori dan amali*. Penerbitan Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Marohaini Yusoff. (2001). *Penyelidikan Kualitatif: Pengalaman kerja lapangan. kajian*. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya.
- Merriam, S, B. (2002). *Qualitative research in practice: Example for discussion and and analysis approach*. San Franciso: Jersey Bass.
- Merriam, S.B. (2009). *Qualitative research. A guide to design and implementation*. United Stated of America: Jossey-Base A Wiley Imprint.
- Mayesky, M. (2004). *Creative art & activities: Puppets*. United States: Thomson Delmar Learning.
- Moyles, J. (2005). *The excellence of play*. New York.: Open Press University.
- Noraini Idris & Shuki Osman. (2009). *Pengajaran dan pembelajaran: Teori Dan Praktis*. (Malaysia). Sdn.Bhd.
- Noraini Idris. (2010). *Penyelidikan dalam Pendidikan*. McGraw-Hill Education. Malaysia.
- Normazidah Mahmood. (2012). *Penggunaan kaedah pengajaran bahasa arab dalam kalangan guru sekolah rendah: satu penilaian*. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Bahasa dan Lingustik. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

- Neuman, S. B. & Copple, C. (2004). *Learning to read and write: Developmentally Appropriate Practices for young children*. National Association for Education Of Young Children- Washington D.C.
- Othman Lebar. (2009). *Penyelidikan kualitatif: Pengenalan kepada teori dan metod*. Penerbitan Universiti Sultan Idris.
- Patton, M.Q. (2002). *Qualitative evaluation and research methods*. Newbury Park, A: Sage Publication
- Piaget, J. (1962). *Play, dream and imitation in childhood* (C.Gategno & F.M.Hodgson). New York: Norton.
- Piaget, J. (1966). Response to brain Sutton. *Psychological Review*, 73,1.
- Roselan Baki. (2001). *Interaksi lisan dalam pengajaran penulisan bahasa melayu daripada perspektif guru*. Tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Roopnarine, J. L. & Johnson, J. E. (2005). *Approach to early childhood education*. New Jersey: Pearson Prentice Hall.
- Ronit, R. & Davit, T. (2015). I teach better with the puppet- Use of puppet as a mediating tool in kindergarten education-an evaluation. *Journal of education, Vol.3, No. 3, 3*. Retrieved from: <http://pubs.sciepub.com/education/3/3/15>
- Sawyer, W. E. (2004). *Growing up with literature*. Australia: Delmar Learning.
- Shahabudin Hashim, Rohizani Yaakub & Mohd Zohir Ahmad. (2007). *Pedagogi: Strategi dan teknik mengajar dengan berkesan*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn.Bhd.
- Sharifah Nor Puteh & Aliza Ali. (2011). Pendekatan bermain dalam pengajaran bahasa dan literasi bagi pendidikan prasekolah. *Jurnal Pendidikan Bahasa melayu, 1(2), 1-15*.
- Seri Syahliliana. (2015). *Kesan aplikasi pembelajaran berinteraksikan multimedia terhadap pelajar teknikal dari aspek gaya pembelajaran visual*. Laporan Projek. Universiti Tun Hussein Onn. Malaysia
- Vygotsky, L. (1978). *Mind in society*. Cambridge MA: Havard University Press
- Yin, R. K. (2009). *Case study research design and methods* (3 ed. Vol. 5). London: sage.
- Zaida. (2014). Membentuk dan membina binaan. Fakulti Pendidikan dan bahasa. Akses daripada: www.academia.edu/7574954/assignment.
- Zuljevic, V. (2005). *Puppet: A great addition to everyday teaching. Thingking Classroom, Vol.6 (1), 37-44*.